



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI SARAWAK

SIRI 3



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

**AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI SARAWAK**

SIRI 3



KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
3	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN SARAWAK Pengurusan Estet Perindustrian Tebedu Negeri Sarawak
15	JABATAN PERTANIAN SARAWAK PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA) Pengurusan Program Tanam Semula Dan Tanam Baru Getah Di Negeri Sarawak
29	MAJLIS ISLAM SARAWAK Pengurusan Hartanah Wakaf
36	MAJLIS DAERAH SRI AMAN MAJLIS DAERAH LUBOK ANTU Pengurusan Perolehan
52	PERBADANAN URUSAN KEJURUTERAAN DAN LIMBUNGAN BROOKE Pengurusan Perolehan
62	SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI DIPERBADANKAN Pengurusan Pelaburan Kerajaan Negeri Di Dalam Sarawak International Medical Centre
76	YAYASAN SARAWAK C.M. Management (Sarawak) Sdn. Bhd.
99	PENUTUP



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.
2. Jabatan Audit Negara akan terus menyokong Dasar Transformasi Negara dan terus membantu Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Ke arah itu, satu lagi inisiatif di bawah GTP 2.0 telah dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara iaitu mewujudkan paparan “AG’s Dashboard” yang memaparkan status terkini tindakan yang telah diambil oleh pihak Auditi terhadap isu-isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara termasuk syor-syor yang dikemukakan sebaik sahaja Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Paparan sedemikian yang boleh diakses oleh semua pihak dapat memberi gambaran sejauh mana tindakan pembetulan atau penambahbaikan telah diambil oleh Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat pada satu-satu masa.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 1 Kementerian, 1 Jabatan, 6 Agensi dan 1 Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Setiausaha Tetap Kementerian dan Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum Laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Ketua Menteri/Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 16 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat berkenaan.
4. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2014 Siri 3 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana dihasratkan oleh Kerajaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

2 Oktober 2015



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

1. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN SARAWAK

- Pengurusan Estet Perindustrian Tebedu Negeri Sarawak

1.1. Sepuluh estet perindustrian di 7 bahagian di Negeri Sarawak telah dibangunkan oleh Kementerian Pembangunan Perindustrian Sarawak (MID) semenjak tahun 1988 dengan kos pembinaan RM1.26 bilion melibatkan kawasan seluas 2,815.6 hektar. Estet tersebut ialah Estet Perindustrian Demak Laut dan *Samajaya Free Industrial Zone* di Bahagian Kuching; Estet Perindustrian Kota Samarahan dan Estet Perindustrian Tebedu di Bahagian Kota Samarahan; *Sarikei Light Industrial Estate* di Bahagian Sarikei; *Mukah Light Industrial Estate* di Bahagian Mukah; *Kapit Light Industrial Estate* di Bahagian Kapit; *Bekenu Light Industrial Estate* dan *Kuala Baram Industrial Estate* di Bahagian Miri dan Estet Perindustrian Lawas di Bahagian Limbang. Objektif peringkat awal pembangunan estet perindustrian di negeri Sarawak adalah bertujuan untuk mempromosi dan menggalak pelaburan di dalam industri sektor pembuatan bagi mencapai status negeri perindustrian menjelang tahun 2010. Setakat tahun 2014, seluas 1,611.5 hektar daripada 2,815.6 hektar kawasan tapak estet perindustrian yang dibangunkan telah ditawarkan kepada 574 pelabur.

1.2. Pada November 1997 Kerajaan Negeri telah meluluskan tapak Estet Perindustrian Tebedu (TIE) yang terletak di 90 kilometer dari Kuching dan 650 meter dari sempadan Malaysia – Indonesia. Tujuan TIE ialah untuk menggalakkan kerjasama ekonomi antara 2 wilayah iaitu Tebedu di sebelah Sarawak dan Entikong di sebelah Kalimantan, mendorong pembangunan Enterpris Kecil Sederhana dalam aspek pembuatan, pemprosesan industri berasaskan pertanian dan mewujudkan peluang pekerjaan di samping memperkukuhkan pembangunan sosioekonomi di sempadan. Estet Perindustrian Tebedu dibangunkan dengan kos projek berjumlah RM65.13 juta dan mempunyai 45 lot perindustrian serta dilengkapi dengan kemudahan bekalan letrik dan air. Skop dan komponen projek TIE merangkumi kerja pembersihan dan penambakan tapak perindustrian serta penyediaan kemudahan asas seperti jalan raya, parit, elektrik, air dan telekomunikasi.

1.3. Nilai siling bagi membangunkan projek TIE yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) hingga Kesepuluh (RMKe-10) adalah berjumlah RM124.47 juta. Peruntukan sejumlah RM124.28 juta telah diterima daripada Kerajaan Negeri termasuk RM69.41 juta pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan setakat tahun 2014. Sejumlah RM89.45 juta telah dibelanjakan bagi kos perunding, kos survei, kos pengambilan tanah, kerja kontrak dan penyediaan utiliti bagi tempoh yang sama.

1.4. Pengauditan yang dijalankan pada bulan April hingga Jun 2015 mendapati prestasi pelaksanaan projek pembangunan TIE kurang memuaskan dan sasaran projek masih belum tercapai. Ringkasan penemuan Audit adalah seperti berikut:

- Sasaran projek untuk meningkat dan menggalakkan kegiatan ekonomi dengan mewujudkan peluang pekerjaan dan pembangunan dalam industri pembuatan di Tebedu belum tercapai.
- Kerja ukur dan siasatan tanah tidak dijalankan secara komprehensif menyebabkan peningkatan kos dalam pemecahan batu. Ini juga menyebabkan pembersihan tapak dan penambakan tanah tidak dapat dilaksanakan mengikut skop kerja yang telah ditetapkan di dalam kontrak.
- Kegagalan projek disiapkan mengikut jadual.
- Prestasi kewangan projek kurang memuaskan sehingga berlaku peningkatan kos projek sebanyak RM3.83 juta iaitu 6.2% daripada kos asal projek berjumlah RM61.30 juta.

1.5. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam perancangan projek yang lain, adalah disyorkan Kementerian Pembangunan Perindustrian Sarawak (MID) mengambil tindakan seperti berikut:

1.5.1. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri perlu menyusul dengan Kerajaan Indonesia bagi memastikan masalah perdagangan dan keselamatan di sempadan Tebedu-Entikong dapat ditambah baik agar kemudahan yang disediakan di Estet Perindustrian Tebedu dapat digunakan bagi mencapai objektif dan sasaran projek yang telah ditetapkan.

1.5.2. MID perlu memantapkan keupayaan dari segi pengurusan projek terutamanya memastikan kerja ukur dan siasatan tanah dijalankan secara komprehensif untuk mengelak daripada peningkatan kos, pelaksanaan kerja tidak mengikut kontrak dan kegagalan projek untuk siap mengikut jadual.

2. JABATAN PERTANIAN SARAWAK DAN PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)

- Pengurusan Program Tanam Semula Dan Tanam Baru Getah Di Negeri Sarawak

2.1. Aktiviti penanaman getah bermula di Sarawak pada RMKe-8 yang tertumpu kepada Zon Penanaman Getah/Rubber Growing Zone di Bahagian Sri Aman, Betong dan Sarikei menggunakan pendekatan *Rubber Mini Estate* (RME) dengan keluasan minima 100 hektar yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Sarawak (JPS). Dalam RMKe-9, penanaman getah secara *Rubber Block Planting* (RBP) diperkenalkan ke Bahagian lain dengan keluasan minima 40 hektar. Bagi RMKe-10, di bawah *National Key Economic Areas* (NKEA) : EPP 2 – *Ensuring Sustainability of the Upstream Rubber Industry* ini bertujuan untuk menangani penurunan kawasan ladang getah Malaysia dengan mengekalkan kawasan getah seluas 1.2 juta hektar. Bagi menggalakkan kerja menanam semula dan aktiviti penanaman baru di kalangan pekebun kecil, Kerajaan telah meningkatkan geran penanaman semula daripada

RM7,000 kepada RM9,230 sehektar di Semenanjung Malaysia, RM13,500 sehektar di Sarawak dan RM14,000 sehektar di Sabah. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil agar melebihi garis kemiskinan; membangunkan tanaman getah sebagai tanaman utama bagi memastikan bekalan getah dan kayu getah untuk industri produk getah dan berasaskan kayu getah berterusan; dan memastikan kelangsungan industri getah bagi memastikan kestabilan kadar pendapatan. Bagi tempoh 2012 hingga 2014, Program Tanam Baru Getah telah disertai oleh 7,486 pekebun dengan keluasan 17,629.8 hektar manakala 7,397 pekebun kecil telah menyertai Tanam Semula Getah melibatkan jumlah keluasan 13,226.2 hektar.

2.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mei hingga Julai 2015 mendapati pada keseluruhannya pelaksanaan Program Tanam Baru dan Semula Getah di bawah *National Key Economic Areas (NKEA) : EPP 2 – Ensuring Sustainability of the Upstream Rubber Industry* bagi tempoh 2012 hingga 2014 telah berjaya meningkatkan keluasan ladang getah sebanyak 30.86 ribu hektar dengan melibatkan 14,883 peserta di seluruh Sarawak. Bagaimanapun, sepanjang pelaksanaannya terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Program Tanam Semula Getah dilaksanakan dengan baik di mana pencapaian prestasinya adalah 100.2% berbanding sasaran. Bagaimanapun, prestasi fizikal bagi Program Tanam Baru Getah hanya mencapai 58.8% tetapi pencapaian kewangan keseluruhan bagi program yang sama adalah memuaskan dengan 75.4%.
- Perolehan *Budded Rubber Stump (BRS)* lewat dibayar dan perolehan baja dibuat tidak mengikut terma kontrak.
- Kajian awal projek kurang memuaskan menyebabkan terdapat projek *Rubber Block Planting (RBP)* yang tidak dapat diteruskan.
- Pengurusan Jawatankuasa Tanam Semula Berkelompok (TSB) yang kurang memuaskan iaitu kurang pemantauan terhadap Akaun Jawatankuasa TSB.

2.3. Bagi meningkatkan prestasi pengurusan Program Tanam Baru dan Tanam Semula Getah di Sarawak adalah disyorkan supaya langkah seperti berikut diambil:

2.3.1. Jabatan Pertanian Sarawak hendaklah merancang perolehan dengan teliti bagi memastikan sasaran program tercapai.

2.3.2. Jabatan Pertanian Sarawak hendaklah bekerjasama dengan RISDA untuk sentiasa memantau prestasi kontraktor dan mengambil tindakan yang tegas mengikut terma kontrak di atas ketidakpatuhan syarat-syarat kontrak.

2.3.3. Jabatan Pertanian Sarawak hendaklah memastikan kajian awal terhadap kesesuaian tanah perlu dibuat dengan teliti sebelum projek diluluskan bagi mengelakkan berlakunya projek dibatalkan sebaik sahaja bermula.

2.3.4. RISDA hendaklah memastikan Jawatankuasa Tanam Semula Berkelompok (TSB) melaksanakan tugas dan tanggung jawab yang ditetapkan supaya peruntukan yang disalurkan ke Akaun Jawatankuasa digunakan untuk tujuan yang telah ditentukan. Pegawai Penyelia hendaklah memastikan Jawatankuasa TSB diberi latihan dan bimbingan dari semasa ke semasa.

3. MAJLIS ISLAM SARAWAK

- Pengurusan Hartanah Wakaf

3.1. Wakaf berasal dari perkataan Arab “Waqf” yang bererti menahan, berhenti, atau diam. Sementara pengertian Wakaf dari segi istilah bermaksud menahan harta yang dapat memberi manfaat bagi kepentingan umum serta kekal fizikal bendanya (iaitu ain) dengan cara memutuskan hak pengelolaan yang dimiliki oleh pewakaf untuk diserahkan kepada Nazir yang dibolehkan oleh syariah. Harta wakaf terbahagi kepada dua jenis iaitu Wakaf Khas dan Wakaf Am. Wakaf Khas adalah wakaf yang telah ditentukan penggunaannya oleh pewakaf dan manfaatnya hanya boleh digunakan untuk tujuan yang dikhaskan sahaja. Manakala Wakaf Am pula adalah wakaf tidak dikhaskan bagi tujuan tertentu dan boleh diusahakan untuk apa jua pembangunan yang memberikan pulangan kepada Majlis Islam Sarawak (MIS) dan manfaatnya kepada masyarakat Islam. Setakat Disember 2014, sebanyak 112 harta wakaf terdiri daripada surau/masjid, bangunan komersial, sekolah agama dan tapak perkuburan telah didaftar oleh MIS yang melibatkan tanah seluas 417.58 ekar. Selain itu, MIS juga mempunyai Pelaburan Am Wakaf berjumlah RM1.82 juta dan wang tunai wakaf berjumlah RM484,976. MIS juga mempunyai Kumpulan Wang Wakaf terkumpul berjumlah RM15.69 juta.

3.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari hingga April 2015 mendapati pada amnya pengurusan hartanah wakaf adalah memuaskan. Bagaimanapun masih terdapat beberapa kelemahan yang memerlukan penambahbaikan dibuat dalam aspek-aspek seperti berikut:

- Tempoh masa pemprosesan pindah milik tanah wakaf tidak dapat ditentukan.
- Manual wakaf tidak disediakan.
- Pembangunan tanah wakaf.

3.3. Bagi memastikan pengurusan hartanah wakaf dapat dipertingkatkan dan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang adalah disyorkan Majlis Islam Sarawak (MIS) mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

3.3.1. Menyediakan satu Manual Wakaf yang lengkap dan kemas kini dalam mengurus hartanah wakaf sebagai panduan dan rujukan dengan menetapkan norma bagi setiap proses dalaman untuk memastikan keberkesanan dalam urusan permohonan wakaf. Semua tapak perkuburan, surau dan masjid yang di bawah tanah wakaf hendaklah didaftarkan segera supaya status hak milik hartanah wakaf tersebut terpelihara.

3.3.2. Berusaha untuk membangunkan tapak tanah kosong atau menggunakan konsep istibdal terhadap tapak tanah yang tidak dapat dibangunkan supaya manfaatnya dapat diperolehi oleh pewakaf.

4. MAJLIS DAERAH SRI AMAN DAN MAJLIS DAERAH LUBOK ANTU

- Pengurusan Perolehan

4.1. Perolehan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah termasuk pelaksanaan projek pembangunan, perolehan kerja, aset dan bekalan untuk tujuan operasi harian PBT. Pembiayaan perbelanjaan perolehan PBT adalah dari peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan peruntukan PBT sendiri. Perolehan dibuat secara pembelian terus, sebut harga, tender dan rundingan terus. Tatacara perolehan PBT adalah tertakluk kepada The Local Authorities Ordinance, 1996 (Ordinan), The Local Authorities Financial Regulations, 1997 (LAFR 1997), Manual Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008, peraturan kewangan Negeri, peraturan kewangan Persekutuan bagi peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan pekeliling berkaitan yang sedang berkuat kuasa. Sumber pendapatan Majlis Daerah Sri Aman (MDSA) dan Majlis Daerah Lubok Antu (MDLA) adalah dari geran Kerajaan Persekutuan serta Kerajaan Negeri, cukai taksiran, yuran, faedah dari pelaburan, hasil pelbagai dan lesen. Manakala perbelanjaan adalah bagi perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan untuk tujuan operasi dan melaksanakan projek pembangunan di kawasan MDSA dan MDLA. Pendapatan dan perbelanjaan MDSA dan MDLA bagi tahun 2012 hingga 2014 masing-masingnya adalah sejumlah RM49.58 juta dan RM46.97 juta.

4.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan April hingga Jun 2015 mendapati pengurusan perolehan MDSA dan MDLA telah dilaksanakan dengan memuaskan dari aspek pematuhan terhadap prosedur perolehan, tawaran kerja dan jawatankuasa yang dilantik, prestasi penggunaan peruntukan, perbelanjaan perolehan mengikut maksud serta bekalan telah diterima dan disimpan dengan baik. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang perlu dibuat penambahbaikan oleh MDSA dan MDLA seperti berikut:

- Kerja tidak menepati skop.
- Projek siap tidak disenggara.
- Projek siap tidak digunakan.
- Pengurusan kontrak kurang memuaskan.

4.3. Bagi memastikan pengurusan perolehan Majlis Daerah Sri Aman (MDSA) dan Majlis Daerah Lubok Antu (MDLA) dibuat dengan cekap serta berkesan dan kelemahan yang dibangkitkan di dalam laporan tidak berulang adalah disyorkan supaya langkah seperti berikut diambil:

4.3.1. MDSA dan MDLA meningkatkan pemantauan bagi memastikan pematuhan kepada spesifikasi kerja yang telah ditetapkan, projek yang telah siap disenggara dan digunakan supaya tiada pembaziran wang awam berlaku.

4.3.2. MDSA dan MDLA memastikan perolehan dibuat dengan mematuhi sepenuhnya peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa.

5. PERBADANAN URUSAN KEJURUTERAAN DAN LIMBUNGAN BROOKE

- Pengurusan Perolehan

5.1. Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke (Perbadanan) adalah entiti kejuruteraan laut bersepadu utama di Sarawak yang beroperasi sebagai organisasi perniagaan yang berasaskan keuntungan. Perbadanan berfungsi sebagai jurutera dan kontraktor dengan membina produk tempahan khas dan menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan dengan cara yang berdaya saing serta inovatif tanpa kompromi terhadap piawai keselamatan dan kualiti. Pada awal Mei 1985, Limbungan Brooke telah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia untuk pembaikan dan penyenggaraan bot dan kapal Kerajaan. Perbadanan bermula sebagai pereka bentuk modul luar pantai (offshore) utama pada tahun 1996 dan pembekal perkhidmatan bagi petroleum, marin serta industri pembuatan. Bengkel mereka bentuk utama adalah di Sejingkat, Kuching seluas 20 ekar untuk mengendali kerja kejuruteraan berat termasuk modul pelantar minyak serta gas, pembinaan kapal atau bot, kerja pembaikan kapal dan industri pembuatan. Struktur Organisasi Perbadanan dibahagikan kepada 5 bahagian iaitu Kejuruteraan *Landbased*, Pembinaan Kapal/Jambatan, Jabatan Pembaikan Kapal, Jabatan Teknikal Minyak Serta Gas dan Korporat/Kumpulan Sokongan. Operasi pentadbiran dan pengurusan Perbadanan diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif yang bertanggungjawab untuk mengurus hal-ehwal kewangan dan menyelenggara rekod serta prosedur kewangan serta perakaunan berpandukan Ordinan Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke, Ordinan Badan-badan Berkanun (Prosedur Kewangan dan Perakaunan) (Pindaan), 2004 dan Peraturan/Pekeliling Perbendaharaan. Seksyen Perolehan bertanggungjawab untuk melaksanakan pengurusan kontrak yang berkualiti serta cekap dan memastikan pelaksanaan projek disiapkan mengikut jadual dan spesifikasi yang ditetapkan.

5.2. Kaedah perolehan bekalan, kerja dan perkhidmatan Perbadanan adalah melalui pembelian terus, sebut harga dan tender. Pada tahun 2012 hingga 2014, Perbadanan telah mengutip hasil sejumlah RM858.34 juta. Bagi tempoh yang sama, jumlah perbelanjaan Perbadanan adalah sejumlah RM827.08 juta iaitu RM27.68 juta atau 3.3% untuk perbelanjaan mengurus dan RM799.40 juta atau 96.7% untuk perbelanjaan projek.

5.3. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Februari hingga Mei 2015 mendapati pengurusan perolehan oleh Perbadanan adalah memuaskan dari segi perancangan dan pemantauan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam pelaksanaan perolehan kerja yang boleh dipertingkatkan seperti berikut:

- Pelawaan tender tidak mematuhi prosedur perolehan dan syarat kontrak yang ditetapkan dengan sepenuhnya.
- Kelewatan dalam penghantaran dan penerimaan peralatan projek menyebabkan kerja lewat disiapkan dan kos meningkat sejumlah RM70.25 juta setakat akhir bulan Disember 2014.
- Bayaran tertunggak sejumlah RM24.50 juta untuk 5 projek yang telah siap dilaksanakan oleh Perbadanan setakat akhir bulan Jun 2015.

5.4. Bagi memastikan pengurusan perolehan dan projek Perbadanan dibuat dengan cekap serta berkesan dan kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini tidak berulang adalah disyorkan supaya langkah seperti berikut diambil:

5.4.1. Perbadanan hendaklah memastikan semua pembelian dibuat dengan mematuhi peraturan perolehan sepenuhnya.

5.4.2. Perbadanan hendaklah mengambil tindakan lebih tegas terhadap pembekal atau sub kontraktor yang gagal membekal dan menghantar peralatan utama tepat pada masanya. Begitu juga bagi mengutip balik bayaran tertunggak.

6. SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI DIPERBADANKAN

- Pengurusan Pelaburan Kerajaan Negeri Di Dalam Sarawak International Medical Centre

6.1. Kerajaan Negeri Sarawak melalui Sarawak Specialist Hospital & Medical Centre Sdn. Bhd. (SSHMC) iaitu anak syarikat SSHMC Management And Holdings Sdn. Bhd. yang dimiliki sepenuhnya oleh Setiausaha Kewangan Negeri Diperbadankan (SFS Inc.) telah membina sebuah pusat perubatan pakar dikenali sebagai Sarawak International Medical Centre (SIMC) di Kota Samarahan, Sarawak. Visi jangka panjang Kerajaan negeri adalah untuk menjadikan SIMC sebagai sebuah pusat perubatan dan hospital pengajian tinggi yang menyediakan perkhidmatan perubatan kepada warga Sarawak, Sabah, Brunei dan Kalimantan serta menjadi sebuah pusat perubatan serantau di Asia Tenggara. Visi SIMC pula adalah untuk menjadi *a leading integrated specialty and subspecialties medical centre in Southeast Asia* manakala misi SIMC adalah *to provide the very best medical care through an integrated public, academic and private health care delivery system*. Sarawak Specialist Hospital & Medical Centre Sdn. Bhd. telah ditubuhkan untuk mengurus pembinaan, menyenggara dan mentadbir SIMC. Projek pembinaan SIMC dilulus dan dilancarkan pada tahun 1998 tetapi pembinaan SIMC hanya bermula pada bulan Julai 2003. Sumber kewangan projek adalah daripada suntikan modal sejumlah RM50.50 juta daripada Kerajaan negeri yang merupakan pembelian sebanyak 50.50 juta saham biasa bernilai RM1 setiap satu sebagai ekuiti Kerajaan negeri dalam SSHMC dan Istisna' Serial Bond bernilai RM425 juta yang telah diterbitkan pada bulan September 2004. Kontrak ditawarkan secara turnkey kepada Konsortium yang terdiri daripada Sesco Engineering Sdn. Bhd. (SE) dan Vamed Engineering GmbH & Co. KG (VAMED) pada 20 Disember 2002 dengan nilai kontrak

sejumlah RM374.12 juta iaitu sejumlah RM214.11 juta dengan tambahan EURO36.30 juta bagi *specialist medical and IT equipment* dan bayaran perunding berjumlah RM18.45 juta menjadikan kos asal pembangunan projek SIMC adalah sejumlah RM390.15 juta dan jumlah ini adalah termasuk pemasangan bekalan elektrik dan air sejumlah RM16.02 juta. Tempoh kontrak adalah selama 36 bulan mulai 15 Julai 2003 hingga 14 Julai 2006. Pada tahun 2005, kos pembangunan projek SIMC disemak semula daripada sejumlah RM390.15 juta kepada RM453.24 juta bagi mengambil kira kos perubahan struktur yang dijangka, kerugian atas kenaikan mata wang Euro dan lain-lain kos.

6.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari hingga Mac 2015 mendapati secara keseluruhan prestasi pengurusan pelaburan SFS Inc. di dalam Sarawak International Medical Centre adalah tidak memuaskan. Secara ringkasnya kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- Tujuan asal pelaksanaan projek SIMC oleh Sarawak Specialist Hospital & Medical Centre Sdn. Bhd. (SSHMC) adalah untuk menjadikan SIMC sebuah pusat perubatan dan hospital pengajian tinggi yang menyediakan perkhidmatan perubatan serta menjadi sebuah pusat perubatan serantau di Asia Tenggara tidak tercapai.
- Projek SIMC lewat disiapkan dengan kos pembangunan meningkat kepada sejumlah RM534.38 juta.
- *Settlement Agreement* tidak menjaga kepentingan Kerajaan.
- Pengurusan aset SSHMC di SIMC lemah.

6.3. Bagi memastikan pengurusan pelaburan Kerajaan negeri di dalam Sarawak International Medical Centre (SIMC) dapat memberi manfaat sepenuhnya kepada rakyat dan kelemahan yang dibangkitkan tidak lagi berulang, Setiausaha Kewangan Negeri Diperbadankan dan Sarawak Specialist Hospital & Medical Centre Sdn. Bhd. (SSHMC) adalah disyorkan untuk mengambil tindakan seperti berikut:

6.3.1. Setiausaha Kewangan Negeri Diperbadankan dan ahli Lembaga Pengarah SSHMC perlu mengkaji dan menilai semula pengurusan serta aktiviti SSHMC untuk menentukan arah tuju syarikat supaya mendapat pulangan ke atas pelaburan. Setiausaha Kewangan Negeri Diperbadankan melalui Kerajaan negeri perlu menjalankan rundingan dengan secepat mungkin untuk menjual SIMC kepada Kerajaan Persekutuan.

6.3.2. Setiausaha Kewangan Negeri Diperbadankan perlu meneliti dan memantau perjanjian yang dibuat dan ditandatangani oleh anak syarikatnya dengan pihak lain bagi mengelakkan terma perjanjian yang merugikan pihak Kerajaan.

6.3.3. SSHMC perlu mengambil tindakan mengenal pasti peralatan perubatan dan bukan perubatan yang tidak digunakan atau usang dan tidak diperlukan di SIMC supaya tindakan seterusnya dapat dilakukan dengan kadar segera dan memberi nombor pendaftaran

terhadap aset yang digunakan untuk memudahkan pengenalan dan pengesanan aset dilakukan.

7. YAYASAN SARAWAK

- C.M. Management (Sarawak) Sdn. Bhd.

7.1. Creative Inspirations Sdn. Bhd. telah diperbadankan pada 28 Mac 1994 dan telah ditukarkan namanya kepada C.M. Management (Sarawak) Sdn. Bhd. (CMM) pada 6 Jun 1994. C.M. Management (Sarawak) Sdn. Bhd. dimiliki penuh oleh Yayasan Sarawak (YS) iaitu sebuah Badan Berkanun Kerajaan Negeri Sarawak. Modal dibenar dan modal berbayar adalah berjumlah RM4.77 juta.

7.2. Objektif penubuhan CMM adalah pembangunan modal insan bagi memenuhi khususnya kehendak Perkhidmatan Awam Negeri melalui latihan dan pembelajaran berterusan. Aktiviti utama CMM adalah untuk melaksanakan pelbagai kursus, latihan dan seminar secara *in-house* untuk pegawai dan kakitangan dalam Perkhidmatan Awam Negeri, Badan-badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-badan Korporat. Visi CMM adalah untuk menjadi pusat pembelajaran berprestasi tinggi dengan melaksanakan transformasi sumber manusia yang inovatif. Manakala misi CMM adalah untuk melaksanakan transformasi Perkhidmatan Awam melalui Kumpulan Prestasi Tinggi (*High Performance Team*) dan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang (*Excellent Service Delivery*). Peranan strategik CMM adalah untuk menyediakan program dan inisiatif dalam bidang pengurusan serta teknikal kepada organisasi sektor awam. Selain itu, CMM juga memberi khidmat perunding berdasarkan keperluan sesebuah organisasi. Program latihan/kursus yang disediakan adalah tertumpu kepada matlamat organisasi berkenaan, masalah urusan sebenar, objektif dan kehendak pengurusan yang dikendalikan selaras dengan keperluan organisasi. Program yang diadakan adalah komprehensif sama ada diadakan di pusat latihan CMM atau di premis pelanggan. Program juga diadakan di peringkat individu, berpasukan dan organisasi. Selain menyediakan bilik kuliah/sindiket dan tempat penginapan, CMM juga menyediakan pelbagai tempat kemudahan serta riadah untuk pelanggan seperti pusat sumber, auditorium, dewan bankuet, bilik gimnasium, kedai mini dan dobi.

7.3. C.M. Management (Sarawak) Sdn. Bhd. mempunyai 8 ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri iaitu YB Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi Bin Abdul Ghani, YBhg. Datu Haji Misnu Bin Haji Taha, YBhg. Datu Laura Lee Ngien Hion, YBhg. Datu Haji Mohamad Abu Bakar Bin Marzuki, YBhg. Prof. Dato Dr. Jamil Hamali, Dr. Sabariah Putit, YBhg. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi dan YBhg. Datu Dr. Penguang Anak Manggil. Pengurusan harian syarikat diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh 48 tenaga kerja iaitu 2 Pengurus Kanan, 4 Pengurus, 3 Penolong Pengurus dan 39 pegawai eksekutif dan bukan eksekutif. Struktur pengurusan CMM dibahagikan kepada 6 seksyen iaitu Seksyen Pembangunan Perniagaan, Seksyen Program Pengurusan, Seksyen Inovasi dan Kualiti Sumber Manusia, Seksyen Akaun dan Kemudahan, Seksyen Hal Ehwal Korporat dan ICT dan Seksyen Pusat Cemerlang.

7.4. Syarikat telah mencatat keuntungan selepas cukai berjumlah RM148,965 dan RM272,302 pada tahun 2013 dan 2014. Manakala keuntungan terkumpul pada akhir tahun 2014 berjumlah RM3.34 juta atau peningkatan sebanyak 0.9% berbanding RM3.31 juta pada akhir tahun 2013. Bagi tahun 2014, hasil utama CMM merupakan caj perkhidmatan berjumlah RM10.85 juta manakala kutipan hasil pelbagai adalah RM0.23 juta. Pada tempoh yang sama, syarikat telah berbelanja sejumlah RM10.64 juta iaitu RM6.56 juta merupakan perbelanjaan langsung dan RM4.08 juta adalah perbelanjaan pengurusan pentadbiran serta kos kewangan.

7.5. Pengauditan yang dijalankan pada bulan April 2015 hingga Mei 2015 mendapati secara keseluruhan prestasi kewangan, pengurusan kewangan, pengurusan program pembelajaran serta pengurusan tadbir urus korporat adalah memuaskan.

7.6. Sebagai langkah memastikan syarikat beroperasi secara berterusan dan mencapai objektif penubuhannya, adalah disyorkan C.M. Management (Sarawak) Sdn. Bhd. mengambil tindakan seperti berikut:

7.6.1. Menyemak semula program dan memantapkan lagi kandungan serta metodologi kursus yang dijalankan supaya selaras dengan rancangan yang telah diluluskan dan mengambil kira keperluan semasa dari aspek pengurusan kewangan, pengurusan aktiviti, pengurusan projek serta bidang teknologi maklumat (ICT) untuk meningkatkan kecemerlangan perkhidmatan awam.



**AKTIVITI
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI**

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN SARAWAK

1. PENGURUSAN ESTET PERINDUSTRIAN TEBEDU NEGERI SARAWAK

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Sepuluh estet perindustrian di 7 bahagian di Negeri Sarawak telah dibangunkan oleh Kementerian Pembangunan Perindustrian Sarawak (MID) semenjak tahun 1988 dengan kos pembinaan RM1.26 bilion melibatkan kawasan seluas 2,815.6 hektar. Estet tersebut ialah Estet Perindustrian Demak Laut dan *Samajaya Free Industrial Zone* di Bahagian Kuching; Estet Perindustrian Kota Samarahan dan Estet Perindustrian Tebedu di Bahagian Kota Samarahan; *Sarikei Light Industrial Estate* di Bahagian Sarikei; *Mukah Light Industrial Estate* di Bahagian Mukah; *Kapit Light Industrial Estate* di Bahagian Kapit; *Bekenu Light Industrial Estate* dan *Kuala Baram Industrial Estate* di Bahagian Miri dan Estet Perindustrian Lawas di Bahagian Limbang. Objektif peringkat awal pembangunan estet perindustrian di negeri Sarawak adalah bertujuan untuk mempromosi dan menggalak pelaburan di dalam industri sektor pembuatan bagi mencapai status negeri perindustrian menjelang tahun 2010. Setakat tahun 2014, seluas 1,611.5 hektar daripada 2,815.6 hektar kawasan tapak estet perindustrian yang dibangunkan telah ditawarkan kepada 574 pelabur.

1.1.2. Pada November 1997 Kerajaan Negeri telah meluluskan tapak Estet Perindustrian Tebedu (TIE) yang terletak di 90 kilometer dari Kuching dan 650 meter dari sempadan Malaysia – Indonesia. Tujuan TIE ialah untuk menggalakkan kerjasama ekonomi antara 2 wilayah iaitu Tebedu di sebelah Sarawak dan Entikong di sebelah Kalimantan, mendorong pembangunan Enterpris Kecil Sederhana dalam aspek pembuatan, pemprosesan industri berasaskan pertanian dan mewujudkan peluang pekerjaan di samping memperkukuhkan pembangunan sosioekonomi di sempadan. Estet Perindustrian Tebedu dibangunkan dengan kos projek berjumlah RM65.13 juta dan mempunyai 45 lot perindustrian serta dilengkapi dengan kemudahan bekalan letrik dan air. Skop dan komponen projek TIE merangkumi kerja pembersihan dan penambakan tapak perindustrian serta penyediaan kemudahan asas seperti jalan raya, parit, elektrik, air dan telekomunikasi.

1.1.3. Nilai siling bagi membangunkan projek TIE yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) hingga Kesepuluh (RMKe-10) adalah berjumlah RM124.47 juta. Peruntukan sejumlah RM124.28 juta telah diterima daripada Kerajaan Negeri termasuk RM69.41 juta pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan setakat tahun 2014. Sejumlah RM89.45 juta telah dibelanjakan bagi kos perunding, kos survei, kos pengambilan tanah, kerja kontrak dan penyediaan utiliti bagi tempoh yang sama.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pembangunan TIE oleh MID telah dilaksanakan dengan cekap, ekonomik dan berkesan dalam mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan pembangunan TIE. Pengauditan dijalankan di pejabat Kementerian Pembangunan Perindustrian Sarawak (MID). Maklumat tambahan juga diperoleh daripada Jabatan dan Agensi seperti Kementerian Perancangan Sumber dan Alam Sekitar (KPPS), Unit Perancang Negeri Sarawak (UPNS), Setiausaha Kewangan Negeri (SFS) dan Majlis Daerah Serian (MDS). Pengauditan adalah dengan menyemak rekod, dokumen dan fail berkaitan serta mengkaji dan menganalisis data berkaitan dengan projek pembangunan TIE. Selain itu, temu bual bersama pegawai yang terlibat dan lawatan ke tapak projek juga dijalankan pada 18 Mei 2015. *Exit Conference* telah diadakan bersama Setiausaha Tetap MID pada 29 Jun 2015 yang turut dihadiri oleh Ketua Penolong Setiausaha KPPS, Penolong Pengarah UPNS dan Pemangku Setiausaha MDS.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan April hingga Jun 2015 mendapati prestasi pelaksanaan projek pembangunan TIE kurang memuaskan dan sasaran projek masih belum tercapai. Ringkasan penemuan Audit adalah seperti berikut:

- Sasaran projek untuk meningkat dan menggalakkan kegiatan ekonomi dengan mewujudkan peluang pekerjaan dan pembangunan dalam industri pembuatan di Tebedu belum tercapai.
- Kerja ukur dan siasatan tanah tidak dijalankan secara komprehensif menyebabkan peningkatan kos dalam pemecahan batu. Ini juga menyebabkan pembersihan tapak dan penambakan tanah tidak dapat dilaksanakan mengikut skop kerja yang telah ditetapkan di dalam kontrak.
- Kegagalan projek disiapkan mengikut jadual.
- Prestasi kewangan projek kurang memuaskan sehingga berlaku peningkatan kos projek sebanyak RM3.83 juta iaitu 6.2% daripada kos asal projek berjumlah RM61.30 juta.

1.4.1. Perancangan Projek

1.4.1.1. Kerajaan Negeri telah menjalankan kajian terhadap pembangunan di sempadan pada tahun 1998. *Study On The Development Of Border Towns In Sarawak* ini dilakukan oleh Konsortium Malaysia. Ini adalah hasil dari cadangan Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Indonesia pada tahun 1996 yang bercadang untuk membangun kemudahan

infrastruktur di kawasan sempadan bagi menggalakkan pembangunan dan kerjasama dalam perdagangan.

1.4.1.2. Pemilihan Tapak Projek

Kementerian Pembangunan Perindustrian Sarawak telah mencadangkan 2 tapak untuk dipertimbangkan bagi projek pembangunan TIE iaitu kawasan seluas 150 hektar bersebelahan dengan Bandar Mutiara dan kawasan seluas 500 hektar di sepanjang Jalan Pengkalan Amo. Pada tahun 1997, Majlis Perancangan Negeri (MPN) pada mulanya telah meluluskan kawasan di sepanjang Jalan Pengkalan Amo untuk dijadikan tapak projek kerana tapak yang luas bagi tujuan perancangan projek di masa hadapan. Bagaimanapun, Mesyuarat *State Industrial Land Committee* pada 7 Disember 1998 telah membatalkan kelulusan tersebut kerana tidak ada kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik dan telekomunikasi di kawasan berdekatan. Jalan Pengkalan Amo juga merupakan *gravel road*. Oleh itu, pihak MID telah mengemukakan permohonan tapak baru bagi projek pembangunan TIE kepada KPPS pada 1 Mac 2000. Kelulusan tapak diperoleh daripada *State Planning Authority* (SPA) pada 26 Oktober 2000 melibatkan kawasan seluas 150 hektar bersebelahan Bandar Mutiara dengan pampasan tanah berjumlah RM7.43 juta.

1.4.1.3. Kerja Ukur dan Siasatan Tanah

- a. Menurut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2011, Jabatan yang ingin melaksanakan sesuatu projek pembangunan fizikal atau kajian, tetapi tidak mempunyai keupayaan dari segi kepakaran atau kakitangan di dalam organisasi sendiri boleh menggunakan perkhidmatan perunding. Semakan Audit mendapati pihak Konsortium Malaysia yang dilantik pada 27 Ogos 2001 untuk mengendalikan projek telah memberi anggaran yang tidak tepat berkenaan kuantiti batu di tapak projek semasa penyediaan dokumen kontrak. MID ada melantik 3 syarikat untuk menjalankan kerja ukur dan siasatan tanah pada tahun 2001 dan 2002 seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1
Kerja Ukur Dan Siasatan Yang Dijalankan Di Dalam Tahun 2001 Hingga 2002

Bil.	Nama Syarikat	Jenis Siasatan	Tahun
1.	Ukurunding Kenyalang Sdn. Bhd.	<i>Topographical Survey</i>	2001
2.	Timur Drilling Sdn. Bhd.	<i>Soil Investigation Works</i>	2002
3.	TECA Sdn. Bhd.	<i>Seismic Refraction Survey</i>	2002

Sumber: Kementerian Pembangunan Perindustrian Sarawak

- b. Laporan hasil survei bagi kerja ukur topografi, penyiasatan tanah dan *Seismic Refraction Survey* yang terdapat di dalam dokumen kontrak menunjukkan kerja ukur dan siasatan telah dijalankan terhadap keseluruhan kawasan tapak projek seluas 150 hektar sebelum pelaksanaan pada tahun 2003.

- c. Ukurunding Kenyalang Sdn. Bhd. telah menjalankan *Topographical Survey* yang dibahagi kepada 2 bahagian iaitu *Perimeter Survey* dan *Topographical Survey*. Kerja ukur telah dijalankan sepanjang sempadan Indonesia-Malaysia serta *Express Way Tebedu. Soil Investigation Works* yang dijalankan oleh Timur Drilling Sdn. Bhd. melibatkan penggerudian 4 lubang, menjalankan *standard penetration tests*, mendapatkan sampel tanah, *rock coring* dan *water level observations*. Manakala Seismic Refraction Survey oleh TECA Sdn. Bhd. dijalankan di kawasan bukit yang meliputi 1.15 kilometer.
- d. Bagaimanapun, masih timbul masalah semasa pelaksanaan projek yang menyebabkan kelewatan dan peningkatan di dalam kos kontrak. Ini adalah kerana perunding hanya menganggarkan 690,000 m³ daripada 1,536,036 m³ kuantiti sebenar isipadu batu yang perlu dipecahkan iaitu kurang sebanyak 122.6% atau 846,036 m³ daripada kuantiti sebenar. Sehubungan itu, kos pemecahan batu telah meningkat sejumlah RM5.55 juta iaitu daripada RM4.84 juta kepada RM10.39 juta seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2
Kos Pemecahan Batu

Bil.	Peringkat	Anggaran Kuantiti (m ³)	Jumlah (RM Juta)	Kuantiti Sebenar (m ³)	Jumlah (RM Juta)	Jumlah Peningkatan (RM Juta)
1.	1	10,000	0.08	137,265	1.10	1.02
2.	2	680,000	4.76	1,398,771	9.29	4.53
Jumlah		690,000	4.84	1,536,036	10.39	5.55

Sumber: Kementerian Pembangunan Perindustrian Sarawak

- e. Sehubungan itu, penjajaran semula kerja perparitan dan dinding penahan terpaksa dibuat dan ini melibatkan kos tambahan berjumlah RM0.49 juta di Lot 162 yang merupakan tanah milik Syarikat Syn Guan Tai seperti di **Gambar 1.1**.



Gambar 1.1
Penjajaran Semula Kerja Perparitan dan Dinding Penahan di Lot 162

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Estet Perindustrian Tebedu
Tarikh: 18 Mei 2015

- f. **Maklum balas daripada MID bertarikh 26 Jun 2015, menyatakan bahawa kerja ukur dan siasatan tanah yang dijalankan sebelum pelaksanaan pembangunan projek adalah secara rawak dan tidak komprehensif oleh pihak konsultan.**

Pada pendapat Audit, kerja ukur dan siasatan tanah yang tidak dilaksanakan secara menyeluruh menyebabkan berlakunya masalah di tapak sehingga projek gagal disiapkan mengikut kontrak dan dalam tempoh ditetapkan.

1.4.2. Prestasi Pelaksanaan Projek

1.4.2.1. Pembangunan TIE terbahagi kepada 2 peringkat iaitu Fasa I (Peringkat 1) dari tempoh 2001 hingga 2005 yang melibatkan 2 lot seluas 48.6 hektar meliputi tapak Tebedu Inland Port (TIP) seluas 21.7 hektar dan seluas 26.9 hektar untuk pembangunan TIE. Fasa I (Peringkat 2) pula ialah dari tempoh 2006 hingga 2014 yang melibatkan 43 lot seluas 77 hektar. Projek pembangunan TIE ini melibatkan pembangunan infrastruktur asas seperti penyediaan lot perindustrian yang melibatkan kerja pembersihan dan penambakan tapak perindustrian serta penyediaan kemudahan asas seperti jalan raya, parit, elektrik, air dan telekomunikasi. Setakat tahun 2014, pembangunan tapak projek TIE telah mencapai kawasan seluas 125.6 hektar iaitu 83.7% daripada 150 hektar dalam perancangan. Bagaimanapun, setakat ini pihak MID belum memutuskan luas lot yang ditawarkan dan jumlah premium serta harga yang dikenakan untuk tapak perindustrian ini. Contoh projek pembangunan TIE adalah seperti di **Gambar 1.2** hingga **Gambar 1.6**.

Gambar 1.2
Pembinaan Jalan Raya



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Estet Perindustrian Tebedu
Tarikh: 18 Mei 2015

Gambar 1.3
Water Reticulation Termasuk Ground & Elevated Water Tank Serta Rumah Pam




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Estet Perindustrian Tebedu
Tarikh: 14 April 2015

Gambar 1.4
Pembinaan Parit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Estet Perindustrian Tebedu
Tarikh: 18 Mei 2015

Gambar 1.5
Menyediakan Tanda Jalan Dan
Laluan Pejalan Kaki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Estet Perindustrian Tebedu
Tarikh: 18 Mei 2015



Gambar 1.6
Lot Tapak Perindustrian

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Estet Perindustrian Tebedu
Tarikh: 18 Mei 2015

1.4.2.2. Maklum balas daripada MID bertarikh 26 Jun 2015, menyatakan bahawa pihak MID sedang menunggu kelulusan berkenaan kadar premium daripada Majlis Perancangan Negeri/Kementerian Perancangan Sumber dan Alam Sekitar Sarawak.

1.4.2.3. Projek Lewat Disiapkan

a. Fasa I (Peringkat 1)

Projek pembangunan TIE bagi Fasa I (Peringkat 1) ialah kerja pembersihan tapak, kerja tanah, pembinaan dan penyenggaraan jalan termasuk menyediakan tanda jalan dan laluan pejalan kaki, pembinaan dan penyenggaraan parit termasuk *culvert* serta membekal dan memasang paip bagi kemudahan utiliti. Nilai asal projek adalah berjumlah RM11.50 juta dan melibatkan 1 lot seluas 26.9 hektar. Mengikut kontrak, projek ini perlu disiapkan dalam tempoh 18 bulan dan sepatutnya siap pada 7 Jun 2004. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati projek ini lewat 235 hari dan hanya disiapkan pada 28 Februari 2005. Ini adalah disebabkan berlakunya isu pertikaian tanah dan proses pampasan tanaman.

b. Fasa I (Peringkat 2)

- i. Projek pembangunan TIE bagi Fasa I (Peringkat 2) adalah sambungan kerja daripada Fasa I (Peringkat 1) dengan nilai asal projek berjumlah RM49.80 juta. Kawasan tapak dibangunkan merangkumi kawasan seluas 77 hektar melibatkan 43 lot yang mempunyai keluasan sehingga 4.7 hektar. Skop dan komponen kerja projek meliputi kerja pembersihan tapak, kerja tanah, pembinaan jalan, kerja perparitan dan saliran, *water reticulation* termasuk tangki air dan rumah pam, landskap, pemasangan cerucuk serta kerja berkaitan penjagaan alam sekitar.
- ii. Mengikut kontrak, projek perlu dilaksanakan dalam tempoh 30 bulan dan sepatutnya siap pada 7 Mei 2010. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati projek hanya siap pada 6 September 2012. Sebelas lanjutan masa selama 853 hari diluluskan oleh MID atas sebab masalah dalam kerja pemecahan batu di mana isipadu sebenar batu yang perlu dipecah telah melebihi isipadu yang dianggarkan di dalam kontrak iaitu 690,000 m³ yang dianggarkan daripada 1,536,036 m³ jumlah sebenar.

1.4.2.4. Projek Tidak Dilaksanakan Mengikut Kontrak

- a. Menurut kontrak, pembangunan TIE Fasa I (Peringkat 2) melibatkan 43 lot seluas 77 hektar. Pemeriksaan Audit mendapati masalah pemecahan batu menyebabkan pembersihan tapak dan penambakan tanah tidak dapat dilaksanakan mengikut skop kerja yang telah ditetapkan di dalam kontrak. Peningkatan kos pemecahan batu sejumlah RM5.55 juta iaitu 114.7% menyebabkan MID telah membatalkan kerja pemecahan batu di Lot 7 dan 8 serta memberhentikan pemecahan batu di lot 36 hingga 43 seperti di **Gambar 1.7** hingga **Gambar 1.9**.



Gambar 1.7
Pemecahan Batu di Lot 7 dan 8 Yang
Dibatalkan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Estet Perindustrian Tebedu
Tarikh: 18 Mei 2015

Gambar 1.8
Pemecahan Batu Di Lot 36 Hingga 43
Yang Diberhentikan (Kanan)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Estet Perindustrian Tebedu
Tarikh: 18 Mei 2015

Gambar 1.9
Pemecahan Batu Di Lot 36 Hingga 43
Yang Diberhentikan (Kiri)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Estet Perindustrian Tebedu
Tarikh: 18 Mei 2015

Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan projek pembangunan TIE adalah kurang memuaskan.

1.4.2.5. Sasaran Projek

- a. Sasaran projek pembangunan TIE adalah untuk menyediakan lot tapak perindustrian yang dilengkapi dengan kemudahan asas kepada pelabur, mewujudkan peluang pekerjaan dan pembangunan dalam industri pembuatan di Tebedu. Berdasarkan perancangan asal, keseluruhan projek sepatutnya siap pada tahun 2010 dan tapak ditawarkan kepada pelabur sebaik siap projek. Semakan Audit mendapati keseluruhan projek hanya siap pada 6 September 2012. Kawasan tapak projek yang dibangunkan seluas 125.6 hektar mempunyai jalan serta kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik dan telekomunikasi. Setakat pemeriksaan pada April 2015, mendapati tapak projek melibatkan 44 lot seluas 103.9 hektar masih kosong dan kurang mendapat sambutan daripada pelabur.

- b. Semakan Audit selanjutnya mendapati kawasan tapak seluas 21.7 hektar daripada 48.6 hektar yang dibangunkan di bawah TIE Fasa I (Peringkat 1) telah diperuntukkan kepada *Kuching Port Authority (KPA)* pada tahun 2014. Ini adalah bagi tujuan komersial dan menyediakan kemudahan asas seperti gudang, *container yard* dan penyimpanan sejuk dilengkapi dengan *forklifts*, *dock levelers*, *Weight Bridge*, sistem dalam talian yang bersepadu dan kawalan keselamatan sepanjang masa di TIP. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 22 Mei 2003 telah memutuskan supaya KPA mengembangkan operasi pelabuhannya dengan membangunkan kemudahan pelabuhan darat di Tebedu untuk membina, mengurus dan beroperasi di TIP. SM Inland Port Sdn. Bhd. telah dilantik oleh KPA sebagai *Approved Port Operator* untuk TIP dan telah diwartakan dalam *Sarawak Government Gazette* pada 12 Oktober 2004 dan mula beroperasi pada 1 Ogos 2011. Sejak Mei 2014, operasi perdagangan di kawasan sempadan Tebedu-Entikong telah menurun sebanyak 95%

kerana isu penyekatan operasi oleh pihak Indonesia. Perkara ini telah dibangkitkan oleh Setiausaha Kerajaan Sarawak kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) pada 10 November 2014. Sehubungan itu, pada 14 April 2015, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah membuat lawatan kerja ke TIP dan Entikong bagi membincangkan permasalahan di sempadan yang telah menjejaskan perdagangan dua-hala di Tebedu-Entikong.

- c. Semakan Audit selanjutnya juga mendapati pihak MID tidak menjalankan perancangan secara terperinci terutamanya dalam menetapkan strategi dan sasaran bagi menarik minat pelabur ke atas projek TIE serta tiada pelan kontigensi disediakan oleh pihak MID sekiranya terdapat halangan atau perubahan dalam mencapai objektif projek. Setakat ini, MID ada menerima permohonan daripada 6 buah syarikat yang berminat untuk mendapatkan lot tanah di TIE. Bagaimanapun, MID belum membuat keputusan mengenai permohonan tersebut.
- d. **Maklum balas daripada MID semasa Exit Conference pada 29 Jun 2015, menyatakan bahawa masalah perdagangan dan keselamatan antara sempadan Tebedu – Entikong serta keperluan untuk mengadakan kawasan perdagangan bebas yang belum tercapai menyebabkan pelabur tidak berani mengambil risiko untuk menjalankan aktiviti perdagangan di Tebedu. Maklum balas daripada MID bertarikh 29 Oktober 2015, menyatakan sebanyak 8 mesyuarat, 14 lawatan dan 3 sesi dialog telah diadakan di antara Kerajaan Malaysia dan Indonesia bagi tempoh Januari hingga September 2015.**

Pada pendapat Audit, projek ini akan menjadi gajah putih sekiranya isu perdagangan dan keselamatan antara sempadan Tebedu-Entikong tidak diselesaikan oleh pihak-pihak yang berwajib menyebabkan sasaran untuk mewujudkan peluang pekerjaan dan pembangunan dalam industri pembuatan di Tebedu belum tercapai.

1.4.3. Prestasi Kewangan

Setakat tahun 2014, projek pembangunan TIE telah menerima peruntukan berjumlah RM124.28 juta atau 89.8% berbanding amaun diluluskan iaitu RM138.32 juta daripada Kerajaan Negeri Sarawak. Pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM69.41 juta atau 98.3% daripada RM70.66 juta yang diluluskan dalam RMKe-9 hingga RMKe-10 (2006 – 2014). Sejumlah RM89.45 juta telah dibelanjakan bagi kerja kontrak, kos perunding, kos survei, pampasan tanah dan elektrik dalam tempoh yang sama.

1.4.3.1. Peningkatan Kos Kontrak

- a. Pembangunan projek TIE Fasa I terbahagi kepada 2 peringkat dengan kos asal berjumlah RM61.30 juta. Projek pembangunan TIE Fasa I (Peringkat 1) telah ditawarkan kepada Jurudaya Construction Sdn. Bhd. secara tender terbuka pada 11 November 2002 dengan kontrak bernilai RM11.50 juta. Tapak projek telah diserahkan

kepada kontraktor pada 8 Januari 2003 dan kontrak telah ditandatangani pada 14 Januari 2003. Manakala, projek pembangunan TIE Fasa I (Peringkat 2) telah ditawarkan kepada Eastbourne Corporation Berhad secara tender terbuka pada 30 Oktober 2007 dengan kontrak bernilai RM49.80 juta. Tapak projek telah diserahkan kepada kontraktor pada 8 November 2007. Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya mendapati kontrak bagi projek Fasa I (Peringkat 2) hanya ditandatangani pada 11 Januari 2008 iaitu 64 hari daripada tarikh penyerahan tapak. Kos projek asal berjumlah RM61.30 juta juga telah meningkat kepada RM65.13 juta iaitu 6.2% melibatkan 18 *Variation Orders* (V.O) berjumlah RM3.83 juta. Di antara sebab peningkatan kos adalah peningkatan kuantiti sebenar kerja pemecahan batu iaitu 1,536,036 m³ atau 122.6% daripada yang dianggarkan serta pertambahan kerja bagi pembinaan *Elevated* dan *Ground Water Tank*.

- b. Semakan Audit seterusnya mendapati pembayaran kos projek Fasa I (Peringkat 2) yang siap pada 6 September 2012 adalah berjumlah RM51.65 juta iaitu hanya 97.6% daripada jumlah kos projek sejumlah RM52.90 juta dan masih mempunyai baki sejumlah RM1.25 juta setakat tahun 2014. Baki tersebut merupakan wang tahanan iaitu 2.5% daripada nilai kontrak asal RM49.80 juta yang masih belum dibayar kerana pihak kontraktor (Eastbourne Corporation Berhad) tidak bersetuju dengan kadar bayaran yang dikenakan bagi kerja pemecahan batu di tapak projek yang telah mencecah kepada RM9.29 juta berbanding RM4.76 juta pada asalnya. Setakat tahun 2014, isu bagi penetapan kadar bayaran bagi kerja pemecahan batu di Fasa I (Peringkat 2) masih belum diselesaikan.
- c. **Maklum balas daripada MID bertarikh 26 Jun 2015, menyatakan bahawa baki kontrak berjumlah RM1.25 juta masih belum dibayar kerana keengganan pihak kontraktor untuk mengesah nilai sijil bayaran muktamad projek. Ini adalah disebabkan keputusan untuk menetapkan kadar bayaran kerja pemecahan batu di tapak projek yang belum selesai.**

Pada pendapat Audit, peningkatan kos dapat dielakkan sekiranya pihak perunding iaitu Konsortium Malaysia mengendalikan projek dengan teratur terutama mengambil kira kepentingan kerja ukur dan siasatan awal dalam mengenal pasti tapak projek.

1.4.3.2. Semakan Audit mendapati caj yang dikenakan oleh *Sarawak Energy Berhad* (SEB) untuk menyediakan kemudahan elektrik bagi projek pembangunan TIE adalah berjumlah RM22.10 juta seperti di **Jadual 1.3**. Setakat tahun 2014, pembayaran sejumlah RM20.30 juta telah dibuat. Bagaimanapun, setakat lawatan Audit pada 18 Mei 2015 mendapati SEB hanya membina sebuah *substation* 11KV daripada enam buah yang sepatutnya dibina di tapak dan *substation* tersebut yang ada juga masih kosong seperti di **Gambar 1.10** dan **Gambar 1.11**.

**Jadual 1.3
Connection Charges**

Item	Description	Amaun (RM)
1.	To extend 1 no. Outdoor 33KV CBs bay at Serian 33KV Substation, 2 nos. 5MVA 33/11KV transformer, 2 nos. 33KV Auto Recloser and 1 unit 33KV Auto Voltage Regulator	3,281,800
2.	6 nos. ground mounted 11KV substation with 5 nos. 1MVA & 1 no.500 KVA transformers & 4500m 300sqmm/4C1KV LTUG Cable & 15 nos. 7W6F distribution pillars	5,414,700
3.	5000 meter 185sqmm/3C 11 KV Underground Cable	1,274,900
4.	1 no. 11 KV Distribution Substation c/w 9 nos. 11KV CBS and battery Charger	1,621,700
5.	40km 33KV monopole double circuit Ash Conductor overhead line (SESCO subsidized 50% of the line project cost)	10,010,000
6.	73 nos. Double Arm & 61 nos. Single-Arm 150W SON street-lighting with 7 nos. Control Box	496,900
Jumlah		22,100,000

Sumber: Kementerian Pembangunan Perindustrian Sarawak

**Gambar 1.10
1 nos. Ground Mounted 11 KV Substation**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Estet Perindustrian Tebedu
Tarikh: 18 Mei 2015

**Gambar 1.11
Keadaan Di dalam Substation**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Estet Perindustrian Tebedu
Tarikh: 18 Mei 2015

1.4.3.3. Maklum balas daripada MID bertarikh 26 Jun 2015, menyatakan bahawa SEB akan menjalankan pemasangan substation dalam masa 2 minggu setelah menerima permohonan untuk bekalan tenaga elektrik. Pemasangan awal substation mendedahkan substation kepada kegiatan vandalisme dan kecurian kabel serta alat transformer. Baki sejumlah RM1.80 juta akan dijelaskan setelah dana tambahan diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan

Pada pendapat Audit, MID perlu memastikan kemudahan asas seperti bekalan elektrik di tapak projek dapat digunakan.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam perancangan projek yang lain, adalah disyorkan Kementerian Pembangunan Perindustrian Sarawak (MID) mengambil tindakan seperti berikut:

1.5.1. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri perlu menyusul dengan Kerajaan Indonesia bagi memastikan masalah perdagangan dan keselamatan di sempadan Tebedu-Entikong dapat ditambah baik agar kemudahan yang disediakan di Estet Perindustrian Tebedu dapat digunakan bagi mencapai objektif dan sasaran projek yang telah ditetapkan.

1.5.2. MID perlu memantapkan keupayaan dari segi pengurusan projek terutamanya memastikan kerja ukur dan siasatan tanah dijalankan secara komprehensif untuk mengelak daripada peningkatan kos, pelaksanaan kerja tidak mengikut kontrak dan kegagalan projek untuk siap mengikut jadual.

JABATAN PERTANIAN SARAWAK
PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL
PERUSAHAAN GETAH (RISDA)

2. PENGURUSAN PROGRAM TANAM SEMULA DAN TANAM BARU GETAH DI NEGERI SARAWAK

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Program Tanam Baru Getah secara berkelompok di Sarawak dilaksana oleh Jabatan Pertanian Sarawak (JPS) dan Tanam Semula Getah ke Getah secara individu atau berkelompok dilaksana oleh Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA). *National Key Economic Areas (NKEA) : EPP 2 – Ensuring Sustainability of the Upstream Rubber Industry* - ini bertujuan untuk menangani penurunan kawasan ladang getah Malaysia dengan mengekalkan kawasan getah seluas 1.2 juta hektar. Bagi menggalakkan kerja menanam semula dan aktiviti penanaman baru di kalangan pekebun kecil, Kerajaan telah meningkatkan geran penanaman semula daripada RM7,000 kepada RM9,230 sehektar di Semenanjung Malaysia, RM13,500 sehektar di Sarawak dan RM14,000 sehektar di Sabah. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil agar melebihi garis kemiskinan; membangunkan tanaman getah sebagai tanaman utama bagi memastikan bekalan getah dan kayu getah untuk industri produk getah dan berasaskan kayu getah berterusan; dan memastikan kelangsungan industri getah bagi memastikan kestabilan kadar pendapatan.

2.1.2. Bagi tempoh 2012 hingga 2014, Program Tanam Baru Getah (TBG) telah disertai oleh 7,486 pekebun dengan keluasan 17,629.8 hektar manakala 7,397 pekebun kecil telah menyertai Tanam Semula Getah (TSG) melibatkan jumlah keluasan 13,226.2 hektar. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Maklumat Program TBG Dan TSG Bagi Tempoh 2012 Hingga 2014

Bahagian	Keluasan (Ha)			Bilangan Peserta	
	TBG	TSG	Jumlah	TBG	TSG
Kuching	674.5	454.4	1,128.9	342	284
Samarahan	1,228.9	1,909.3	3,138.2	720	1,430
Sri Aman	1,963.9	1,264.8	3,228.7	743	905
Betong	5,349.0	1,636.8	6,985.8	1632	1,061
Sarikei	2,247.0	2,004.6	4,251.6	681	845
Sibu	1,159.0	2,164.8	3,323.8	573	874
Kapit	1,770.0	630.3	2,400.3	896	327
Mukah	220.2	636.7	856.9	106	367
Bintulu	915.0	387.4	1,302.4	889	184
Miri	1,742.0	860.8	2,602.8	609	400
Limbang	360.3	1,276.3	1,636.6	295	720
Jumlah	17,629.8	13,226.2	30,856.0	7,486	7,397

Sumber: Jabatan Pertanian Sarawak dan RISDA

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada program Tanam Baru Getah dan Tanam Semula Getah telah dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI AUDIT

Pengauditan yang dijalankan adalah meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Pengurusan Program Tanam Baru dan Semula Getah Di Sarawak bagi tahun 2012 hingga 2014. Semakan dibuat terhadap dokumen kontrak, fail perancangan program, fail pelaksanaan program, laporan kemajuan program, minit mesyuarat dan rekod yang berkaitan di JPS dan RISDA. Lawatan serta tinjauan dibuat ke 8 projek Tanam Semula Berkelompok (TSB) iaitu 4 TSB bagi RISDA Bahagian Samarahan iaitu TSB Sebat Melayu dan TSB Kerait Mawang, TSB Semukoi (Tambahan) dan TSB Merian Bedup dan 4 TSB bagi RISDA Bahagian Betong iaitu TSB Sg. Nabau, TSB Bratong, TSB NCR Sg. Itop dan TSB NCR Ulu Itop. Manakala bagi projek tanam baru lawatan telah dibuat ke 4 projek *Rubber Block Planting* (RBP) iaitu RBP Awas, RBP Sg. Engkabang, RBP Ulu Sebetan dan RBP Praja Ulu untuk mendapatkan gambaran sebenar berkaitan kedua-dua program tersebut. *Exit Conference* bersama Setiausaha Tetap Kementerian Permodenan Pertanian Sarawak, Timbalan Ketua Pengarah RISDA, dan Pengarah JPS telah diadakan pada 31 Julai 2015 yang turut dihadiri oleh Unit Audit Dalam Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW).

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mei hingga Julai 2015 mendapati pada keseluruhannya pelaksanaan Program Tanam Baru dan Semula Getah di bawah *National Key Economic Areas* (NKEA) : EPP 2 - *Ensuring Sustainability of the Upstream Rubber Industry* bagi tempoh 2012 hingga 2014 telah berjaya meningkatkan keluasan ladang getah sebanyak 30.86 ribu hektar dengan melibatkan 14,883 peserta di seluruh Sarawak. Bagaimanapun, sepanjang pelaksanaannya terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Program Tanam Semula Getah dilaksanakan dengan baik di mana pencapaian prestasinya adalah 100.2% berbanding sasaran. Bagaimanapun, prestasi fizikal bagi Program Tanam Baru Getah hanya mencapai 58.8% tetapi pencapaian kewangan keseluruhan bagi program yang sama adalah memuaskan dengan 75.4%.
- Perolehan *Budded Rubber Stump* (BRS) lewat dibayar dan perolehan baja dibuat tidak mengikut terma kontrak.
- Kajian awal projek kurang memuaskan menyebabkan terdapat projek *Rubber Block Planting* (RBP) yang tidak dapat diteruskan.
- Pengurusan Jawatankuasa Tanam Semula Berkelompok (TSB) yang kurang memuaskan iaitu kurang pemantauan terhadap Akaun Jawatankuasa TSB.

2.4.1. Prestasi Program

2.4.1.1. Bagi tempoh 2012 hingga 2014, sasaran keluasan Program Tanam Baru Getah seperti ditetapkan oleh Unit Pengurusan Prestasi Dan Pelaksanaan (PEMANDU) adalah 10,000 hektar setahun. Keluasan penanaman baru getah bagi tempoh 2012 hingga 2014 adalah seluas 17,629.8 hektar atau 58.8% berbanding keluasan yang disasarkan. Bilangan peserta yang terlibat sehingga Disember 2014 adalah 7,486 orang. Bagi Program Tanam Semula, sasaran keluasan kebun getah tua dan tidak ekonomik untuk ditanam semula adalah 13,200 hektar. Keluasan tanah yang ditanam semula bagi tempoh 2012 hingga 2014 adalah seluas 13,226.2 hektar atau 100.2% berbanding keluasan yang disasarkan melibatkan 7,397 peserta. Maklumat lanjut seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2
Keluasan Tanam Baru Dan Semula Getah
Bagi Tempoh 2012 Hingga 2014

Program	Tahun	Keluasan (Ha)			Bilangan Peserta
		Sasaran	Sebenar	Peratus (%)	
Tanam Baru Getah (JPS)	2012	10,000	8,520.0	85.2	3,568
	2013	10,000	4,399.8	44.0	1,898
	2014	10,000	4,710.0	47.1	2,020
Jumlah		30,000	17,629.8	58.8	7,486
Tanam Semula Getah (RISDA)	2012	4,200	4,225.8	100.5	2,374
	2013	4,000	4,000.2	100.0	2,138
	2014	5,000	5,000.2	100.0	2,885
Jumlah		13,200	13,226.2	100.2	7,397

Sumber: Jabatan Pertanian Sarawak dan RISDA

2.4.1.2. Semakan Audit mendapati KKLW telah menyalurkan peruntukan sejumlah RM143.36 juta kepada JPS dan RM64.17 juta kepada RISDA Sarawak bagi tempoh 2012 hingga 2014 seperti di **Jadual 2.3**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM108.16 juta atau 75.4% telah dibelanjakan oleh JPS manakala sebanyak RM61.78 juta atau 96.3% telah dibelanjakan oleh RISDA.

Jadual 2.3
Prestasi Perbelanjaan Program Tanam Semula
Bagi Tempoh 2012 Hingga 2014

Program	Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus (%)
Tanam Baru Getah (JPS)	2012	53.00	19.61	37.0
	2013	40.36	40.29	99.8
	2014	50.00	48.26	96.5
Jumlah		143.36	108.16	75.4
Tanam Semula Getah (RISDA)	2012	19.27	16.88	87.6
	2013	14.81	14.81	100.0
	2014	30.09	30.09	100.0
Jumlah		64.17	61.78	96.3

Sumber: Jabatan Pertanian Sarawak dan RISDA

2.4.1.3. Program Tanam Baru Getah di bawah NKEA dimulakan pada tahun 2012. Bagaimanapun, penanaman pertama dibuat pada tahun 2014 dan dijangka dapat ditoreh dalam tahun 2019. Program Tanam Semula Getah yang dilaksana oleh RISDA bermula pada tahun 2009 dan dijangka dapat ditoreh pada penghujung tahun 2015. Kesemua projek di atas akan mencapai tempoh matang untuk ditoreh iaitu sekurang-kurangnya 4.5 hingga 5 tahun selepas ditanam.

2.4.1.4. **Maklum balas daripada JPS bertarikh 28 Julai 2015, menjelaskan sasaran fizikal tidak tercapai kerana pelaksanaan projek lewat berikutan kelewatan/tempoh perolehan yang lama dan proses perolehan dipanggil beberapa kali disebabkan harga tawaran pihak kontraktor terlalu tinggi serta kurang penyertaan kontraktor yang berdaftar. Selain itu, prestasi pelaksanaan fizikal juga amat bergantung kepada keadaan cuaca. Kerja-kerja membuat teres tidak dapat dilakukan semasa musim hujan dan kerja penanaman juga terpaksa dihentikan semasa musim kemarau bagi mengelakkan anak benih yang ditanam mati. Sasaran kewangan tahun 2012 tidak tercapai kerana kerja-kerja di lapangan adalah dibayar mengikut prestasi (*progressive payment*) dan tawaran kepada kontraktor adalah lewat.**

Pada pendapat Audit prestasi Program Tanam Baru Getah perlulah dipergiatkan kerana pencapaian fizikal bagi tahun 2012 hingga 2014 hanya mencapai 58.8%. Namun prestasi Program Tanam Semula adalah baik.

2.4.2. Pengurusan Perolehan

2.4.2.1. Perolehan Program Tanam Baru Getah

- a. Perolehan Program Tanam Baru Getah melibatkan pelantikan kontraktor yang terlibat untuk melaksanakan kerja-kerja pembangunan dan penyenggaraan ladang getah bagi tempoh 5.5 tahun serta perolehan *Budded Rubber Stump (BRS)*.
- b. **Perolehan *Budded Rubber Stump (BRS)***
 - i. JPS telah mengklasifikasikan dua jenis pembekal BRS iaitu pembekal komersil dan pembekal *Rubber Nursery Entrepreneurship Programme (RNEP)* dan telah melantik 6 pembekal komersil dan 25 pembekal RNEP. Setiap pembekal BRS ditetapkan bilangan kuota dan nilai kontrak mengikut tahun. Perolehan pembekalan BRS dibuat secara tawaran terus kepada pembekal. Pemilihan pembekal dan penentuan kuota kepada setiap pembekal adalah melalui mesyuarat yang dianggotai JPS, RISDA, Lembaga Getah Malaysia (LGM) dan PEMANDU. Peruntukan pembayaran pembekalan dan penghantaran BRS disalurkan oleh KKLW kepada RISDA untuk pembayaran. JPS akan memeriksa penghantaran dan mengesahkan penerimaan BRS dan semua dokumen sokongan untuk pembayaran dihantar kepada RISDA untuk pembayaran. Peruntukan berjumlah RM31.81 juta telah disalurkan kepada RISDA bagi tempoh

2012 hingga 2014 bagi tujuan ini. Sepanjang tempoh 2012 hingga 2014, JPS telah membuat perolehan 14,224,487 BRS bernilai RM39.82 juta. Butiran lanjut seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4
Perolehan *Budded Rubber Stump*

Tahun	Bilangan BRS	Nilai Kontrak (RM Juta)
2012	4,472,999	12.52
2013	6,271,648	17.56
2014	3,479,840	9.74
Jumlah	14,224,487	39.82

Sumber: Jabatan Pertanian Sarawak

- ii. Arahan Perbendaharaan (AP) 103(a) menghendaki Ketua Jabatan/Ketua Pejabat memastikan semua bil dan tuntutan disampaikan dengan segera dan dibayar dengan segera tidak lewat dari 14 hari dari tarikh ianya diterima dengan lengkap dan sempurna. Semakan Audit terhadap pembayaran BRS JPS oleh RISDA tahun 2015 mendapati 22 bil berjumlah RM1.58 juta masih belum dibayar sehingga pengauditan dijalankan pada 19 Jun 2015 dengan tempoh kelewatan antara 17 hingga 85 hari. Semakan Audit seterusnya mendapati 16 pembayaran perolehan BRS tahun 2014 berjumlah RM1.27 juta lewat dibayar oleh RISDA di antara 21 hingga 81 hari.

- iii. **Maklum balas daripada JPS bertarikh 28 Julai 2015, menyatakan JPS menghantar tuntutan bayaran kepada pihak RISDA melalui kiriman POSLAJU untuk memastikan bahawa tuntutan bayaran dapat dihantar dengan kadar segera kepada pihak RISDA. Tuntutan bayaran juga dihantar setiap minggu sekiranya terdapat tuntutan bayaran diterima daripada pihak pembekal. Untuk memastikan RISDA membayar tuntutan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan, JPS:**
 - Sentiasa berhubung dengan pegawai yang melakukan pembayaran melalui telefon dan emel sebaik sahaja penghantaran dibuat.
 - Selain daripada itu, pihak JPS juga sentiasa memohon laporan status pembayaran dari RISDA untuk memastikan pembayaran dilakukan dalam tempoh masa yang ditetapkan.
 - JPS juga ada menghantar surat rasmi kepada pihak RISDA sebagai langkah untuk memberi peringatan kepada RISDA berkaitan dengan tuntutan pembayaran yang belum dilakukan.
 - Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan dalam pembayaran. Pegawai Pertanian daripada JPS juga telah pergi ke Pejabat RISDA di Ampang untuk berbincang dan memberikan penerangan bagi membolehkan pembayaran dapat diteruskan dengan lancar.

- iv. Walaupun langkah susulan telah dilakukan untuk memastikan pihak RISDA membayar semua tuntutan bayaran yang RISDA telah terima dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan surat tuntutan pembayaran, masih ada kelewatan dalam pembayaran. Salah satu punca adalah pegawai yang menguruskan pembayaran tuntutan BRS kerap kali berubah sehingga menyebabkan proses pembayaran agak tergendala.

Pada pendapat Audit, peruntukan BRS hendaklah disalurkan terus ke JPS bagi memudahkan pembayaran serta mengelakkan bayaran lewat dibayar.

2.4.2.2. Perolehan Program Tanam Semula Getah

- a. RISDA telah melantik syarikat milikan RISDA iatu RISDA Semaian & Landskap Sdn. Bhd. (RSSB) bagi pengurusan pembekalan anak benih getah dan RISDA Fleet Sdn. Bhd. (RFSB) bagi penghantaran anak benih serta baja ke lokasi yang menyertai program RISDA. Selain itu, RISDA telah melantik Konsortium Baja Nasional Sdn. Bhd. (KBN) sebagai pembekal baja di seluruh Malaysia.

i. Konsortium Baja Nasional Sdn. Bhd.

- RISDA telah melantik KBN sebagai pembekal baja di seluruh Malaysia. Berdasarkan Perjanjian di antara RISDA dan KBN yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2015. Mengikut perenggan 5.4 (a) pembekal hendaklah menyediakan baja dalam tempoh 22 hari dari tarikh pesanan tempatan mengikut Sistem Pemantauan Baja. Merujuk perjanjian yang sama perenggan 13.3 (b), pembekal hendaklah membayar kepada RISDA, sebagai ganti rugi yang ditetapkan dan dipersetujui sejumlah amaun bersamaan dengan 0.5% daripada nilai Pesanan Tempatan berkenaan bagi setiap hari kelewatan selama baja itu gagal dihantar.
- Semakan Audit terhadap 15 pesanan tempatan berjumlah RM505,750 di RISDA Bahagian Samarahan mendapati kelewatan pembekalan 37,500 beg baja R1 melebihi 22 hari iaitu di antara 50 hingga 176 hari dengan nilai penalti berjumlah RM227,885. Kelewatan pembekalan baja memberi kesan kepada operasi pelaksanaan projek TSB yang memerlukan baja berkenaan bagi memastikan pembesaran pokok getah yang berkualiti.
- Merujuk perenggan 7.3 perjanjian yang sama, sekiranya sebahagian atau semua baja ditolak oleh RISDA, pembekal hendaklah dalam masa 7 hari daripada tarikh makluman penolakan oleh RISDA dan dengan perbelanjaannya sendiri, mengambil baja itu daripada RISDA, dan jika pembekal gagal berbuat demikian, RISDA berhak melupuskan baja yang ditolak itu sebagaimana yang difikirkannya patut. Semakan Audit di stor RISDA Bahagian Betong pada 9 Jun 2015 mendapati 5,000 beg Baja R1

berjumlah RM59,500 yang dibekal pada 24 Mac 2015 adalah rosak disebabkan baja keras dan hancur. Sehingga 29 Jun 2015, KBN masih belum mengambil baja berkenaan seperti yang ditetapkan dalam perjanjian. Butiran lanjut seperti di **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5
Bekalan Baja Rosak

Bil.	No. & Tarikh Pesanan Tempatan	Tarikh Penerimaan	Kuantiti Baja R1 Yang Ditolak	Nilai Baja R1 Yang Ditolak (RM)	Sebab-Sebab Ditolak
1.	440204471/8.10.2014	24.3.2015	5,000	29,750	Baja Keras
2.	440204472/8.10.2014	24.3.2015	5,000	29,750	Baja Hancur
Jumlah				59,500	

Sumber: RISDA Bahagian Betong

- **Maklum balas daripada RISDA bertarikh 28 Julai 2015 dan 10 Ogos 2015, menjelaskan RISDA Bahagian Samarahan ada mengenakan denda bagi tahun 2014 atas kelewatan bekalan yang diterima berjumlah RM394,850. Bagi mematuhi perenggan 5.4(a), setakat ini RISDA telah mengeluarkan 4 kali surat peringatan kepada KBN. Bagi mematuhi perenggan 7.3, setakat ini RISDA telah mengarahkan supaya KBN mengambil balik baja yang ditolak sebanyak 5,000 beg. Bagaimanapun, KBN telah mengemukakan rayuan untuk membuat semakan semula baja yang ditolak. Semakan bersama antara RISDA dengan KBN pada 27 Julai 2015 mendapati sebanyak 720 beg telah dipersetujui rosak dan RISDA Bahagian Betong telah mengarahkan KBN mengeluarkan segera baja tersebut daripada stor.**

Pada pendapat Audit, pihak RISDA hendaklah sentiasa memantau prestasi kontraktor dan mengambil tindakan mengikut terma kontrak yang ditetapkan kontrak.

2.4.3. Prestasi Pelaksanaan RBP

2.4.3.1. Pendekatan yang dilaksanakan dalam program pembangunan tanam baru getah oleh JPS adalah secara berkelompok atau RBP dan secara individu. Sistem RBP yang diperkenalkan dalam RMKe-10 adalah sama dengan RMKe-9 iaitu dilaksanakan dalam blok bersebelahan atau kawasan untuk memudahkan pemantauan, penyeliaan, pengurusan dan penyatuan pekebun kecil bagi pengambilan susu getah yang betul. Tujuan RBP dilaksanakan adalah mengoptimumkan penggunaan tanah terbiar di kawasan pedalaman terutamanya tanah jenis marginal untuk penanaman getah di mana tanaman lain tidak dapat ditanam dalam pegangan bersaiz ekonomi.

2.4.3.2. Semakan Audit mendapati kawasan yang dibangunkan bagi NKEA 2012 hingga 2014 menggunakan pendekatan RBP adalah melibatkan 11 bahagian di Sarawak dengan keluasan keseluruhan 16,710.5 hektar. Status pelaksanaan projek setakat bulan

Disember 2014 adalah 826 hektar masih peringkat pembersihan dan penebangan kawasan, 3,119 hektar peringkat teres dan 12,765.5 hektar peringkat penanaman getah. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 2.6**.

Jadual 2.6
Status Pelaksanaan Projek RBP NKEA 2012 Hingga 2014

Tahun	Keluasan (Ha)	Pembersihan/ Penebangan (Ha)	Teres (Ha)	Penanaman (Ha)
2012	8,340.00	-	477	7,863.0
2013	4,331.8	111	780	3,440.8
2014	4,038.7	715	1,862	1,461.7
Jumlah	16,710.5	826	3,119	12,765.5

Sumber: Jabatan Pertanian Sarawak

a. Projek Gagal Dilaksanakan

- i. Perancangan dan pelaksanaan projek perlu mengambil kira keadaan sebenar tapak projek supaya objektif projek dan sasaran tercapai. Semakan Audit mendapati 10 projek RBP di Bahagian Kapit, Bintulu, Samarahan dan Betong yang diluluskan pada tahun 2012 telah dibatalkan dan digantikan dengan tapak projek yang lain dengan jumlah keluasan sama iaitu 740 hektar. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Jabatan pada 25 Ogos 2014 telah bersetuju dan mengesahkan pindaan tersebut supaya digantikan dengan tapak projek yang lain seperti di **Jadual 2.7**. Semakan Audit mendapati 8 daripada 10 projek tersebut dibatalkan kerana masalah tanah yang tidak sesuai manakala 2 projek lagi adalah mengenai pertikaian tanah. Keadaan projek RBP yang berjaya dan gagal adalah seperti di **Gambar 2.1** dan **Gambar 2.2**.

Jadual 2.7
Senarai Projek RBP Yang Dibatal Dan Diganti

Bahagian	Projek RBP Yang Dibatal	Hektar	Sebab Dibatalkan	Bahagian	Projek RBP Yang Diganti	Hektar	
Kapit	RH Inguh, Sg. Paku, Miri	120	Masalah kerjasama di antara sesama rumah panjang.	Kapit	RH Jegai, Ng Sebiro, Gaat	10	
					RH James Ng Sempili, balleh	76	
					RH, jamit, Ng Sepanggil, Balleh	34	
Bintulu	RH Sapit, Sg. Sekeabai	30	Kawasan tidak sesuai ditanam dengan getah kerana tanah berpayau dan sistem saliran yang tidak memuaskan.	Miri	RH Akai Ak Anggat, Sg. Merusa, Suai Niah	164	
	RH Assan, Sg. Sekeabai	28					
	RH. Agoh, Sg. Teban	21					
	RH Lampoh, Sg. Mas	85					
	RH Michael Lanyau	96	20% kawasan tersebut adalah dari tanah aluvium. Manakala selebihnya adalah payau gambut. Kawasan tersebut juga adalah rendah dan dikhuatiri ditenggelami banjir.	Bintulu	RH Joshua, Tubau	86	
	Kuala Serupai 1	73			Kawasan tidak sesuai ditanam dengan getah kerana tanah ini terdiri daripada gambut dan berpasir serta mempunyai paras air yang tinggi.	RH. Awie, Tubau	80
						Kuala Serupai 2	49

Bahagian	Projek RBP Yang Dibatal	Hektar	Sebab Dibatalkan	Bahagian	Projek RBP Yang Diganti	Hektar
Samarahan	Senangeh, Asajaya	28	Kawasan tidak sesuai untuk tanaman getah kerana jenis tanah paya gambut, paras air tinggi dan berdekatan dengan sungai.	Samarahan	NKEA 2014 Individu Daerah Serian	28
Betong	Kerapa, Spak	210	Isu pertikaian tanah iaitu tuntutan kawasan bertindih dengan rumah panjang lain.	Betong	Saka, Betong	69
				Betong	Kerapa, Spak	141
Jumlah		740		Jumlah		740


Sumber: Jabatan Pertanian Sarawak

Gambar 2.1
Projek RBP Yang Berjaya Dilaksanakan Sehingga Getah Ditanam



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RBP Ulu Sebetan, Saratok
Tarikh: 11 Jun 2015

Gambar 2.2
Projek RBP Yang Gagal Dilaksanakan Kerana Kawasan Berpaya Dan Dilanda Banjir



Sumber: Jabatan Pertanian Sarawak
Lokasi: Senangeh, Asajaya
Tarikh: 5 Mei 2014

- ii. Semakan Audit seterusnya mendapati 6 daripada 10 projek batal tersebut telah dibayar kepada kontraktor sejumlah RM427,618 atau 6.5% daripada jumlah keseluruhan projek RM6.55 juta. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 2.8**.

Jadual 2.8
Senarai Bayaran Bagi Projek Batal

Bil.	Nama Projek	Kos Kontrak (RM)	Jumlah Bayaran (RM)	Peratus Dibayar (%)
1.	RH Inguh, Sg. Paku, Miri	1,584,564	55,440	3.5
2.	RH. Agoh, Sg Teban	237,540	27,492	11.6
3.	RH Lampoh, Sg Mas	1,013,727	94,286	9.3
4.	Kuala Serupai 2	873,525	87,552	10.0
5.	Senangeh, Asajaya	333,899	94,248	28.2
6.	Kerapa, Spak	2,504,250	68,600	2.7
Jumlah		6,547,505	427,618	6.5

Sumber: Jabatan Pertanian Sarawak

- iii. Semakan Audit juga mendapati 7 RBP melibatkan projek NKEA tahun 2012 dan 2013 dengan keluasan 629 hektar telah dicadang untuk dibatalkan disebabkan kontraktor menghadapi masalah tenaga kerja, kontraktor ingin menarik diri kerana kos bertambah disebabkan tapak projek yang terpencil dan isu pertikaian tanah. Bayaran telah dibuat kepada kontraktor sejumlah RM1.45 juta daripada

nilai keseluruhan RM7.34 juta dan baki peruntukan akan diagihkan kepada projek RBP yang diganti . Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 2.9**.

Jadual 2.9
Senarai Projek Yang Dicadang Untuk Dibatalkan

Bil.	Projek	Tahun Diluluskan	Keluasan (Ha)	Kos Kontrak (RM)	Jumlah Bayaran Kepada Kontraktor (RM)	Catatan
1.	Lengain, Sebetan Betong	2012	25	234,157	73,863	Kontraktor menghadapi masalah tenaga kerja
2.	RH. Gare, SG. Kain, Kapit	2012	150	2,078,295	296,200	Kontraktor ingin menarik diri kerana kos pelaksanaan yang tinggi disebabkan oleh tapak projek yang terpencil.
3.	RH. Serit, RH. Kujau, RH. Bana Sg. Takan, Song, Kapit	2012	40	563,696	136,828	
4.	RH Mulai, SG Melipis, Btg Rejang, Kapit	2012	115	1,023,109	464,575	
5.	Long Silat, Ulu Baram, Miri	2013	138	1,577,972	89,396	Kontraktor ingin menarik diri kerana kos pelaksanaan yang tinggi disebabkan oleh tapak projek yang terpencil. Kos tinggi untuk membawa masuk mesin ke tapak.
6.	Kpg Meritam, Limbang	2013	72	823,954	93,727	Isu pertikaian tanah
7.	Sg Bukit Assan, Sibul	2013	89	1,034,020	297,039	
Jumlah			629	7,335,203	1,451,628	

Sumber: Jabatan Pertanian Sarawak

- iv. Maklum balas daripada JPS bertarikh 28 Julai 2015, menyatakan tiada kajian awal tentang kesesuaian tanah dilakukan sebelum projek diluluskan. Namun demikian, penilaian kesesuaian tanah dilakukan dengan pemerhatian sahaja oleh penyelia sebelum projek disyorkan kepada pihak ibu pejabat untuk kelulusan. Melalui pemerhatian jenis tumbuhan yang hidup, warna air di sungai ataupun parit berdekatan dan warna serta tekstur tanah yang terdapat di kawasan cadangan sepatutnya sudah memadai untuk menentukan sama ada sesuatu kawasan tersebut sesuai ataupun tidak untuk ditanam dengan getah *Latex Timber Clone (LTC)*. Namun demikian, kajian secara lebih terperinci dilakukan sekiranya kawasan yang disyorkan terdapat keraguan dari segi kesesuaian tanah dan lokasi dengan bantuan Cawangan Pengurusan Tanah (*Soil Management Branch*). Untuk kes-kes terpencil seperti yang melibatkan RBP Rh Sapit, Sg Sekeabai (30ha), RBP Rh Assan, Sg. Sekeabai (28ha), RBP Rh. Agoh, Sg Teban (21ha), RBP Rh Lampoh, Sg. Mas (85ha), RBP Rh Michael Lanyau (96ha), RBP Kuala Serupai 1, RBP Kuala Serupai 2 dan RBP Senangeh (28ha) penyelia projek yang terbabit untuk memeriksa serta membuat *perimeter survey* untuk projek tersebut telah tersilap dalam membuat penilaian kesesuaian tanah disebabkan oleh beberapa faktor seperti di bawah.**

- JPS memandang serius kecuaiannya yang telah berlaku, dan langkah seperti memberikan surat amaran, kursus dan taklimat terperinci kepada pegawai yang terlibat bagi memantapkan lagi pengetahuan teknikal mereka.
- Kesuntukan masa untuk membuat pemerhatian dengan lebih teliti untuk membuat penilaian sama ada kawasan tersebut adalah sesuai ataupun sebaliknya.
- Tahun 2012 merupakan tahun pertama pelaksanaan projek NKEA Getah dengan kelulusan keseluruhan untuk projek NKEA Getah 2012 adalah 8,520 hektar. Jabatan juga kurang kelengkapan peralatan serta keperluan untuk memastikan semua projek yang dicadangkan dilakukan *perimeter survey* dengan segera.
- Penyelia projek juga menerima maklumat yang kurang tepat iaitu pemohon memaklumkan bahawa kawasan yang dicadangkan sesuai untuk penanaman getah memandangkan bahawa kawasan tersebut telah ditanam dengan jenis getah *colonial* sedangkan kawasan tersebut adalah tidak sesuai untuk penanaman getah jenis LTC.

Pihak Audit berpendapat kajian awal terhadap kesesuaian tanah perlu dibuat dengan teliti sebelum projek diluluskan bagi mengelakkan berlakunya projek dibatalkan sebaik sahaja bermula.

2.4.4. Pengurusan Jawatankuasa Projek TSB

2.4.4.1. RISDA telah menggunakan pendekatan Pelaksanaan Projek TSB dan Tanam Semula Individu. TSB adalah satu kaedah pengurusan tanam semula di mana kebun-kebun berdekatan digabung untuk ditanam semula secara bersama dan serentak yang diuruskan oleh satu jawatankuasa yang dilantik di kalangan pemilik kebun yang terlibat. Tujuan TSB ditubuhkan untuk mewujudkan ekonomi bidang di semua peringkat pembangunan ladang dengan menyatukan beberapa lot tanah milik beberapa orang peserta sebagai satu unit pengeluaran dan mudah serta mempercepat pemindahan dan penggunaan teknologi terkini yang menyertai projek tanam semula.

2.4.4.2. Bagi sesebuah lot kawasan peserta yang diluluskan oleh RISDA untuk menubuhkan TSB, kadar bantuan telah ditetapkan pada kadar RM13,500 sehektar. Bantuan ini disalurkan dalam bentuk wang tunai, benih dan baja. Kadar bagi input yang meliputi baja dan benih ialah RM6,641.65 sehektar manakala bakinya dalam bentuk tunai ialah sejumlah RM6,858.35 sehektar yang digunakan peserta untuk tujuan kos pembangunan ladang dan penyenggaraan kebun. Jumlah baki wang tunai akan dikreditkan di dalam akaun TSB dan ahli jawatankuasa TSB yang dilantik berhak mengagihkan wang tersebut kepada peserta berdasarkan keluasan tanah. Bagaimanapun,

kadar baja dan anak benih bergantung kepada harga semasa yang ditetapkan oleh RISDA. Pecahan agihan bantuan adalah seperti di **Jadual 2.10**.

Jadual 2.10
Kadar Bantuan Mengikut Ansuran

Ansuran	Kadar per Hektar (RM)	Benih dan Baja			Jumlah (RM)	Baki Tunai (RM)
		Jenis	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)		
1	6,360.00	RP – 4 Beg	11.50	46.00	2,964.15	3,395.85
		R1 – 10 Beg	19.50	195.00		
		BXMP / TCP – 509 batang pokok	5.35	2,723.15		
2	1,700.00	R1 – 22 Beg	19.50	429.00	429.00	1,271.00
3	1,350.00	R1 – 38 Beg	19.50	741.00	741.00	609.00
4	1,250.00	R1 – 37 Beg	19.50	721.50	721.50	528.50
5	1,950.00	R4 – 61 Beg	19.00	1,159.00	1,159.00	791.00
6	890.00	R4 – 33 Beg	19.00	627.00	627.00	263.00
Jumlah	13,500.00				6,641.65	6,858.35

Sumber: RISDA

2.4.4.3. Jawatankuasa TSB yang dipilih oleh peserta TSB terdiri daripada Pengerusi, Setiausaha, Bendahari dan sekurang-kurangnya 2 orang ahli jawatankuasa biasa. Jawatankuasa perlu menetapkan dan mengadakan mesyuarat agung tahunan bagi membentangkan perkara berikut:

- a. Membentangkan laporan jawatankuasa berkenaan dengan kemajuan dan perjalanan TSB sepanjang tahun yang lalu.
- b. Membentangkan dan menerima penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan yang lalu.
- c. Memilih jawatankuasa mengikut Fasal 7 dan 2 orang Audit Dalam untuk tahun yang akan datang. Salah seorang juruaudit dalam yang dilantik mestilah terdiri daripada pegawai RISDA.
- d. Mengurus hal-hal lain yang dibentangkan oleh peserta-peserta.

2.4.4.4. Semakan Audit seterusnya terhadap dokumen yang berkaitan dan lawatan Audit terhadap 4 TSB bagi RISDA Bahagian Samarahan iaitu TSB Sebat Melayu dan TSB Kerait Mawang, TSB Semukoi dan TSB Merian Bedup dan 4 TSB bagi RISDA Bahagian Betong iaitu TSB Sg. Nabau, TSB Bratong, TSB NCR Sg. Itop dan TSB NCR Ulu Itop mendapati tiada bukti Jawatankuasa mengadakan mesyuarat agung tahunan dan penyata kewangan disediakan serta diaudit. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 2.11**.

Jadual 2.11
Mesyuarat Agung Tahunan Tidak Diadakan, Penyata Kewangan
Tidak Disediakan Dan Diaudit

Bil.	RISDA Bahagian	Nama Projek	Tahun Projek Ditubuhkan	Mesyuarat Agung Tahunan	Penyata Kewangan Disediakan	Penyata Kewangan Diaudit
1.	Samarahan	TSB Sebat Melayu	2010	x	x	x
2.		TSB Merian Bedup	2012	/	x	x
3.		TSB Kg Kerait Mawang	2013	/	x	x
4.		TSB Semukoi (Tambahan)	2015	TB	x	TB
5.	Betong	TSB Sg. Nabau	2010	/	/	x
6.		TSB Bratong, Roban	2011	/	/	x
7.		TSB NCR Sg. Itop, Awik Krian	2013	/	/	x
8.		TSB NCR Ulu Itop, Awik	2014	/	/	x

Sumber: RISDA

Nota: / - Ya, x – Tidak, TB – Tidak Berkenaan

2.4.4.5. Pemeriksaan Audit terhadap akaun TSB Kampung Sebat Melayu mendapati pembayaran terhadap kontraktor yang dilantik bagi kerja-kerja pembersihan kawasan berjumlah RM43,020 oleh pihak Jawatankuasa TSB tersebut tanpa ada bukti resit dikemukakan untuk semakan Audit. Penyelia TSB hendaklah memastikan pembayaran yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa TSB adalah tepat dan betul dan dikemukakan beserta resit pembayaran. Pegawai RISDA yang dilantik sebagai penyelia sesebuah TSB hendaklah memastikan setiap TSB di bawah penyeliaan mereka telah melaksanakan pembayaran ke atas kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor.

2.4.4.6. **Maklum balas daripada RISDA bertarikh 27 Julai 2015, menyatakan Jawatankuasa telah dimaklumkan mengenai tugas dan tanggung jawab melalui kursus-kursus yang dianjurkan oleh RISDA. Maklumat kewangan adalah berdasarkan kepada penyata kewangan yang dibekalkan oleh RISDA kepada ahli jawatankuasa dan peserta.**

Pihak Audit berpendapat RISDA hendaklah memastikan Jawatankuasa TSB melaksanakan tugas dan tanggung jawab yang ditetapkan supaya peruntukan yang disalurkan ke Akaun Jawatankuasa digunakan untuk tujuan yang telah ditentukan.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan prestasi pengurusan Program Tanam Baru dan Tanam Semula Getah di Sarawak adalah disyorkan supaya langkah seperti berikut diambil:

2.5.1. Jabatan Pertanian Sarawak hendaklah merancang perolehan dengan teliti bagi memastikan sasaran program tercapai.

2.5.2. Jabatan Pertanian Sarawak hendaklah bekerjasama dengan RISDA untuk sentiasa memantau prestasi kontraktor dan mengambil tindakan yang tegas mengikut terma kontrak di atas ketidakpatuhan syarat-syarat kontrak.

2.5.3. Jabatan Pertanian Sarawak hendaklah memastikan kajian awal terhadap kesesuaian tanah perlu dibuat dengan teliti sebelum projek diluluskan bagi mengelakkan berlakunya projek dibatalkan sebaik sahaja bermula.

2.5.4. RISDA hendaklah memastikan Jawatankuasa Tanam Semula Berkelompok (TSB) melaksanakan tugas dan tanggung jawab yang ditetapkan supaya peruntukan yang disalurkan ke Akaun Jawatankuasa digunakan untuk tujuan yang telah ditentukan. Pegawai Penyelia hendaklah memastikan Jawatankuasa TSB diberi latihan dan bimbingan dari semasa ke semasa.

3. PENGURUSAN HARTANAH WAKAF

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Majlis Islam Sarawak (MIS) yang dulunya dikenali sebagai Majlis Islam Dan Adat Melayu (*Council of Religion and Malay Customs*) telah ditubuhkan pada tahun 1954. MIS adalah bertanggungjawab terhadap hal ehwal berkaitan dengan Agama Islam di Sarawak termasuk pengurusan harta wakaf. Lembaga Baitulmal Dan Wakaf adalah seksyen yang bertanggungjawab terhadap pengurusan hartanah wakaf di Sarawak. Di bawah Seksyen 43(1) Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 pula, MIS telah menubuhkan Tabung Baitulmal Dan Wakaf bagi mengurus hartanah wakaf di Sarawak. Selain itu, Kerajaan Persekutuan juga telah menubuhkan Jabatan Zakat, Wakaf Dan Haji (JAWHAR) bagi membantu Majlis Agama Islam Negeri mengurus dan membangun harta wakaf dengan lebih cekap dan berkesan. Unit Wakaf dalam Sektor Pembangunan Dan Wakaf di Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) adalah unit yang bertanggungjawab bagi mengurus harta wakaf. MIS diketuai oleh Yang Dipertua dan dibantu oleh Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) dan Tabung Baitulmal Sarawak.

3.1.2. Wakaf berasal dari perkataan Arab “Waqf” yang bererti menahan, berhenti, atau diam. Sementara pengertian Wakaf dari segi istilah bermaksud menahan harta yang dapat memberi manfaat bagi kepentingan umum serta kekal fizikal bendanya (iaitu ain) dengan cara memutuskan hak pengelolaan yang dimiliki oleh pewakaf untuk diserahkan kepada Nazir yang dibolehkan oleh syariah. Harta wakaf terbahagi kepada dua jenis iaitu Wakaf Khas dan Wakaf Am. Wakaf Khas adalah wakaf yang telah ditentukan penggunaannya oleh pewakaf dan manfaatnya hanya boleh digunakan untuk tujuan yang dikhaskan sahaja. Manakala Wakaf Am pula adalah wakaf tidak dikhaskan bagi tujuan tertentu dan boleh diusahakan untuk apa jua pembangunan yang memberikan pulangan kepada MIS dan manfaatnya kepada masyarakat Islam.

3.1.3. Setakat Disember 2014, sebanyak 112 harta wakaf terdiri daripada surau/masjid, bangunan komersial, sekolah agama, tapak perkuburan dan tapak tanah kosong telah didaftar oleh MIS yang melibatkan tanah seluas 417.58 ekar. Selain itu, MIS juga mempunyai Pelaburan Am Wakaf berjumlah RM1.82 juta dan wang tunai wakaf berjumlah RM484,976. Majlis Islam Sarawak juga mempunyai Kumpulan Wang Wakaf terkumpul berjumlah RM15.69 juta.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan hartanah wakaf dilaksanakan dengan cekap, teratur, berkesan dan berlandaskan pentadbiran hukum syarak serta digunakan mengikut tujuan diwakafkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan terhadap hartanah wakaf meliputi tahun 2012 hingga 2014 yang ditumpukan kepada tanah wakaf sedia ada, tanah dan bangunan yang disewakan. Pengauditan dijalankan di Majlis Islam Sarawak, Jabatan Agama Islam Sarawak dan Tabung Baitulmal Sarawak dengan menyemak dokumen dan rekod yang berkaitan. Temu bual dengan pegawai yang terlibat dan lawatan ke beberapa lokasi tanah, tanah perkuburan dan bangunan wakaf yang dipilih di Bahagian Kuching, Sibul dan Sarikei juga diadakan. *Exit Conference* bersama Pengurus Besar Tabung Baitulmal Sarawak telah diadakan pada 30 Jun 2015.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari hingga April 2015 mendapati pada amnya pengurusan hartanah wakaf adalah memuaskan. Bagaimanapun masih terdapat beberapa kelemahan yang memerlukan penambahbaikan dibuat dalam aspek-aspek seperti berikut:

- Tempoh masa pemprosesan pindah milik tanah wakaf tidak dapat ditentukan.
- Manual wakaf tidak disediakan.
- Pembangunan tanah wakaf.

3.4.1. Status Pendaftaran Harta Wakaf Setakat Disember 2014

3.4.1.1. Semakan Audit mendapati sehingga Disember 2014, MIS telah menerima sebanyak 214 permohonan lot tanah wakaf untuk seluruh Sarawak. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 112 permohonan atau 52.3% telah selesai diproses dan didaftarkan atas nama MIS melibatkan tanah seluas 417.58 ekar. Sebanyak 106 permohonan wakaf atau 94.6% telah didaftarkan bagi tujuan pembinaan bangunan komersil, masjid/surau, sekolah agama, rumah dan tapak tanah perkuburan melibatkan tanah seluas 405.18 ekar. Manakala tanah seluas 12.40 ekar lagi atau 5.4% adalah terdiri daripada 6 permohonan wakaf yang melibatkan 10 lot tapak tanah kosong. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Permohonan Wakaf Yang Telah Didaftar Oleh MIS Setakat Tahun 2014 Di Seluruh Sarawak

Bahagian	Masjid/ Surau		Kubur		Sekolah Agama		Rumah		Bangunan Komersial		Tapak Tanah Kosong		Jumlah	
	Bil.	Ekar	Bil.	Ekar	Bil.	Ekar	Bil.	Ekar	Bil.	Ekar	Bil.	Ekar	Bil.	Ekar
Kuching	21	25.44	2	13.77	2	103.12	1	0.03	5	9.94	5	2.05	36	154.35
Miri	22	22.57	-	-	1	7.03	-	-	-	-	-	-	23	29.60
Limbang	10	28.43	-	-	2	14.25	-	-	-	-	5	10.35	17	53.03
Sibu / Kapit	5	3.99	3	36.11	1	9.84	1	0.09	-	-	-	-	10	50.03
Sarikei	5	15.94	3	12.07	1	5.40	-	-	-	-	-	-	9	33.41
Samarahan	4	3.29	2	3.75	-	-	-	-	-	-	-	-	6	7.04
Mukah	3	22.22	2	21.72	-	-	-	-	-	-	-	-	5	43.94
Bintulu	2	1.38	-	-	2	35.84	-	-	-	-	-	-	4	37.22
Sri Aman / Betong	1	0.09	-	-	1	8.87	-	-	-	-	-	-	2	8.96
Jumlah	73	123.35	12	87.42	10	184.35	2	0.12	5	9.94	10	12.40	112	417.58


Sumber: Majlis Islam Sarawak

3.4.2. Tempoh Masa Pemprosesan Pindah Milik Tanah Wakaf Tidak Dapat Ditentukan

Majlis Islam Sarawak mempunyai 2 kaedah untuk penyerahan harta wakaf iaitu kaedah pindah milik di bawah Seksyen 58(1)(a) dan kaedah penguatkuasaan undang-undang di bawah Seksyen 58 (6)(a) Ordinan Majlis Islam Sarawak berserta Seksyen 48 Kanun Tanah Negeri. Bagaimanapun, setakat ini MIS hanya melaksanakan kaedah pindah milik ke atas tanah yang diwakafkan yang dibuat melalui permohonan secara sukarela oleh pewakaf.

3.4.2.1. Permohonan wakaf hendaklah dibuat melalui Borang Permohonan berserta dengan dokumen sokongan seperti sighth, surat hakmilik, surat perakuan, peta dan gambar lokasi. MIS memproses permohonan berdasarkan permohonan pewakaf sama ada wakaf am atau wakaf khas. Sijil Wakaf akan diberi kepada Pewakaf bila proses pindah milik selesai sepenuhnya. Semakan Audit mendapati TBS tidak mencatat tarikh permohonan di Daftar Permohonan Wakaf untuk proses pemberimilikan tanah ke Jabatan Tanah Dan Survei. Sungguhpun MIS ada menyediakan prosedur proses penyerahan harta wakaf seperti di **Carta 3.1** tetapi MIS tidak menetapkan tempoh tertentu bagi memproses permohonan wakaf.

Carta 3.1
Carta Aliran Prosedur Serahan Harta Wakaf



Sumber: Majlis Islam Sarawak

3.4.2.2. Semakan Audit mendapati sehingga Disember 2014, MIS ada menerima sebanyak 214 permohonan lot tanah wakaf untuk tapak masjid/surau, kubur, tapak tanah, sekolah agama/madrasah dan bangunan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 112 atau 52.3% telah diproses dan dilulus serta didaftarkan atas nama MIS. Sebanyak 54 permohonan atau 25.2% sedang dalam proses dan 48 permohonan lagi atau 22.5% telah ditolak. Permohonan yang ditolak disebabkan tiada surat penyerahan wakaf, status hakmilik hartanah wakaf yang tidak jelas, masih menjadi tuntutan keluarga dan tidak mempunyai dokumen sokongan lengkap seperti surat hakmilik. Semakan Audit selanjutnya mendapati sebanyak 54 permohonan belum lagi selesai diproses sama ada masih di peringkat Majlis Perancangan Negeri (MPN) atau Jabatan Tanah Dan Survei, Sarawak yang merangkumi proses pindah milik dan pecah tanah walaupun permohonan sudah dibuat sejak tahun 2008 hingga 2014. Akibatnya, pewakaf tidak dapat mendaftarkan tanah tersebut di MIS walaupun hartanah tersebut sudah dimanfaatkan oleh penduduk setempat sekian lama. Butiran lanjut status permohonan wakaf setakat Disember 2014 adalah seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Status Permohonan Wakaf Bagi Tempoh 2008 hingga 2014

Bil.	Permohonan		Status Permohonan				
	Tahun	Bil.	Lulus & Didaftar	Ditolak	Dalam Proses		
					Kelulusan MPN	Pengeluaran Hak Milik	Jumlah
1.	2008	70	59	7	2	2	4
2.	2009	29	14	10	3	2	5
3.	2010	15	4	4	6	1	7
4.	2011	11	7	2	0	2	2
5.	2012	26	5	14	4	3	7
6.	2013	28	17	4	2	5	7
7.	2014	35	6	7	7	15	22
Jumlah		214	112	48	24	30	54

Sumber: Majlis Islam Sarawak

3.4.2.3. Maklum balas daripada MIS bertarikh 16 Jun 2015 dan 23 Oktober 2015, menyatakan bahawa kelewatan ini adalah disebabkan status harta yang hendak diwakaf tidak jelas, masih menjadi tuntutan keluarga, tiada surat hakmilik, tiada dokumen sokongan, tiada peruntukan bagi membayar kos pemindahan hakmilik dan tidak memenuhi kehendak undang-undang serta peraturan JAIS seperti saiz tapak tanah yang kecil dan sudah terdapat surau/masjid yang berdekatan. Namun, secara amnya MIS tetap membenarkan hartanah wakaf tersebut terutamanya yang berkaitan dengan tapak masjid, surau dan tapak kubur terus digunakan oleh masyarakat Islam walaupun pendaftaran wakafnya (sighah) belum dapat diselesai sepenuhnya. Ini bertujuan agar manfaat terus dapat disalur kepada masyarakat Islam.

Pada pendapat Audit, MIS perlu menetapkan norma bagi setiap proses dalaman untuk memastikan keberkesanan dalam urusan permohonan wakaf.

3.4.3. Manual Wakaf Tidak Disediakan

3.4.3.1. MIS hendaklah mempunyai Manual Wakaf yang lengkap sebagai panduan dan rujukan dalam mengurus hartanah wakaf. Semakan Audit mendapati MIS tidak mempunyai Manual Wakaf yang lengkap. MIS menggunakan Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001, Kaedah-kaedah Pentadbiran Wakaf, MIS 2008 dan Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Bagi Majlis Agama Islam Sarawak serta garis panduan berkenaan pendaftaran wakaf dalam mengurus hartanah wakaf. Bagaimanapun ianya tidak mempunyai latar belakang dan penerangan yang lengkap tentang pelaksanaan hartanah wakaf seperti konsep dan prinsip wakaf, pensyariatan wakaf, kelebihan dan hikmah wakaf, syarat dan rukun wakaf dan harta yang boleh diwakafkan. Ini adalah disebabkan kepentingan, pengetahuan dan kesedaran di kalangan umat Islam terhadap wakaf belum lagi meluas. Selain itu, sebelum ini MIS lebih memberi tumpuan terhadap pengurusan zakat.

3.4.3.2. Maklum balas daripada MIS bertarikh 16 Jun 2015 dan 23 Oktober 2015, menyatakan bahawa MIS memang tidak mempunyai Manual Wakaf dalam

menguruskan hartanah wakaf. Bagaimanapun, MIS menggunakan Garis Panduan Wakaf, Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001, Kaedah-kaedah Pentadbiran Wakaf, MIS 2008 dan Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Bagi Majlis Agama Islam Sarawak dalam mengurus hartanah wakaf.

Pada pendapat Audit MIS wajar mempunyai satu Manual Wakaf yang lengkap dan kemas kini dalam mengurus hartanah wakaf sebagai panduan dan rujukan.

3.4.4. Pembangunan Tanah Wakaf

3.4.4.1. Harta Wakaf hendaklah diurus dan dibangunkan mengikut amanah Pewakaf sama ada untuk wakaf khas atau wakaf am. Bagaimanapun mengikut Kaedah 12(2) dalam Kaedah-kaedah Pentadbiran Wakaf MIS 2008, dalam keadaan tertentu di bawah konsep *Istibdal*, MIS boleh mendapatkan pendapat Mufti bagi menukar atau mengubah tujuan asal pewakaf supaya harta wakaf tersebut dapat dibangunkan tanpa mengabaikan amanah atau manfaat pewakaf. Semakan Audit mendapati, setakat akhir tahun 2014, hanya terdapat satu tapak tanah wakaf yang telah berjaya dibangunkan iaitu tanah seluas 0.53 ekar yang diperoleh daripada Kerajaan Negeri di Lot 1165, Blok 19, Petra Jaya Kuching bagi membina premis Medan Hamidah. Premis tersebut adalah seperti di **Gambar 3.1** dan **Gambar 3.2**.

Gambar 3.1
Premis Medan Hamidah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Petra Jaya, Kuching
Tarikh: 11 Mac 2015

Gambar 3.2
Restoran Di Medan Hamidah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Petra Jaya, Kuching
Tarikh: 11 Mac 2015

3.4.4.2. Selain itu, MIS mempunyai 10 lot tapak tanah kosong wakaf seluas 12.40 hektar di seluruh Sarawak yang belum dibangunkan. Daripada jumlah tersebut, 5 lot adalah di Bahagian Kuching dengan keluasan 2.06 ekar dan 5 lot di Bahagian Limbang dengan keluasan 10.34 ekar. Bagi tapak tanah kosong di Bahagian Kuching ianya belum dibangun adalah disebabkan MIS belum dapat memenuhi kehendak pewakaf yang mewakafkan tanah mereka bagi tujuan wakaf khas iaitu bagi membina surau/masjid dan juga tidak mendapat kelulusan daripada MPN dan JAIS. Bagi tapak tanah di Bahagian Limbang pula ianya disebabkan baru diwakafkan pada tahun 2014. Butiran lanjut tapak tanah kosong tersebut adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Tapak Tanah Kosong Wakaf Yang Belum Dibangunkan Setakat Disember 2014

Bil.	Bahagian	Tujuan	Tarikh Daftar	No. Lot & Lokasi	Keluasan (Ekar)
1.	Limbang	Wakaf Am	14.04.14	Lot 336 Blok 12 Pandaruan LD, Sepat Lubai	3.45
2.				Lot 449 Blok 12 Pandaruan LD, Pansong Sipat	2.59
3.				Lot 443 Blok 12 Pandaruan LD, Pansong Sipat	2.57
4.				Lot 441 Blok 12 LD, Melagong Lubai	1.00
5.				Lot 450 Blok 12 Pandaruan LD, Pansong Sipat	0.73
Jumlah					10.34
6.	Kuching	Surau	2008	Lot. 76, Blk 1 Pueh LD Teluk Melano	1.33
7.		Tapak Tanah	2008	Lot 523 Blk 216 KNLD, Segedup	0.20
8.		Surau	11.07.96	Lot 1638 Seksyen 65, Petra Jaya	0.15
9.		Masjid	17.10.06	Lot 817, Bau Town LD	0.11
10.		Surau	27.08.99	Lot 4883 & Lot 5250, Kg. Gersik	0.27
Jumlah					2.06
Jumlah Keseluruhan					12.40

Sumber: Majlis Islam Sarawak

3.4.4.3. Maklum balas daripada MIS yang diterima melalui surat bertarikh 16 Jun 2015, menyatakan bahawa pada masa kini, pihak MIS berpendirian belum lagi viable untuk membangunkan tanah di Bahagian Limbang. Bagi tapak tanah di Bahagian Kuching pula, MIS belum menerima permohonan daripada penduduk setempat bagi membina surau. Pembinaan surau perlu mendapat kelulusan daripada Majlis Perancangan Negeri dan kebenaran Jabatan Agama Islam Sarawak.

Pada pendapat Audit, MIS hendaklah berusaha untuk membangunkan tapak tanah-tanah tersebut atau menggunakan konsep istibdal terhadap tapak tanah yang tidak dapat dibangunkan supaya manfaatnya dapat diperoleh oleh pewakaf.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan hartanah wakaf dapat dipertingkatkan dan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang adalah disyorkan Majlis Islam Sarawak (MIS) mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

3.5.1. Menyediakan satu Manual Wakaf yang lengkap dan kemas kini dalam mengurus hartanah wakaf sebagai panduan dan rujukan dengan menetapkan norma bagi setiap proses dalaman untuk memastikan keberkesanan dalam urusan permohonan wakaf. Semua tapak perkuburan, surau dan masjid yang di bawah tanah wakaf hendaklah didaftarkan segera supaya status hak milik hartanah wakaf tersebut terpelihara.

3.5.2. Berusaha untuk membangunkan tapak tanah kosong atau menggunakan konsep istibdal terhadap tapak tanah yang tidak dapat dibangunkan supaya manfaatnya dapat diperolehi oleh pewakaf.

MAJLIS DAERAH SRI AMAN MAJLIS DAERAH LUBOK ANTU

4. PENGURUSAN PEROLEHAN

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Perolehan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah termasuk pelaksanaan projek pembangunan, perolehan kerja, aset dan bekalan untuk tujuan operasi harian PBT. Pembiayaan perbelanjaan perolehan PBT adalah dari peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan peruntukan PBT sendiri. Perolehan dibuat secara pembelian terus, sebut harga, tender dan rundingan terus. Tatacara perolehan PBT adalah tertakluk kepada *The Local Authorities Ordinance, 1996 (Ordinan)*, *The Local Authorities Financial Regulations, 1997 (LAFR 1997)*, Manual Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008, peraturan kewangan Negeri, peraturan kewangan Persekutuan bagi peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan pekeliling berkaitan yang sedang berkuat kuasa.

4.1.2. Sumber pendapatan Majlis Daerah Sri Aman (MDSA) dan Majlis Daerah Lubok Antu (MDLA) adalah dari geran Kerajaan Persekutuan serta Kerajaan Negeri, cukai taksiran, yuran, faedah dari pelaburan, hasil pelbagai dan lesen. Manakala perbelanjaan adalah bagi perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan untuk tujuan operasi dan melaksanakan projek pembangunan di kawasan MDSA dan MDLA. Pendapatan dan perbelanjaan MDSA dan MDLA bagi tahun 2012 hingga 2014 masing-masingnya adalah sejumlah RM49.58 juta dan RM46.97 juta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Pendapatan Serta Perbelanjaan MDSA Dan MDLA Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

PBT	Pendapatan Dan Perbelanjaan						Jumlah	
	2012		2013		2014			
	Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)
MDSA	9.75	9.67	9.38	10.39	13.35	14.74	32.48	34.80
MDLA	4.71	3.70	5.66	4.01	6.73	4.46	17.10	12.17
Jumlah	14.46	13.37	15.04	14.40	20.08	19.20	49.58	46.97

Sumber: Penyata Kewangan Majlis Daerah Sri Aman dan Majlis Daerah Lubok Antu

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan perolehan oleh MDSA dan MDLA telah dirancang, dilaksanakan dengan cekap, ekonomi, berkesan serta mencapai matlamatnya dan mematuhi undang-undang yang ditetapkan.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan perolehan MDSA dan MDLA bagi tempoh 2012 hingga 2014. Pengauditan dilaksanakan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan perolehan di MDSA dan MDLA. Pemilihan sampel pengauditan adalah 263 daripada 2,545 perolehan melalui kaedah pembelian terus, 94 daripada 199 perolehan secara sebut harga, 37 daripada 160 perolehan secara tender dan 6 daripada 6 perolehan secara rundingan terus. Selain itu, lawatan ke 38 lokasi projek terpilih dan temu bual telah dilaksanakan semasa pengauditan. *Exit Conference* bersama Setiausaha MDSA dan Setiausaha MDLA telah diadakan pada 10 Ogos 2015 yang turut dihadiri oleh pegawai Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Pembangunan Komuniti Sarawak dan Unit Audit Dalam Jabatan Ketua Menteri.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan April hingga Jun 2015 mendapati pengurusan perolehan MDSA dan MDLA telah dilaksanakan dengan memuaskan dari aspek pematuhan terhadap prosedur perolehan, tawaran kerja dan jawatankuasa yang dilantik, prestasi penggunaan peruntukan, perbelanjaan perolehan mengikut maksud serta bekalan telah diterima dan disimpan dengan baik. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang perlu dibuat penambahbaikan oleh MDSA dan MDLA seperti berikut:

- Kerja tidak menepati skop.
- Projek siap tidak disenggara.
- Projek siap tidak digunakan.
- Pengurusan kontrak kurang memuaskan.

4.4.1. Prestasi

4.4.1.1. Bagi tahun 2012 hingga 2014, MDSA dan MDLA telah menerima peruntukan sejumlah RM42.84 juta daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan dana PBT sendiri. Bagi tempoh yang sama sejumlah RM38.37 juta atau 89.6% telah dibelanjakan oleh MDSA dan MDLA melibatkan 2,910 perolehan. Prestasi perbelanjaan perolehan secara keseluruhan di MDSA dan MDLA adalah baik iaitu di MDSA sejumlah RM27.80 juta atau 88.5% daripada RM31.43 juta peruntukan yang diterima telah dibelanjakan dan RM10.57 juta atau 92.6% daripada peruntukan sejumlah RM11.41 juta yang diterima oleh MDLA telah dibelanjakan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Peruntukan Serta Perbelanjaan Perolehan MDSA Dan MDLA
Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

PBT	Sumber Kewangan	Bil. Perolehan	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus (%)
MDSA	Persekutuan	479	14.04	13.14	93.6
	Negeri	298	6.94	5.77	83.1
	PBT	1,677	10.45	8.89	85.1
Jumlah		2,454	31.43	27.80	88.5
MDLA	Persekutuan	39	4.78	4.19	87.7
	Negeri	62	3.75	3.51	93.6
	PBT	355	2.88	2.87	99.7
Jumlah		456	11.41	10.57	92.6
Jumlah Keseluruhan		2,910	42.84	38.37	89.6

Sumber: Majlis Daerah Sri Aman dan Majlis Daerah Lubok Antu

4.4.1.2. Bagi tahun 2012 hingga 2014, MDSA dan MDLA telah membuat 2,910 perolehan bernilai RM38.37 juta melalui kaedah perolehan secara pembelian terus, tender, sebut harga dan rundingan terus. Butiran lanjut kaedah perolehan mengikut PBT adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Kaedah Perolehan MDSA Dan MDLA Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

PBT	Kaedah Perolehan	Bil. Perolehan	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus (%)
MDSA	Pembelian Terus	2,190	10.24	36.8
	Tender	127	14.36	51.7
	Sebut Harga	131	2.49	9.0
	Rundingan Terus	6	0.71	2.6
Jumlah		2,454	27.80	
MDLA	Pembelian Terus	355	2.87	27.2
	Tender	33	2.53	23.9
	Sebut Harga	68	5.17	48.9
Jumlah		456	10.57	
Jumlah Keseluruhan		2,910	38.37	

Sumber: Majlis Daerah Sri Aman dan Majlis Daerah Lubok Antu

Pada pendapat Audit prestasi penggunaan peruntukan adalah baik di MDSA dan MDLA iaitu di MDSA kadar penggunaan peruntukan adalah 88.5% dan di MDLA, 92.6% peruntukan yang diterima telah dibelanjakan.

4.4.2. Pengurusan Perolehan

4.4.2.1. Pengurusan perolehan MDSA dan MDLA yang cekap dan berkesan akan memastikan perolehan bekalan atau perkhidmatan yang bermutu, *value for money* serta MDSA dan MDLA dapat mencapai tujuan perolehan perkhidmatan, bekalan serta kerja dan memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat.

4.4.2.2. Semakan Audit terhadap 263 perolehan bagi pembelian terus, 94 perolehan secara sebut harga, 37 perolehan secara tender dan 6 perolehan secara rundingan terus di MDSA dan MDLA mendapati kedua-dua PBT tersebut telah mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam tatacara perolehannya. Selain itu, semua projek yang dipilih sebagai sampel pengauditan telah dilaksanakan dalam tempoh seperti ditetapkan dalam kontrak kecuali 4 projek yang telah disiapkan dalam tempoh lanjutan masa. Contoh projek yang telah dilaksanakan dengan memuaskan serta kelemahan dalam pengurusan perolehan MDSA dan MDLA yang perlu dibuat penambahbaikan berdasarkan sampel Audit adalah seperti berikut:

a. Projek Yang Dilaksanakan Dengan Memuaskan Di MDSA Dan MDLA

Semakan Audit terhadap dokumen berkaitan dan lawatan Audit ke 14 projek MDSA bernilai RM2.18 juta dan 24 projek MDLA bernilai RM1.71 juta yang telah siap dilaksanakan dan dipilih sebagai sampel pengauditan mendapati secara keseluruhannya, MDSA dan MDLA telah memastikan pengurusan perolehan dan kualiti kerja yang dilaksanakan adalah mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dalam kontrak serta tujuan perolehan tercapai. Contoh projek yang telah dilaksanakan dengan memuaskan dari segi pengurusan perolehan, pematuhan kepada spesifikasi kontrak dan tujuan perolehan tercapai adalah seperti di **Gambar 4.1** hingga **Gambar 4.4**.

Gambar 4.1
Menaik Taraf Tandas Awam



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tandas Awam Tebingan Sg. Btg Lupar
Tarikh: 22 Mei 2015

Gambar 4.2
Menaik Taraf Tempat Letak Kenderaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Club Sri Aman
Tarikh: 22 Mei 2015

Gambar 4.3
Menaik Taraf Padang Bola Sepak



Projek Siap: 02.02.2015
Kos Projek : RM167,153
11/06/2015 02:45 PM

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Padang Bola Sepak Komuniti, Engkilili
Tarikh: 11 Jun 2015

Gambar 4.4
Program Bantuan Kios Bergerak



Projek Siap: 27.08.2014
Kos Projek : RM49,500
11/06/2015 02:50 PM

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Tebingan Sungai, Engkilili
Tarikh: 11 Jun 2015

4.4.3. Kerja Tidak Menepati Skop

4.4.3.1. Projek yang dilaksanakan oleh PBT hendaklah dilaksanakan dengan menepati pelan reka bentuk, spesifikasi dan kualiti yang telah ditetapkan dalam kontrak yang dimeterai.

4.4.3.2. Majlis Daerah Lubok Antu telah menerima peruntukan sejumlah RM100,000 bagi tujuan melaksanakan projek Mengubahsuaikan Tandas Awam Sedia Ada Kepada Mesra OKU Di Engkilili. Projek telah dilaksanakan mulai 10 Jun 2013 dan siap sepenuhnya pada 2 September 2013 dengan nilai kontrak sejumlah RM99,850. Antara skop kerja yang telah ditetapkan dalam kontrak adalah pemasangan *ramp*, *handrails*, pagar, tempat letak kereta, sinki, cermin, sistem penggera dan lain-lain yang telah ditetapkan pada harga *lump sum* sejumlah RM21,480. Pemasangan *handrails* pada *ramp* di pintu masuk ke tandas awam tersebut serta cermin dan sinki ada dinyatakan di dalam pelan reka bentuk projek. Manakala pemasangan sistem penggera ada dinyatakan dalam Ringkasan Sebut Harga. Lawatan Audit ke tapak projek pada 12 Jun 2015 mendapati *handrails*, sistem penggera, sinki dan cermin tidak dipasang di tandas OKU lelaki dan perempuan. Selain itu, adalah didapati kualiti cat yang digunakan untuk mengecat kawasan luar tandas tersebut adalah tidak memuaskan di mana cat telah pudar. Keadaan sebelum dan selepas kerja pemasangan *handrails*, sinki, cermin serta sistem penggera dan cat pudar adalah seperti di **Gambar 4.5** hingga **Gambar 4.9**.

4.4.3.3. **Maklum balas daripada MDLA bertarikh 26 Oktober 2015, menyatakan terdapat kesilapan semasa penyediaan pelan reka bentuk bagi tandas tersebut di mana *handrails* sepatutnya dipasang dalam tandas dan bukan di kawasan luar tandas. MD Lubok Antu telah memasang sinki, cermin dan sistem penggera di tandas OKU tersebut. Selain itu, MDLA memaklumkan cat pudar disebabkan faktor cuaca. MD Lubok Antu telah menubuhkan Lembaga Siasatan yang bermesyuarat pada 23 Oktober 2015 serta telah mencadangkan pegawai terlibat diberi surat**

amaran, tidak terlibat dengan pengurusan perolehan dan berpindah tempat bertugas.

Gambar 4.5
Handrails Tidak Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tandas Awam OKU Engkilili
Tarikh: 12 Jun 2015

Gambar 4.6
Cat Yang Telah Pudar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tandas Awam OKU Engkilili
Tarikh: 12 Jun 2015

Gambar 4.7
Sinki Dan Cermin Tidak Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tandas Awam OKU Engkilili
Tarikh: 12 Jun 2015

Gambar 4.8
Sinki Dan Cermin Telah Dipasang



Sumber: Majlis Daerah Lubok Antu
Lokasi: Tandas Awam OKU Engkilili
Tarikh: 29 Julai 2015



Gambar 4.9
Sistem Penggera Telah Dipasang

Sumber: Majlis Daerah Lubok Antu
Lokasi: Tandas Awam OKU Engkilili
Tarikh: 29 Julai 2015

Pada pendapat Audit, setiap projek yang dibina hendaklah dipantau dengan teliti bagi memastikan kontraktor melaksanakan kerja mengikut spesifikasi kontrak serta menggunakan bahan yang berkualiti.

4.4.4. Projek Siap Tidak Disenggara

4.4.4.1. Kemudahan awam yang disediakan oleh Kerajaan perlu diperiksa dan disenggara secara berkala untuk memastikan ia berfungsi dengan sempurna dan selamat digunakan. Di samping itu, ianya juga bertujuan untuk memanjangkan jangka hayat, mengurangkan kerosakan, meningkatkan penggunaan dan mengurangkan kos penyenggaraan dalam jangka masa panjang.

4.4.4.2. Lawatan Audit ke 24 projek yang telah siap dilaksanakan oleh MDLA mendapati terdapat projek yang telah siap tetapi tidak disenggarakan dan boleh menjejaskan keselamatan pengguna kemudahan tersebut. Projek yang berkaitan adalah seperti berikut:

a. Projek Melebarkan Jalan Di Hadapan Bangunan Pusat Jalur Lebar 1 Malaysia Dan Projek Melebarkan Jalan Di Hadapan Kedai No.245 Hingga 250, Engkilili

Majlis Daerah Lubok Antu telah mendapat peruntukan sejumlah RM349,289 daripada Kerajaan Negeri untuk melaksanakan Projek Melebarkan Jalan Di Hadapan Bangunan Jalur Lebar 1 Malaysia dan Projek Melebarkan Jalan Di Hadapan Kedai No.245 Hingga 250, Engkilili. Nilai kontrak bagi kedua-dua projek tersebut adalah RM296,896 dan telah siap dilaksanakan pada Januari 2015 dan Disember 2014. Antara skop kerja bagi kedua-dua projek ini adalah membina longkang dan memasang penutup longkang di kawasan yang telah dikenal pasti dan ditetapkan dalam kontrak. Lawatan Audit pada 11 Jun 2015 mendapati penutup longkang telah rosak dan hilang serta tiada tindakan pembaikan dilakukan walaupun projek tersebut masih dalam tempoh tanggungan kecacatan iaitu sehingga 17 Januari 2016 dan 23 Jun 2015. Keadaan ini membahayakan pengguna tempat letak kereta berkenaan dan orang awam yang lalu lalang di kawasan tersebut. Butiran lanjut projek adalah seperti di **Jadual 4.4**. Keadaan penutup longkang yang rosak serta hilang dan gambar setelah dibaiki adalah seperti di **Gambar 4.10** hingga **Gambar 4.13**.

Jadual 4.4
Projek Siap Yang Tidak Disenggara

Bil.	Projek	Sumber Peruntukan	Tarikh Mula	Tarikh Siap	Tempoh Tanggungan Kecacatan	Nilai Kontrak (RM)
1.	Melebarkan Jalan Di Hadapan Bangunan Pusat Jalur Lebar 1 Malaysia Di Pekan Engkilili	Negeri	19.11.2014	18.01.2015	18.01.2015 Hingga 17.01.2016	127,250
2.	Melebarkan Jalan Di Hadapan Kedai No. 245 Sehingga No.250 Di Pekan Engkilili	Negeri	19.11.2014	24.12.2014	24.12.2014 Hingga 23.06.2015	169,646
Jumlah						296,896

Sumber: Majlis Daerah Lubok Antu

Gambar 4.10
Penutup Longkang Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan Pusat Jalur Lebar 1 Malaysia,
Engkilili
Tarikh: 11 Jun 2015

Gambar 4.11
Penutup Longkang Telah Dibaiki



Sumber: Majlis Daerah Lubok Antu
Lokasi: Bangunan Pusat Jalur Lebar 1 Malaysia,
Engkilili
Tarikh: 29 Julai 2015

Gambar 4.12
Penutup Longkang Yang Hilang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hadapan Kedai No.245 Hingga 250,
Engkilili
Tarikh: 11 Jun 2015

Gambar 4.13
Penutup Longkang Telah Dipasang



Sumber: Majlis Daerah Lubok Antu
Lokasi: Hadapan Kedai No.245 Hingga 250,
Engkilili
Tarikh: 29 Julai 2015

b. Dewan Masyarakat MD Lubok Antu

Lawatan Audit pada 11 dan 12 Jun 2015 ke tapak Projek Pemasangan Penghawa Dingin Di Dewan Masyarakat dengan kontrak bernilai RM82,190 mendapati projek tersebut telah siap dilaksanakan dengan memuaskan pada September 2012. Bagaimanapun, adalah didapati kawasan Dewan Masyarakat tersebut tidak disenggara dengan baik di mana terdapat kerosakan pada pagar *chain link* yang tidak dibaiki. Keadaan pagar *chain link* di kawasan Dewan Masyarakat sebelum dan selepas disenggara adalah seperti di **Gambar 4.14** dan **Gambar 4.15**.

4.4.4.3. Maklum balas daripada MDLA bertarikh 3 Ogos 2015, menyatakan pagar *chain link* dan penutup longkang berkenaan telah dibaiki dan diganti pada Julai 2015.

Gambar 4.14
Pagar Chain Link Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Masyarakat MD Lubok Antu
Tarikh: 12 Jun 2015

Gambar 4.15
Pagar Chain Link Telah Dibaiki



Sumber: Majlis Daerah Lubok Antu
Lokasi: Dewan Masyarakat MD Lubok Antu
Tarikh: 29 Julai 2015

4.4.5. Projek Siap Tidak Digunakan

4.4.5.1. 1 Pekeliling Perbendaharaan berkaitan Pengurusan Aset menetapkan semua aset Kerajaan hendaklah diguna dan diuruskan dengan cekap dan teratur bagi mengelakkan pembaziran, menjimatkan kos, memanjangkan jangka hayat, mencegah penyalahgunaan dan mengelakkan kehilangan.

a. Pembinaan Pasar Tamu Satu Tingkat Pantu, MD Sri Aman

Kerajaan Negeri telah memberi peruntukan sejumlah RM400,000 kepada MDSA untuk membina pasar tamu di pekan Pantu dengan tujuan menaik taraf kemudahan awam dan memberi keselesaan kepada penduduk setempat terutamanya peniaga kecil yang menjual hasil pertanian mereka. Projek ini mula dilaksanakan pada 1 April 2013 dan siap sepenuhnya pada 30 Oktober 2013 dengan nilai kontrak sejumlah RM362,742. Lawatan Audit ke tapak projek pada 22 Mei 2015 dan 7 Jun 2015 mendapati pasar tamu tersebut telah dibina mengikut spesifikasi kontrak tetapi tidak digunakan oleh peniaga kecil yang masih menggunakan kawasan kaki lima kedai sebagai tempat berniaga. Keadaan adalah seperti di **Gambar 4.16** hingga **Gambar 4.19**.

Gambar 4.16
Pasar Tamu Yang Tidak Diguna



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pekan Pantu , Sri Aman
Tarikh: 22 Mei 2015

Gambar 4.17
Pasar Tamu Telah Diguna



Sumber: Majlis Daerah Sri Aman
Lokasi: Pekan Pantu, Sri Aman
Tarikh: 06 Ogos 2015

Gambar 4.18
Penjaja Berniaga
Di Kawasan Kaki Lima Kedai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pekan Pantu, Sri Aman
Tarikh: 07 Jun 2015

Gambar 4.19
Penjaja Berniaga Di Pasar Tamu



Sumber: Majlis Daerah Sri Aman
Lokasi: Pekan Pantu, Sri Aman
Tarikh: 06 Ogos 2015

b. Menaik Taraf Bangunan Perpustakaan Awam Di Engkilili, MD Lubok Antu

Projek ini mendapat peruntukan sejumlah RM100,000 daripada Kerajaan Persekutuan dan mula dilaksanakan oleh MDLA pada 23 April 2014 dan siap sepenuhnya pada 20 Jun 2014 dengan nilai kontrak sejumlah RM99,966. Antara skop kerja yang ditetapkan dalam kontrak adalah kerja mengecat bangunan perpustakaan, memasang jubin, meroboh tempat menanam bunga dan membina satu unit stor untuk kegunaan perpustakaan tersebut. Lawatan Audit pada 11 Jun 2015 ke tapak projek stor yang telah siap dibina dengan kos sejumlah RM25,000 mendapati stor untuk kegunaan Perpustakaan Awam Engkilili masih tidak digunakan. Keadaan stor perpustakaan sebelum dan selepas diguna adalah seperti di **Gambar 4.20** dan **Gambar 4.21**.

4.4.5.2. Maklum balas daripada MDSA serta MDLA bertarikh 20 Julai dan 3 Ogos 2015, menyatakan Pasar Tamu Pekan Pantu dibuka semula kepada penaja mulai 1 Julai 2015 setelah jeriji dipasang bagi mengelakkan vandalisme. Selain itu, MDSA telah mengeluarkan surat kepada peniaga berkenaan mengarahkan mereka berniaga di pasar tamu tersebut dan tiada sebarang bayaran akan dikenakan setakat ini. Manakala MDLA menyatakan stor tersebut telah digunakan oleh Bahagian Perpustakaan untuk menyimpan buku yang rosak dan peralatan lain.

Gambar 4.20
Stor Perpustakaan Tidak Diguna



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Perpustakaan Awam Engkilili
Tarikh: 11 Jun 2015

Gambar 4.21
Stor Perpustakaan Telah Diguna



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Perpustakaan Awam Engkilili
Tarikh: 29 Julai 2015

Pada pendapat Audit, setiap projek yang telah dibina hendaklah disenggara bagi memastikan ianya dapat diguna secara optimum, keselamatan pengguna tidak terjejas dan memanjangkan jangka hayat aset tersebut.

4.4.6. Pengurusan Kontrak Kurang Memuaskan

4.4.6.1. Tempoh Tanggungan Kecacatan Tidak Mengikut Peraturan Kewangan

- a. Peraturan 214 LAFR 1997 dan peraturan kewangan persekutuan menetapkan had dan tempoh tanggungan kecacatan. Bagi peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Negeri dan peruntukan PBT sendiri tempoh tanggungan kecacatan untuk kontrak bernilai di bawah RM100,000 adalah 6 bulan dari tarikh sijil siap kerja dikeluarkan dan bagi kontrak bernilai di bawah RM500,000, tempoh tanggungan kecacatan adalah tidak kurang dari 12 bulan dari tarikh sijil siap kerja dikeluarkan. Bagi kontrak bernilai RM500,000 dan ke atas pula, tempoh tanggungan kecacatan yang ditetapkan adalah tidak kurang dari 18 bulan daripada tarikh sijil siap kerja dikeluarkan serta bagi kerja pembinaan, kerja atau bekalan peralatan yang memerlukan kepakaran atau sekiranya didapati perlu oleh PBT, tempoh tanggungan kecacatan yang melebihi 12 bulan boleh dikenakan dan perlu dinyatakan dengan jelas dalam kontrak.

- b. Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyalurkan peruntukan kepada PBT untuk melaksanakan projek Kecil Di Kawasan Dan Kampung Tradisional (BP1). Bagi tujuan tersebut, KPKT telah mengeluarkan Garis Panduan Pelaksanaan Projek BP1 sebagai rujukan semasa melaksanakan projek. Antara perkara yang ditetapkan dan perlu dipatuhi oleh PBT semasa pelaksanaan projek adalah menetapkan tempoh tanggungan kecacatan dengan jelas dalam kontrak di mana kontraktor adalah bertanggungjawab untuk membaiki apa-apa kecacatan, ketidaksempurnaan dan kerosakan lain apabila diarah oleh PBT atas kos kontraktor sendiri dalam tempoh tersebut. Tempoh tanggungan kecacatan bagi kontrak bernilai di bawah RM100,000 adalah 6 bulan dari tarikh kerja diperakukan siap dan bagi kontrak bernilai melebihi RM100,000, tempoh tanggungan kecacatan adalah 12 bulan dari tarikh kerja diperakukan siap.
- c. Semakan Audit mendapati 19 projek bernilai RM3.05 juta yang dibiayai oleh peruntukan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri tidak menetapkan tempoh tanggungan kecacatan mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Tempoh tanggungan kecacatan dalam kontrak yang dimeterai bagi semua projek tersebut adalah 6 bulan. Manakala tempoh tanggungan kecacatan yang ditetapkan dalam LAFR 1997 dan Garis Panduan Pelaksanaan Projek BP1 adalah 12 bulan. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5
Tempoh Tanggungan Kecacatan Tidak Mengikut Peraturan Kewangan
Di MDSA Dan MDLA

PBT	Maklumat Projek			Tempoh Tanggungan Kecacatan	
	Sumber Peruntukan	Bil.	Nilai Kontrak (RM Juta)	Dalam Perjanjian (Bulan)	Garis Panduan/LAFR (Bulan)
MD Sri Aman	Persekutuan	7	1.24	6	12
MD Lubok Antu	Persekutuan	9	1.37	6	12
	Negeri	3	0.44	6	12
Jumlah		19	3.05		

Sumber: Majlis Daerah Sri Aman Dan Majlis Daerah Lubok Antu

4.4.6.2. Perbezaan Kos Yang Ketara Bagi Item Sama Dalam Kontrak

- a. Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah memastikan harga bekalan atau perkhidmatan yang diperoleh adalah berpatutan serta menguntungkan Kerajaan di samping memastikan perolehan dibuat mematuhi peraturan kewangan dan *value for money*. Ringkasan Tender perlu disemak dengan terperinci sebelum kontrak ditandatangani bagi memastikan tiada pembayaran lebih bagi item yang sama dan tiada perbezaan kos yang ketara bagi perolehan untuk item yang ditetapkan sama spesifikasinya dalam kontrak. Antara item yang perlu dibekalkan bagi projek yang dilaksanakan PBT dengan peruntukan Kerajaan Persekutuan di bawah projek BP1 adalah papan tanda projek yang telah ditetapkan saiz dan reka bentuk dalam garis panduan pelaksanaan projek yang dikeluarkan oleh KPKT.

- b. Bagi MDSA, antara butiran item yang perlu dibekalkan oleh kontraktor dilantik bagi Projek Menaik Taraf Tandas Awam Pasar Market, Terminal Bas STC Dan Stadium Mini Sri Aman adalah membekal papan tanda yang bergambar lelaki serta perempuan dan papan tanda tandas awam bersaiz 8"x4".
- c. Semakan Audit terhadap dokumen kontrak di MDSA mendapati kontrak bagi 9 projek bernilai RM1.44 juta tidak disemak dengan terperinci sebelum perjanjian dimeterai menyebabkan terdapat perbezaan ketara bagi butiran kos untuk item yang sama di Ringkasan Tender. Harga bagi pembekalan papan tanda yang bergambar lelaki dan perempuan adalah antara RM350 hingga RM600. Bagi pembekalan papan tanda tandas awam pula, harga yang ditetapkan dalam kontrak adalah antara RM750 hingga RM950. Manakala bagi pembekalan papan tanda projek di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan harga yang ditetapkan dalam kontrak adalah antara RM600 hingga RM2,566. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.6** dan contoh papan tanda tandas awam, papan tanda tandas awam bergambar dan papan tanda projek adalah seperti di **Gambar 4.22** hingga **Gambar 4.27**.

Jadual 4.6
Perbezaan Kos Yang Ketara Bagi Item Yang Sama Dalam Kontrak Di MDSA

Bil.	Projek/Nombor Kontrak	Butiran Perolehan Item/Kos				Nilai Kontrak (RM)
		Lokasi	*Papan Tanda Tandas (RM)	Papan Tanda Tandas Awam (RM)	Papan Tanda Projek (RM)	
1.	Menaik Taraf Tandas Awam Pasar Market, Terminal Bas STC Dan Stadium Mini, Sri Aman No. Kontrak: SADC/PW/T/Tandas/42/2014	a. Tingkat Bawah Pasar Market	350.00	750.00	0.00	147,492
		b. Tingkat 1 Pasar Market	600.00	900.00	0.00	
		c. Terminal Bas STC	500.00	950.00	0.00	
		d. Stadium Mini Sri Aman	350.00	700.00	0.00	
2.	Menaik Taraf Jalan Taman Sing-Sing, Sri Aman No. Kontrak: SADC/PW/Q/BP1/RD Sing/08/2013	Jalan.Taman Sing-Sing	0.00	0.00	650.00	99,885
3.	Menaik Taraf Jln.Kubau Lama (Fasa 1) Sri Aman No. Kontrak: SADC/PW/Q/BP1/RD/Kubau/10/2013	Jalan.Kubau Lama	0.00	0.00	2,566.00	99,611
4.	Menaik Taraf Jln.Muhibbah Lorong B, Sri Aman No. Kontrak: SADC/PW/Q/BP1/RD/Muhibbah/12/2013	Jalan Muhibbah	0.00	0.00	870.00	98,860
5.	Menaik Taraf Sistem Perparitan Di Taman Bayu (Fasa II), Sri Aman No. Kontrak: SADC/PW/Q/BP1/Drain Bayu/02/2012	Jalan Bayu	0.00	0.00	800.00	198,662

Bil.	Projek/Nombor Kontrak	Butiran Perolehan Item/Kos				Nilai Kontrak (RM)
		Lokasi	*Papan Tanda Tandas (RM)	Papan Tanda Tandas Awam (RM)	Papan Tanda Projek (RM)	
6.	Menaik Taraf Sistem Perparitan Di Persiaran Kaki Jln.Club, Sri Aman No.Kontrak: SADC/PW/Q/BP1/Drain Club/03/2012	Jalan Club	0.00	0.00	1,000.00	199,510
7.	Menaik Taraf Tempat Letak Kenderaan Di Jln.Club, Sri Aman No.Kontrak: SADC/PW/Q/BP1/RD Club/05/2012	Jalan Club	0.00	0.00	1,500.00	199,304
8.	Menaik Taraf Jln.Belimbing, Sri Aman No.Kontrak: SADC/PW/Q/BP1/RD Jln. Belimbing/28/2013	Jalan Belimbing	0.00	0.00	600.00	148,260
9.	Menaik Taraf Saliran Di Taman Bayu A MD Sri Aman No.Kontrak: SADC/PW/T/BP1/02/2014	Taman Bayu A	0.00	0.00	800.00	246,230
Jumlah						1,437,814

Sumber: Majlis Daerah Sri Aman

Nota: * Papan Tanda Tandas Bergambar Lelaki Dan Perempuan

Gambar 4.22
Papan Tanda Tandas Awam



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tingkat Bawah, Pasar Sri Aman
Tarikh: 22 Mei 2015

Gambar 4.23
Papan Tanda Tandas Awam



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tingkat 1, Pasar Sri Aman
Tarikh: 22 Mei 2015

Gambar 4.24
Papan Tanda Tandas Bergambar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tingkat Bawah, Pasar Sri Aman
Tarikh: 22 Mei 2015

Gambar 4.25
Papan Tanda Tandas Bergambar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tingkat 1, Pasar Sri Aman
Tarikh: 22 Mei 2015

Gambar 4.26
Papan Tanda Projek



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Club, Sri Aman
Tarikh: 22 Mei 2015

Gambar 4.27
Papan Tanda Projek



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Utama Ke Kompleks Persekutuan, Sri Aman
Tarikh: 22 Mei 2015

4.4.6.3. Maklum balas daripada MDSA dan MDLA bertarikh 26 Oktober dan 3 Ogos 2015, mengakui kesilapan di dalam penyediaan kontrak berkaitan tempoh tanggungan kecacatan dan akan memastikan perkara ini tidak akan berulang. MD Sri Aman telah mengambil tindakan menambah baik prosedur perolehan dengan menetapkan harga papan tanda mengikut saiz dan telah diluluskan oleh Mesyuarat Penuh Majlis pada 2 Oktober 2015.

Pada pendapat Audit, pengurusan kontrak yang tidak cekap boleh menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak terjamin.

4.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan perolehan Majlis Daerah Sri Aman (MDSA) dan Majlis Daerah Lubok Antu (MDLA) dibuat dengan cekap serta berkesan dan kelemahan yang dibangkitkan di dalam laporan tidak berulang adalah disyorkan supaya langkah seperti berikut diambil:

4.5.1. MDSA dan MDLA meningkatkan pemantauan bagi memastikan pematuhan kepada spesifikasi kerja yang telah ditetapkan, projek yang telah siap disenggara dan digunakan supaya tiada pembaziran wang awam berlaku.

4.5.2. MDSA dan MDLA memastikan perolehan dibuat dengan mematuhi sepenuhnya peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa.

PERBADANAN URUSAN KEJURUTERAAN DAN LIMBUNGAN BROOKE

5. PENGURUSAN PEROLEHAN

5.5. LATAR BELAKANG

5.5.1. Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke (Perbadanan) adalah entiti kejuruteraan laut bersepadu utama di Sarawak yang beroperasi sebagai organisasi perniagaan yang berasaskan keuntungan. Perbadanan berfungsi sebagai jurutera dan kontraktor dengan membina produk tempahan khas dan menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan dengan cara yang berdaya saing serta inovatif tanpa kompromi terhadap piawai keselamatan dan kualiti. Pada awal Mei 1985, Limbungan Brooke telah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia untuk pembaikan dan penyenggaraan bot dan kapal Kerajaan. Perbadanan bermula sebagai pereka bentuk modul luar pantai (offshore) utama pada tahun 1996 dan pembekal perkhidmatan bagi petroleum, marin serta industri pembuatan. Bengkel mereka bentuk utama adalah di Sejingkat, Kuching seluas 20 ekar untuk mengendali kerja kejuruteraan berat termasuk modul pelantar minyak serta gas, pembinaan kapal atau bot, kerja pembaikan kapal dan industri pembuatan.

5.5.2. Struktur Organisasi Perbadanan dibahagikan kepada 5 bahagian iaitu Kejuruteraan *Landbased*, Pembinaan Kapal/Jambatan, Jabatan Pembaikan Kapal, Jabatan Teknikal Minyak Serta Gas dan Korporat/Kumpulan Sokongan. Operasi pentadbiran dan pengurusan Perbadanan diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif yang bertanggungjawab untuk mengurus hal-ehwal kewangan dan menyelenggara rekod serta prosedur kewangan serta perakaunan berpandukan Ordinan Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke, Ordinan Badan-badan Berkanun (Prosedur Kewangan dan Perakaunan) (Pindaan), 2004 dan Peraturan/Pekeliling Perbendaharaan. Seksyen Perolehan bertanggungjawab untuk melaksanakan pengurusan kontrak yang berkualiti serta cekap dan memastikan pelaksanaan projek disiapkan mengikut jadual dan spesifikasi yang ditetapkan.

5.5.3. Kaedah perolehan bekalan, kerja dan perkhidmatan Perbadanan adalah melalui pembelian terus, sebut harga dan tender. Pada tahun 2012 hingga 2014, Perbadanan telah mengutip hasil sejumlah RM858.34 juta. Bagi tempoh yang sama, jumlah perbelanjaan Perbadanan adalah sejumlah RM827.08 juta iaitu RM27.68 juta atau 3.3% untuk perbelanjaan mengurus dan RM799.40 juta atau 96.7% untuk perbelanjaan projek.

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan perolehan Perbadanan dirancang dan dilaksanakan dengan cekap selaras dengan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

5.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan perolehan Perbadanan bagi tahun 2012 hingga 2014. Pengauditan ini telah dijalankan di Pejabat Pentadbiran Perbadanan dan maklumat juga diperolehi daripada pejabat di Bengkel Sejangkat. Pengauditan ini dijalankan dengan membuat analisis terhadap data perbelanjaan, menyemak manual prosedur serta peraturan kerja, rekod perakaunan, dokumen berkaitan pengurusan perolehan, program serta jadual kerja, laporan minit mesyuarat serta dokumen lain yang berkaitan. Selain itu, temu bual bersama pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam pengurusan perolehan juga dijalankan. Bukti testimonial juga diperolehi bagi mendapatkan maklumat tambahan. *Exit Conference* bersama Pemangku Pengurus Besar Perbadanan telah diadakan pada 6 Julai 2015 yang turut dihadiri oleh wakil Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan Sarawak.

5.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Februari hingga Mei 2015 mendapati pengurusan perolehan oleh Perbadanan adalah memuaskan dari segi perancangan dan pemantauan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam pelaksanaan perolehan kerja yang boleh dipertingkatkan seperti berikut:

- Pelawaan tender tidak mematuhi prosedur perolehan dan syarat kontrak yang ditetapkan dengan sepenuhnya.
- Kelewatan dalam penghantaran dan penerimaan peralatan projek menyebabkan kerja lewat disiapkan dan kos meningkat sejumlah RM70.25 juta setakat akhir bulan Disember 2014.
- Bayaran tertunggak sejumlah RM24.50 juta untuk 5 projek yang telah siap dilaksanakan oleh Perbadanan setakat akhir bulan Jun 2015.

5.4.1. Prestasi Pengurusan Perolehan

5.4.1.1. Perbadanan mengguna pakai peraturan dalaman bagi urusan perolehan bekalan, kerja dan perkhidmatan. Garis panduan yang diguna pakai adalah *Quality Control Procedure* (QCP-03) yang menjelaskan mengenai tujuan perolehan, skop perolehan, rujukan perolehan, definisi perolehan, prosedur perolehan serta proses, keperluan khas perolehan, keperluan sumber perolehan dan rekod perolehan. Selain itu, perolehan dibuat mengikut kaedah yang ditetapkan iaitu sama ada secara pembelian terus, sebut harga dan tender.

5.4.1.2. Pada tahun 2012 hingga 2014, Perbadanan telah melaksanakan 10,583 perolehan bernilai RM756.49 juta melalui 2,605 pembelian terus bernilai RM4.89 juta, 7,966 sebut harga bernilai RM728.30 juta dan 12 tender bernilai RM23.30 juta. Perbadanan tidak menerima sebarang peruntukan atau geran daripada Kerajaan Negeri

sejak tahun 1995 dan menjana keuntungan sendiri untuk beroperasi. Perolehan mengguna hasil keuntungan bagi mengurus dan pembangunan projek pada tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1
Perolehan Mengguna Hasil Keuntungan Bagi Mengurus Dan Pembangunan Projek Pada Tahun 2012 Hingga 2014

Kaedah Perolehan	Tahun	Perolehan Mengguna Hasil Keuntungan				Jumlah	
		Mengurus		Projek		Bil.	Amaun (RM Juta)
		Bil.	Amaun (RM Juta)	Bil.	Amaun (RM Juta)		
Pembelian Terus	2012	528	1.11	700	1.24	1,228	2.35
	2013	174	0.29	209	0.24	383	0.53
	2014	373	0.56	621	1.45	994	2.01
Jumlah		1,075	1.96	1,530	2.93	2,605	4.89
Sebut Harga	2012	155	0.53	2,028	164.48	2,183	165.01
	2013	423	1.21	3,177	409.13	3,600	410.34
	2014	120	0.61	2,063	152.34	2,183	152.95
Jumlah		698	2.35	7,268	725.95	7,966	728.30
Tender	2012	-	0.00	-	0.00	-	0.00
	2013	-	0.00	-	0.00	-	0.00
	2014	-	0.00	12	23.30	12	23.30
Jumlah		-	0.00	12	23.30	12	23.30
Jumlah Keseluruhan		1,773	4.31	8,810	752.18	10,583	756.49

Sumber: Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke

5.4.1.3. Bagi tempoh yang sama, Perbadanan telah ditawarkan untuk melaksanakan 23 projek bernilai RM1.44 bilion. Daripada 23 projek tersebut, 8 adalah projek minyak dan gas bernilai RM1.42 bilion yang melibatkan 120 sub kontrak bernilai RM470.44 juta, 13 projek pembinaan serta pembaikan kapal bernilai RM19.40 juta dan 2 projek pembaikan tukul Jabatan Hutan bernilai RM0.14 juta. Setakat bulan Jun 2015, semua projek telah siap dilaksanakan oleh Perbadanan kecuali projek South Acis Facilities yang belum siap sepenuhnya. Projek South Acis Facilities termasuk *South Acis Main Production Platform (SA-PA)*, *South Acis Utility Platform (SA-AA)* dan *South Acis Satellite Platform (SA-SA)*. Projek ini telah siap secara mekanikal *offshore* pada bulan September 2013. Projek South Acis Facilities yang siap secara mekanikal *offshore* adalah seperti di **Gambar 5.1**.



Gambar 5.1
Projek South Acis Facilities Yang Telah Siap Secara Mekanikal Offshore

Sumber: Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke
Lokasi: Blok SK311, 17 km dari Barat Patricia, Bintulu, Sarawak
Tarikh: 30 September 2013

5.4.2. Pelawaan Tender Tidak Mematuhi Prosedur Perolehan Dan Syarat Kontrak Ditetapkan

5.4.2.1. Mengikut perenggan 9.4 Manual Jaminan Kualiti yang disediakan oleh Perbadanan dan Apendiks 3.2.1(b) Skop Kerja Perjanjian Kontrak, adalah menjadi dasar Perbadanan bahawa semua perolehan hendaklah asas kompetitif dengan mempelawa sekurang-kurangnya 5 vendor atau pembekal dan minima 3 vendor yang berkelayakan teknikal kecuali bila peraturan teknikal, spesifikasi atau Peraturan Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS) mengkehendaki sebaliknya.

5.4.2.2. Semakan Audit terhadap perolehan peralatan mekanikal dan pakej untuk Engineering, Procurement, Construction And Commissioning Of South Acis Production Topsides And South Acis Utility Topsides For Murphy's Sarawak SK309/311 SPSA Development Project atau SA-PA SA-AA Topsides mendapati kurang daripada 3 pembekal dipelawa untuk perolehan tender bagi pakej penyejuk (chiller), janakuasa enjin diesel, pemampat (Medium Pressure Compressor) dan pemampat (Low Pressure Compressor). Semakan Audit seterusnya mendapati Perbadanan tidak mematuhi prosedur perolehan yang ditetapkan dalam Manual Jaminan Kualiti dan syarat perjanjian kontrak yang menetapkan minima 3 penender dipelawa untuk menyertai kontrak. Pelawaan tender kurang daripada 3 pembekal adalah seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2
Pelawaan Tender Kurang Daripada 3 Pembekal

Skop Kerja	Bilangan Pembekal Dipelawa	Nama Pembekal Ditawar	Anggaran Kos (RM Juta)	Kos Kontrak (RM Juta)	Jumlah Bayaran Sebenar (RM Juta)
Membekal dan menghantar Pakej Penyejuk (Chiller A-6900)	2	Petrotimur Engineering Sdn. Bhd.	11.97	10.41	10.00
Membekal dan menghantar Janakuasa Diesel Kecemasan	2	Tractors Petroleum Services Sdn. Bhd.	6.50	5.93	5.93
Membekal dan menghantar <i>Medium Pressure Compressor</i> (A-2450) dan <i>Low Pressure Compressor</i> (A-2400)	2	Enserv Sdn. Bhd.	12.52	10.05	10.31 (termasuk kos tambahan hari untuk pembaiki <i>Medium Pressure Compressor</i> & <i>Low Pressure Compressor</i> dan kadar pertukaran wang asing)

Sumber: Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke

5.4.2.3. Mengikut Pelan Perolehan projek South Acis Production (SA-PA) Topsides And South Acis Utility (SA-AA) Topsides yang disediakan oleh Perbadanan, bilangan pembekal yang ditawar menyertai sebut harga perolehan 19 peralatan bagi kerja mekanikal dan struktur bernilai RM126.71 juta adalah kurang daripada 3 pembekal. Bilangan pembekal ditawar perolehan mengikut Pelan Perolehan Perbadanan adalah seperti di **Jadual 5.3**.

Jadual 5.3
Bilangan Pembekal Ditawar Perolehan Mengikut Pelan Perolehan Perbadanan

Bil.	Skop Kerja	Bil. Pembekal Ditawar	Nilai Perolehan (RM Juta)	Projek/Bahagian
1.	<i>Medium Pressure Gas Compressor</i>	2	13.16	EPCC Of South ACIS-PA (SAPA) Topsides Facilities -Mekanikal
2.	<i>Low Pressure Gas Compressor</i>			
3.	<i>Electric Motor Gas Lift Compressor</i>	2	7.14	
4.	<i>Seawater Injection Pump</i>	2	6.81	
5.	<i>Seawater Booster Pump</i>	2	2.94	
6.	<i>Seawater Lift Pump</i>	2	4.73	
7.	<i>Crude Transfer Pump</i>	2	1.84	
8.	<i>Seawater Filtration</i>	2	7.14	
9.	<i>Vacuum Dearator & Vacuum Pump Package</i>	2	6.20	
10.	<i>Gas Cooler</i>	2	5.88	
11.	<i>Produced Water Package</i>	1	5.88	
12.	<i>Hypochlorinator</i>	2	4.08	
13.	<i>Diesel Engine Generator</i>	2	7.04	
14.	<i>Gas Turbine Generator</i>	1	41.39	
15.	<i>Beams, Plates & Tubulars (Type 1 & 2)</i>	1	4.55	South ACIS-AA (SA-AA) Topsides Facilities -Struktural
16.	<i>Anodes</i>	2	0.38	Provision Of Engineering, Procurement And Construction Of South Acis Production (SA-PA) Substructure, South Acis Utility (SA-AA) Substructure, SA-PA Wellhead Template (WHT) & SA-PA WHT Module Support Frame (MSF) - Struktural
17.	<i>Driving Shoes</i>	1	0.24	
18.	<i>Riser (pipes) Materials</i>	1	7.31	
19.	<i>Heat Shrink Sleeves</i>	1		

Sumber: Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke

5.4.2.4. Semakan Audit seterusnya mendapati syarat perjanjian kontrak menetapkan Perbadanan hendaklah memastikan hanya vendor, pembekal dan/atau sub kontraktor yang mempunyai lesen Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) di bawah Piawai Kerja dan Kategori Peralatan yang bersesuaian sahaja dipelawa. Bagaimanapun, Perbadanan tidak mengemukakan senarai pembekal PETRONAS pada masa perolehan 19 peralatan tersebut dilakukan untuk mengesahkan bilangan sebenar pembekal di bawah kategori berkenaan adalah kurang daripada 3 pembekal.

5.4.2.5. **Maklum balas daripada Perbadanan bertarikh 19 Jun 2015, menyatakan bahawa bagi projek spesifik pembelian adalah selaras dengan pelan perolehan berdasarkan Senarai Pembekal Petronas Berhad pada masa itu. Bilangan pembekal yang dicadangkan untuk perolehan projek EPCC Of South ACIS-PA (SAPA) dan South ACIS-AA (SA-AA) Topsides Facilities adalah selaras dengan Pelan Perolehan yang telah diluluskan oleh Pengurus Perolehan, Pemangku Pengurus Besar, Pengurus Kanan *Front End* dan Ketua Pegawai Eksekutif. Maklum balas daripada Perbadanan bertarikh 28 Oktober 2015, menyatakan Perbadanan telah mematuhi keseluruhan prosedur perolehan. Bagaimanapun, terdapat prosedur perolehan tertentu yang tidak dapat dipatuhi kerana perlu mematuhi peraturan perolehan Petronas iaitu *Vendor Development Programme (VDP), Global Frame Agreement (GFA), Petronas Project Procurement Management Department (PPMD) dan Category Management (CM)* untuk kesesuaian dan menyelaraskan kehendak kerja penyelenggaraan sistem yang terdapat pada pelantar minyak yang sedia ada dan akan datang. Perbadanan juga menyatakan akan memastikan bahawa '*Quality Control Procedure Procurement*' diselaraskan dengan mengikut keperluan projek**

dan klien. Perbadanan juga akan menambah klausa berkaitan 'Petronas License Requirement' bagi projek minyak dan gas.

Pada pendapat Audit, Perbadanan hendaklah memastikan semua pembelian yang diluluskan sama ada oleh Pengurus Perolehan, Pemangku Pengurus Besar, Pengurus Kanan Front End dan Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah dibuat dengan mematuhi peraturan perolehan sepenuhnya.

5.4.3. Kelewatan Dalam Penghantaran Dan Penerimaan Peralatan Projek

5.4.3.1. Mengikut Prosedur Perolehan No.QCP-03 yang disediakan oleh Perbadanan, adalah menjadi tanggung jawab Pengurus Perolehan, Pegawai Pembeli dan *expeditor* untuk menyelaras dan mempercepat penghantaran bahan supaya menepati tarikh bahan diperlukan di tapak seperti termaktub dalam terma dan syarat kontrak.

5.4.3.2. Semakan Audit terhadap laporan status kemajuan yang disediakan oleh Perbadanan untuk perolehan 41 peralatan utama bagi Projek South Acis Production (SA-PA) Topsides mendapati berlaku kelewatan antara 1 hingga 5 bulan dalam penghantaran dan penerimaan 28 peralatan utama di limbungan. Semakan Audit seterusnya mendapati kelewatan ini telah menjejaskan kemajuan kerja di tapak projek. Mengikut perjanjian kontrak yang ditandatangani antara Murphy Sarawak Oil Co. Ltd dan Perbadanan pada bulan Julai 2012 untuk projek South Acis Main Production (SA-PA) Topsides And South Acis Utility (SA-AA) Topsides bernilai RM549.67 juta, kerja *onshore SA-PA, WHP Topsides* serta *SEPA Tie-In* dan *SA-AA Topsides* Serta *Link Bridge* hendaklah siap secara mekanikal pada akhir Jun 2013, penyerahan(turnover) kepada syarikat berkenaan hendaklah dilakukan pada awal Julai 2013 dan kerja *offshore* hendaklah siap pada akhir September 2013. Tarikh *Key Milestone*, tarikh sebenar kerja siap dan tempoh kelewatan adalah seperti di **Jadual 5.4**.

Jadual 5.4
Tarikh Key Milestone, Tarikh Sebenar Kerja Siap Dan Tempoh Kelewatan

Tarikh Kontrak Ditawar		26.07.2012				
Bil.	Key Milestone Kerja	Tarikh Dijadualkan		Tarikh Sebenar Siap		Tempoh Kelewatan (Hari)
		SA-PA, WHP Topsides Dan SEPA Tie-In	SA-AA Topsides Dan Link Bridge	SA-PA, WHP Topsides Dan SEPA Tie-In	SA-AA Topsides Dan Link Bridge	
1.	Penyiapan Mekanikal <i>Onshore</i> (Satu tarikh kontraktor dikehendaki untuk menyiapkan, memeriksa dan menjalankan ujian terakhir semua skop kerja <i>onshore</i> dan sedia untuk dimuat keluar, <i>seafastening</i> dan menjalankan survei marin terhadap kerja)	26.06.2013	26.06.2013	30.09.2013	30.09.2013	97 (SA-PA & SA-AA Topsides)
2.	<i>Turnover</i> (Tarikh ditetapkan oleh Syarikat untuk kerja diserahkan kepada Syarikat setelah penyiapan memuat keluar, terikat, kerja <i>seafastening</i> atas tongkang dibekal oleh Syarikat, dan disahkan selamat oleh juru ukur marin untuk ditunda/ belayar)	06.07.2013	06.07.2013	27.07.2013	03.08.2013	21 (SA-PA Topsides) 29 (SA-AA Topsides)

Tarikh Kontrak Ditawar		26.07.2012				
Bil.	Key Milestone Kerja	Tarikh Dijadualkan		Tarikh Sebenar Siap		Tempoh Kelewatan (Hari)
		SA-PA, WHP Topsides Dan SEPA Tie-In	SA-AA Topsides Dan Link Bridge	SA-PA, WHP Topsides Dan SEPA Tie-In	SA-AA Topsides Dan Link Bridge	
3.	Penyiapan Mekanikal <i>Offshore</i> (Satu tarikh kontraktor perlu siap, periksa dan menjalankan ujian terakhir semua skop kerja <i>offshore</i>)	24.09.2013	24.09.2013	30.09.2013	Belum siap	6 (SA-PA Topsides) 676 setakat Julai 2015 (SA-AA Topsides)

Sumber: Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke

5.4.3.3. Semakan Audit seterusnya mendapati berlaku kelewatan selama 97 hari untuk menyiapkan kerja *onshore* yang turut menjejaskan tarikh penyerahan dan penyiapan kerja *offshore*. Tarikh pengeluaran pertama minyak mentah adalah pada akhir bulan Oktober 2013 iaitu lewat sebulan daripada perjanjian kontrak. Ini menyebabkan Perbadanan lewat memulakan kerja membaikpulih terhadap 18,412 *Minor punchlist* yang dikenal pasti selepas tarikh pengeluaran minyak pertama tersebut. Kerja membaik pulih kecacatan kecil ini perlu disiapkan seperti dalam perjanjian kontrak bermula awal November 2013. Sijil Penerimaan Muktamad tidak dapat dikeluarkan kerana setakat bulan Jun 2015, masih ada 328 *minor punchlist* yang tertunggak dan dijangka siap sepenuhnya pada akhir Ogos 2015. Setakat akhir tahun 2014, projek ini telah menelan kos sejumlah RM549.56 juta atau 99.9% dan telah melebihi setahun untuk disiapkan. Adalah didapati walaupun klien tidak mengurangkan harga kontrak kepada minimum RM0.25 juta sehari untuk setiap hari kelewatan mengikut klausa 26.1 perjanjian kontrak tersebut, Perbadanan dibenarkan untuk menyiapkan projek ini dengan menanggung sendiri perbelanjaan tambahan. Setakat akhir tahun 2014, perbelanjaan tambahan yang dilakukan oleh Perbadanan adalah sejumlah RM70.25 juta. Projek South Acis Facilities selepas pengeluaran minyak pertama adalah seperti di **Gambar 5.2**.



Gambar 5.2
Projek South Acis Facilities Selepas
Pengeluaran Minyak Pertama

Sumber: Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke
Lokasi: Blok SK311, 17 km dari Barat Patricia, Bintulu, Sarawak
Tarikh: 30 Oktober 2013

5.4.3.4. **Maklum balas daripada Perbadanan bertarikh 19 Jun 2015, menyatakan bahawa keuntungan dijangka tidak tercapai kerana berlaku kelewatan penghantaran dan penerimaan peralatan utama daripada pembekal menyebabkan kerja *onshore* lewat siap; musim tengkujuh semasa kerja *offshore* hendak dilaksanakan. Cuaca buruk serta laut bergelora menyebabkan kerja tergendala dan**

untuk mempercepat kerja melibatkan penambahan kos; dan kesukaran untuk mendapat harga kompetitif daripada vendor dan sub kontraktor. **Maklum balas daripada Perbadanan bertarikh 28 Oktober 2015**, menyatakan bagi kes berlaku kelewatan dalam penghantaran dan penerimaan peralatan projek, Perbadanan akan memastikan pembekal/sub kontraktor yang berprestasi tidak memuaskan dan memberi impak besar terhadap projek secara keseluruhan, akan disenarai hitam setelah pembekal/sub kontraktor ini dikenalpasti menerusi sesi '*Lesson Learn*' dan '*Vendor Audit*' yang dibuat setiap kali projek siap.

Pada pendapat Audit, Perbadanan hendaklah mengambil tindakan lebih tegas terhadap pembekal atau sub kontraktor yang gagal membekal dan menghantar peralatan utama tepat pada masanya.

5.4.4. Bayaran Tertunggak

5.4.4.1. Mengikut perjanjian kontrak, permintaan bayaran untuk butiran yang betul dan tidak dipertikaikan hendaklah dibuat oleh klien pada atau sebelum 30 hari setelah penerimaan invoice daripada Perbadanan (kontraktor). Arahan Perbendaharaan 103 menghendaki Ketua Jabatan memastikan bil dibayar dengan segera tidak lewat dari 14 hari dari tarikh ianya diterima.

5.4.4.2. Semakan Audit mendapati jumlah bayaran yang tidak dijelaskan oleh klien untuk 5 projek yang telah siap dilaksanakan oleh Perbadanan setakat akhir Jun 2015 adalah sejumlah RM24.50 juta. Perbadanan telah menghantar surat rayuan tuntutan bayaran, menghantar peringatan melalui e-mel serta panggilan telefon, mengadakan sesi perbincangan dan mesyuarat projek sebagai usaha untuk mengutip bayaran tertunggak. Alasan yang diberi oleh klien adalah tuntutan bayaran oleh Perbadanan masih dalam semakan dan meminta Perbadanan supaya mengeluarkan Nota Kredit atau invoice baru. Selepas teguran Audit, Jabatan Laut Wilayah Sarawak (JLWS) dan Perbadanan telah mengadakan perbincangan pada 9 Jun 2015 dan memutuskan bahawa bil tertunggak sejumlah RM0.30 juta untuk KBA Permata Hidro dibayar selepas kapal tersebut menjalani *sea trial*, laporan daripada Timbalan Siasatan Kerosakan Kapal diterima, kuiry kos dan surat mengenakan penalti dikeluarkan oleh JLWS terhadap Perbadanan bagi pembaikan dijalankan. Penyelesaian bil tertunggak kepada Perbadanan akan dilakukan mengikut prestasi kewangan semasa Akaun Lembaga Boja Dan Api Sarawak. Jabatan Laut Wilayah Sarawak akan mengeluarkan Pesanan Kerajaan untuk bil tertunggak bagi kerja pembaikan kapal Tiong Laut, Mutiara Laut dan Bahtera Laut. Selepas teguran Audit, setakat awal November 2015 Perbadanan telah berjaya mengutip sejumlah RM9.54 juta selepas ditolak diskaun sejumlah RM0.35 juta daripada tunggakan RM24.50 juta. Baki bayaran tertunggak setakat November 2015 adalah sejumlah RM14.61 juta. Bayaran yang tertunggak setakat awal bulan November 2015 adalah seperti di **Jadual 5.5**.

Jadual 5.5
Bayaran Tertunggak Setakat Awal Bulan November 2015

Bil.	Nama Projek	Nama Klien	Tarikh Siap	Tarikh Invois Perbadanan	Amaun Sepatutnya Dibayar [*termasuk GST] (RM Juta)	Amaun Telah Dibayar (RM Juta)	Amaun Belum Dibayar (RM Juta)
1.	Merapuh-A (Engineering, Procurement, Construction, Installation And Commissioning Of Merapuh-A Production Topsides For SK309/311 Phase 1 Gas Development Project)	Murphy Sarawak Oil Co. Ltd	31.03.2015	06.05.2013	11.79	11.27	0.52
				27.03.2015	0.35	0.00	0.35
				20.03.2015	0.50	0.00	0.50
2.	SA-SA Topsides	Murphy Sarawak Oil Co. Ltd	16.01.2016 (Mekanikal)	27.04.2015	7.82*	0.00	7.82*
				23.04.2015	0.81*	0.00	0.81*
				27.04.2015	3.91*	0.00	3.91*
3.	Ship Repair (ME01-38 MTR/Permata Hidro)	Jabatan Laut Sarawak	2014	10.12.2014	0.30	0.00	0.30
4.	Ship Repair (Steel Hulled 45 meters landing craft)	Jabatan Laut Sarawak	2013	31.07.2013	0.60	0.50	0.10
				13.08.2014	0.60	0.30	0.30
Jumlah					26.68	12.07	14.61

Sumber: Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke

5.4.4.3. Maklum balas daripada Perbadanan bertarikh 19 Jun 2015, menyatakan bahawa Perbadanan telah menghantar peringatan kepada Murphy Sarawak Oil Co. Ltd dalam bentuk e-mel, panggilan telefon, perbincangan dan mesyuarat. Perbadanan turut menghantar surat rayuan untuk kelulusan pembayaran kerja yang telah diinvoiskan. Bagi projek SA-SA Substruktur, Murphy Sarawak Oil Co. Ltd meminta Perbadanan untuk mengeluarkan Nota Kredit sebelum pembayaran invois dibuat yang dijangka diterima pada bulan Julai 2015. Bagi projek SA-SA Topside, 3 invois Perbadanan telah dikembalikan oleh Murphy Sarawak Oil Co. Ltd. Perbadanan telah mengeluarkan 2 invois baru pada 8 Jun 2015 bernilai RM4.08 juta dan RM7.82 juta. Perbadanan juga telah menghantar peringatan kepada Jabatan Laut Sarawak dan Jabatan tersebut telah memohon penangguhan bayaran.

Pada pendapat Audit, Perbadanan hendaklah mengambil tindakan lebih tegas untuk mengutip bayaran tertunggak tersebut dalam tahun kewangan yang berkenaan.

5.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan perolehan dan projek Perbadanan dibuat dengan cekap serta berkesan dan kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini tidak berulang adalah disyorkan supaya langkah seperti berikut diambil:

5.5.1. Perbadanan hendaklah memastikan semua pembelian dibuat dengan mematuhi peraturan perolehan sepenuhnya.

5.5.2. Perbadanan hendaklah mengambil tindakan lebih tegas terhadap pembekal atau sub kontraktor yang gagal membekal dan menghantar peralatan utama tepat pada masanya. Begitu juga bagi mengutip balik bayaran tertunggak.

6. PENGURUSAN PELABURAN KERAJAAN NEGERI DI DALAM SARAWAK INTERNATIONAL MEDICAL CENTRE

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. Kerajaan Negeri Sarawak melalui Sarawak Specialist Hospital & Medical Centre Sdn. Bhd. (SSHMC) iaitu anak syarikat SSHMC Management And Holdings Sdn. Bhd. yang dimiliki sepenuhnya oleh Setiausaha Kewangan Negeri Diperbadankan (SFS Inc.) telah membina sebuah pusat perubatan pakar dikenali sebagai Sarawak International Medical Centre (SIMC) di Kota Samarahan, Sarawak mulai 15 Julai 2003 dan siap dibina pada 20 Julai 2011. Visi SIMC adalah untuk menjadi *a leading integrated specialty and subspecialties medical centre in Southeast Asia* manakala misi SIMC adalah *to provide the very best medical care through an integrated public, academic and private health care delivery system*.

6.1.2. Kerajaan Negeri Sarawak menandatangani satu perjanjian dengan Mayo Medical Ventures (MAYO) iaitu perunding daripada Amerika Syarikat pada bulan Oktober 1995 yang mana MAYO telah diminta untuk membuat kajian bagi menilai pembinaan sebuah pusat kepakaran perubatan dan sub-kepakaran iaitu SIMC di Kuching. Visi jangka panjang Kerajaan negeri adalah untuk menjadikan SIMC sebagai sebuah pusat perubatan dan hospital pengajian tinggi yang menyediakan perkhidmatan perubatan kepada warga Sarawak, Sabah, Brunei dan Kalimantan serta menjadi sebuah pusat perubatan serantau di Asia Tenggara. Kajian ini telah mendapat kerjasama daripada pelbagai Jabatan Kerajaan Negeri dan Persekutuan termasuk input daripada Kementerian Kesihatan Malaysia. Hasil daripada kajian tersebut, satu kesimpulan telah dibuat bahawa peluang adalah baik untuk membina SIMC disebabkan masih banyak pasaran yang belum diterokai bagi menyediakan perkhidmatan kesihatan berasaskan kepakaran dan sub-kepakaran selari dengan pertumbuhan penduduk dan warga tua yang memerlukan perkhidmatan kesihatan pakar dan sub-kepakaran khususnya di Sarawak dan Malaysia amnya serta negara serantau.

6.1.3. Syarikat SSHMC ditubuh di bawah Akta Syarikat 1965 pada tahun 2001 dan mempunyai modal dibenarkan sejumlah RM52.60 juta terdiri daripada 52 juta unit saham biasa bernilai RM1 setiap satu dan 600,000 unit saham keutamaan bernilai RM1 setiap satu. Modal berbayar SSHMC setakat akhir tahun 2014 adalah sejumlah RM51.05 juta terdiri daripada RM50.50 juta saham biasa dan RM0.55 juta saham keutamaan. Sarawak Specialist Hospital & Medical Centre Sdn. Bhd. telah ditubuhkan untuk mengurus pembinaan, menyenggara dan mentadbir SIMC.

6.1.4. Projek pembinaan SIMC dilulus dan dilancarkan pada tahun 1998 tetapi pembinaan SIMC hanya bermula pada bulan Julai 2003. Projek ini dibina di atas tanah seluas 100 hektar yang mana *built up area of approximately 45,000 sq meter, 8 storey accommodation building* untuk *in-patient* yang dapat menampung sebanyak 166 katil meliputi *pediatric beds, day surgery beds, general cares beds* dan *intensive and coronary beds*. Sumber kewangan projek adalah daripada suntikan modal sejumlah RM50.50 juta daripada Kerajaan negeri yang merupakan pembelian sebanyak 50.50 juta saham biasa bernilai RM1 setiap satu sebagai ekuiti Kerajaan negeri dalam SSHMC dan Istisna' Serial Bonds bernilai RM425 juta yang telah diterbitkan pada bulan September 2004. Kontrak ditawarkan secara turnkey kepada Konsortium yang terdiri daripada Sesco Engineering Sdn. Bhd. (SE) dan Vamed Engineering GmbH & Co. KG (VAMED) pada 20 Disember 2002 dengan nilai kontrak sejumlah RM374.12 juta iaitu sejumlah RM214.11 juta dengan tambahan EURO36.30 juta bagi *specialist medical and IT equipment* dan bayaran perunding berjumlah RM18.45 juta menjadikan kos asal pembangunan projek SIMC adalah sejumlah RM390.15 juta. Jumlah ini adalah termasuk pemasangan bekalan elektrik dan air sejumlah RM16.02 juta. Tempoh kontrak adalah selama 36 bulan mulai 15 Julai 2003 hingga 14 Julai 2006. Pada tahun 2005, kos pembangunan projek SIMC disemak semula daripada sejumlah RM390.15 juta kepada RM453.24 juta bagi mengambil kira kos perubahan struktur yang dijangka, kerugian atas kenaikan mata wang Euro dan lain-lain kos.

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan pelaburan SFS Inc. di dalam Sarawak International Medical Centre telah dirancang, diurus dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

6.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan meliputi aspek prestasi kewangan dan pengurusan aktiviti bagi tahun 2011 hingga 2014 serta pengurusan aktiviti bagi tahun sebelumnya juga diaudit. Pengauditan ini dijalankan di pejabat berdaftar SSHMC di Tingkat 1, Lot 9936, Sublot 5C, Bangunan Queen's Court, Jalan Wan Alwi, Kuching dan SIMC di Kota Samarahan. Metodologi pengauditan adalah dengan menyemak rekod dan dokumen yang berkaitan serta mengkaji dan menganalisis data. Selain itu, temu bual dengan pegawai dan kakitangan SSHMC, lawatan ke pusat perubatan SIMC dan pemeriksaan fizikal terhadap aset syarikat turut dijalankan.

6.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari hingga Mac 2015 mendapati secara keseluruhan prestasi pengurusan pelaburan SFS Inc. di dalam Sarawak International Medical Centre adalah tidak memuaskan. Secara ringkasnya kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- Tujuan asal pelaksanaan projek SIMC oleh Sarawak Specialist Hospital & Medical Centre Sdn. Bhd. (SSHMC) adalah untuk menjadikan SIMC sebuah pusat perubatan dan hospital pengajian tinggi yang menyediakan perkhidmatan perubatan serta menjadi sebuah pusat perubatan serantau di Asia Tenggara tidak tercapai.
- Projek SIMC lewat disiapkan dengan kos pembangunan meningkat kepada sejumlah RM534.38 juta.
- *Settlement Agreement* tidak menjaga kepentingan Kerajaan.
- Pengurusan aset SSHMC di SIMC lemah.

6.4.1. Tujuan Asal Pelaksanaan Projek SIMC Oleh SSHMC Tidak Tercapai

Menurut laporan kajian MAYO pada tahun 2006, visi jangka panjang Kerajaan Negeri Sarawak adalah untuk menjadikan SIMC sebuah pusat perubatan dan hospital pengajian tinggi yang menyediakan perkhidmatan perubatan kepada warga Sarawak, Sabah, Brunei dan Kalimantan serta menjadi sebuah pusat perubatan serantau di Asia Tenggara. Antara skop aktiviti SIMC seperti di dalam laporan kajian tersebut adalah:

- Berkhidmat sebagai *the tertiary medical centre* di Sarawak.
- Menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada pesakit dalam dan pesakit luar serta pesakit daripada hospital swasta lain dan hospital Kerajaan.
- Menjadi pusat pengajaran klinikal utama bagi pelajar perubatan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- Menjadi pusat rujukan untuk pembelajaran tinggi bagi Hospital Umum Sarawak (HUS).
- Menjadi pusat pembelajaran berterusan bagi doktor dan anggota perubatan yang lain.

6.4.1.1. Semakan Audit mendapati SIMC telah dipajak kecil kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan pada 1 Januari 2011 untuk digunakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai Pusat Jantung Hospital Umum Sarawak. Antara lain, Kementerian membayar pajakan sewa sejumlah RM1.00 sebulan mulai bulan Januari 2011 sehingga Disember 2012 dan perjanjian pajakan ini dilanjutkan sehingga bulan Disember 2015. Semakan Audit seterusnya mendapati tiada penjelasan diberi selain alasan kekangan kewangan dan *no definite operating model by this time* oleh pihak SSHMC untuk mengurus dan mentadbir sendiri SIMC.

6.4.1.2. **Maklum balas daripada SSHMC bertariikh 30 April 2015, menyatakan SSHMC adalah sebuah anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk memajak SIMC kepada KKM. Pajakan kepada KKM bertujuan untuk menjadikan SIMC sebagai hospital umum yang dapat memberi manfaat kepada orang awam.**

Pada pendapat Audit, perancangan dan pengurusan yang kurang teliti telah mengakibatkan objektif dan visi asal pembangunan SIMC tidak tercapai.

6.4.2. Projek SIMC Lewat Disiapkan

6.4.2.1. Kontrak projek pembinaan SIMC telah ditawarkan secara turnkey kepada Konsortium yang terdiri daripada SESCO Engineering Sdn. Bhd. (SE) dan VAMED Engineering GmbH & Co. KG (VAMED). Semasa kontrak pembinaan SIMC ini tandatangani, syarikat SE adalah sebuah syarikat subsidiari kepada Syarikat Sarawak Energy Berhad (SEB) yang mana SEB memegang sebanyak 70% milikan ekuiti dan 30% ekuiti lagi dimiliki oleh PC Power Sdn. Bhd. Syarikat VAMED pula merupakan sebuah syarikat antarabangsa yang beribu pejabat di Vienna, Austria. Nilai kontrak pembinaan adalah RM214.11 juta dengan tambahan EURO36.30 atau RM141.56 juta bagi *specialist medical and IT equipment* dan bayaran perunding berjumlah RM18.45 juta. Kos asal keseluruhan pembangunan projek SIMC adalah sejumlah RM390.15 juta dan amaun ini adalah termasuk RM16.02 juta bagi pemasangan bekalan elektrik dan air. Tempoh kontrak adalah selama 36 bulan mulai 15 Julai 2003 hingga 14 Julai 2006. Pada tahun 2005, kos pembangunan projek SIMC telah disemak semula kepada RM453.24 juta bagi mengambil kira kos perubahan struktur yang dijangka, kerugian atas kenaikan mata wang Euro dan lain-lain kos. Kontrak bagi pembinaan SIMC ditandatangani pada 20 Disember 2002 antara SSHMC dengan Konsortium SE dan VAMED bagi perkara berikut:

- Mereka bentuk, membina dan menyiapkan kerja sivil dan kerja bangunan.
- Mereka bentuk, membekal, memasang, menguji, mentauliah dan menyenggara peralatan mekanikal dan elektrik.
- Mereka bentuk, membekal, memasang, menguji, mentauliah dan menyenggara peralatan perubatan dan bukan perubatan.
- Mereka bentuk, membekal, memasang, menguji, mentauliah dan menyenggara peralatan dan sistem teknologi maklumat.
- Melatih kakitangan SSHMC tentang operasi dan penyenggaraan peralatan dan sistem yang dibekalkan.

6.4.2.2. Semakan Audit mendapati projek pembinaan SIMC gagal disiapkan pada 14 Julai 2006 seperti yang telah ditetapkan di dalam kontrak. Lanjutan masa sehingga 31 Disember 2006 telah diluluskan oleh SSHMC tetapi projek masih gagal disiapkan. Susulan daripada itu, SSHMC telah mengeluarkan *Certificate of Non-Completion* kepada Konsortium pada 3 Januari 2007 disebabkan kerja kontrak tidak siap dilaksanakan. Sebanyak 5 perubahan tarikh jangka siap kerja telah dicadangkan oleh pihak Konsortium dan kali terakhir tarikh cadangan jangka siap dikemukakan kepada SSHMC adalah pada bulan Mac 2009 dan pihak Konsortium juga tidak mengemukakan *revised schedule of completion* walaupun telah diberi peringatan oleh SSHMC untuk berbuat demikian. Berdasarkan Directors' Circular Resolution (DR 3/2010) bertarikh 17 Mei 2010, Lembaga

Pengarah SSHMC berpendapat disebabkan kemajuan kerja amat perlahan dan projek pembangunan SIMC telah mengalami kelewatan selama 39 bulan iaitu lebih lama dari tempoh kontrak 36 bulan maka pihak SSHMC perlu mengambil tindakan tegas dan lanjutan masa tidak lagi diberikan kepada Konsortium. Justeru itu, kontrak pembangunan SIMC telah ditamatkan secara *mutual* melalui *Settlement Agreement* pada 17 Jun 2010 dengan status pencapaian fizikal kerja kontrak adalah 96.8% dan nilai kontrak belum bayar adalah sejumlah RM8.58 juta. Semakan Audit seterusnya mendapati antara punca projek lewat disiapkan adalah disebabkan perubahan reka bentuk, faktor cuaca dan kekurangan bekalan bahan binaan.

6.4.2.3. Lanjutan daripada penamatan kontrak ini, SSHMC mengambil alih semua baki kerja sivil, kerja bangunan, kerja mekanikal dan elektrik serta kerja kontrak yang lain daripada SE. Mengikut terma *Settlement Agreement*, SSHMC akan menyiapkan baki kerja kontrak SE dan VAMED juga akan terus menyiapkan baki kerja kontraknya sehingga 30 September 2010. Sarawak Specialist Hospital & Medical Centre Sdn. Bhd. dipersetujui untuk menyiapkan baki kerja kontrak menggunakan dana sejumlah RM27.26 juta yang merupakan baki kontrak fi sejumlah RM6.08 juta iaitu baki nilai kontrak yang belum dijelaskan sejumlah RM8.58 juta ditolak dengan sejumlah RM2.50 juta sumbangan SE bagi kos yang ditanggung oleh SSHMC sebelum tarikh perjanjian penyelesaian, wang tahanan sejumlah RM11.01 juta dan bon pelaksanaan sejumlah RM10.17 juta milik SE. Semakan Audit mendapati baki kerja oleh VAMED telah disiapkan pada bulan November 2010 dan baki kerja SE yang diambil alih oleh SSHMC hanya disiapkan pada bulan Julai 2011. Semakan Audit terhadap penyata kewangan bagi tahun berakhir Disember 2010 mendapati kos pembangunan SIMC adalah sejumlah RM534.38 juta iaitu peningkatan 17.9% atau RM81.14 juta daripada kos pembangunan SIMC yang disemak semula pada tahun 2005 iaitu sejumlah RM453.24 juta.

6.4.2.4. **Maklum balas daripada SSHMC bertarikh 30 April 2015, menyatakan kontraktor projek ini adalah usaha sama (Konsortium) antara Sesco Engineering Sdn. Bhd. (SE) dan Vamed Kejuruteraan GMBH & Co. KG (VAMED) dari Austria, yang mana SE menjalankan kerja-kerja awam dan VAMED membekalkan peralatan perubatan. Oleh kerana prestasi kerja kontraktor SE lemah, projek ini telah ditangguhkan. Walau bagaimanapun, prestasi kerja pihak Konsortium yang lain (VAMED) adalah memuaskan dan tidak melanggar terma-terma dan syarat-syarat kontrak. Pelaksanaan dan penyediaan projek yang dibiayai adalah melalui bon. Untuk mengelakkan implikasi undang-undang dan kewangan, lanjutan masa telah diberikan memandangkan SE berupaya untuk meningkatkan prestasi dan menyiapkan projek itu.**

Pada pendapat Audit, kelewatan projek SIMC disiapkan telah mengakibatkan Kerajaan mengalami kerugian disebabkan pertambahan kos projek sejumlah RM81.14 juta atau 17.9% daripada kos projek yang disemak semula pada tahun 2005.

6.4.3. **Settlement Agreement Tidak Menjaga Kepentingan Kerajaan**

6.4.3.1. *Settlement Agreement* ditandatangani pada 17 Jun 2010 antara SSHMC dan Konsortium SE dan VAMED selepas kontrak ditamatkan secara *mutual*. Antara terma di dalam *Settlement Agreement* adalah seperti berikut:

- *SSHMC shall waive its claims, including predecessor claims against SE and VAMED for Liquidated and Ascertained Damages (LAD) arising from the Certificate of Non-Completion dated 3 January 2007 or any of notices for LAD relating thereto, save as expressly provided in the agreement.*
- *SSHMC shall take over on as is where is basis and complete all remaining works left over by SE.*
- SE akan membayar RM2.50 juta dan VAMED RM1.50 juta sebagai sumbangan terhadap sebahagian daripada kos tambahan yang ditanggung oleh SSHMC sebelum tarikh *Settlement Agreement*.
- *SE is responsible for and liable for payment of fees and reimbursements chargeable by the consultants and SSHMC is authorised to reach agreement with the said consultants on their respective scope of work or services and fees.*

6.4.3.2. Mengikut kontrak yang ditandatangani antara SSHMC dengan Konsortium SE dan VAMED pada 20 Disember 2002 menetapkan bahawa denda bagi LAD adalah sejumlah RM50,000 sehari. Analisis Audit terhadap pengetepian tuntutan bayaran *Liquidated and Ascertained Damages (LAD)* telah menyebabkan Kerajaan kehilangan sejumlah RM63 juta. Mengikut perkiraan Audit, tuntutan bagi LAD mengikut terma dalam kontrak yang dikenakan ke atas Konsortium adalah sebanyak 1,260 hari atau RM63 juta iaitu daripada tarikh pengeluaran *Certificate of Non-Completion* pada 3 Januari 2007 sehingga *Settlement Agreement* ditandatangani pada 17 Jun 2010. Semakan Audit seterusnya mendapati SSHMC pernah mengeluarkan *debit note* kepada Konsortium pada 31 Mac 2008 bagi tuntutan LAD sebanyak 455 hari dengan amaun sejumlah RM22.75 juta tetapi LAD ini juga telah diketepikan oleh kerana ianya merupakan sebahagian daripada persetujuan terma di dalam *Settlement Agreement* berdasarkan Kertas Lembaga Pengarah No. 02/27/10.

6.4.3.3. Mengikut terma di dalam *Settlement Agreement*, SSHMC mengambil alih dan hendaklah menyiapkan semua baki kerja sivil, kerja bangunan, kerja mekanikal dan elektrik serta lain-lain kerja kontrak yang belum siap pada 30 September 2010. Syarikat SSHMC telah mengeluarkan sebanyak 23 pakej kerja kepada 23 kontraktor untuk menyiapkan baki kerja SE. Semakan Audit mendapati kos keseluruhan untuk menyiapkan baki kerja tersebut adalah sejumlah RM25.24 juta dan SSHMC telah mengeluarkan *Certificate of Practical Completion* bagi baki kerja tersebut pada 20 Julai 2011.

6.4.3.4. **Maklum balas daripada SSHMC bertariikh 30 April 2015**, menyatakan perkara berikut:

- a. Bahawa pada mulanya bil LAD telah dibangkitkan. Walau bagaimanapun semasa rundingan *Settlement Agreement* apabila SSHMC mengambil alih tapak, LAD tidak dikenakan.
- b. Semasa rundingan *Settlement Agreement*, implikasi undang-undang dan kewangan telah dipertimbangkan. *Settlement Agreement* itu adalah berdasarkan komersial supaya SSHMC boleh mengambil alih tapak untuk menyiapkan projek itu dengan sewajarnya. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri telah berbincang dengan Kerajaan Persekutuan untuk mengambil alih hospital sama ada digunakan sebagai hospital mengajar oleh UNIMAS atau sebagai hospital biasa oleh KKM. Demi kepentingan semua pihak, LAD diketepikan.
- c. *Settlement Agreement* itu dibuat dengan kepentingan pihak-pihak berkepentingan (*stakeholders*) dan diselesaikan secara komersial.
- d. Perbincangan antara JKR dengan para perunding telah dibuat untuk mendapat persetujuan mengenai tempoh untuk menyiapkan baki kerja-kerja SE. Apabila SSHMC mengambil alih dan memasuki tapak projek, terdapat banyak barang yang telah hilang dan seluruh kawasan tapak projek perlu dibersihkan dan kerja-kerja pemulihan perlu dijalankan dan ini menyebabkan masa tambahan yang diperlukan untuk menyiapkan kerja-kerja tersebut.
- e. Jumlah baki kontrak SE adalah sebanyak RM6.08 juta. Walau bagaimanapun, apabila pihak SSHMC memasuki tapak projek, banyak kerja-kerja yang perlu dilakukan bagi memastikan hospital tersebut dapat beroperasi. Jumlah RM25.24 juta terdiri daripada pelepasan '*retention money*' kepada subkontraktor SE, pembayaran hutang yang belum dijelaskan oleh SE kepada subkontraktor mereka dan pembayaran untuk baki kerja-kerja SE iaitu *defective works, testing and commissioning* dan *maintenance works of defects liability period*.
- f. Sarawak Specialist Hospital & Medical Centre Sdn. Bhd. memberi kontrak kepada subkontraktor yang sama oleh SE memandangkan mereka sudah mengenali keadaan tapak, memahami syarat-syarat kontrak dan memiliki bekalan bahan tertentu yang diperlukan. Pembayaran seperti di atas perlu dijelaskan sebelum mereka bersetuju untuk memulakan baki kerja-kerja SE.

Pada pendapat Audit, pengetepian tuntutan LAD oleh SSHMC seperti yang terkandung di dalam *Settlement Agreement* telah menyebabkan Kerajaan mengalami kerugian sejumlah RM63 juta.

6.4.4. Kemudahan Dan Peralatan Tidak Digunakan Sepenuhnya

6.4.4.1. Syarikat SSHMC telah memajak bangunan SIMC berserta peralatan perubatan dan bukan perubatan kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan untuk kegunaan Kementerian Kesihatan Malaysia. Hospital Umum Sarawak (HUS) mengkhususkan SIMC untuk pusat rawatan sakit jantung selain rawatan untuk pesakit buah pinggang dan juga pesakit kanser. Mengikut terma pajakan kecil tersebut, HUS dibenar untuk menggunakan sepenuhnya bangunan, perkakasan, peralatan perubatan dan bukan perubatan serta sistem teknologi maklumat sedia ada dengan tambahan mengikut keperluan HUS. Selain dari itu, segala penyenggaraan akan dilakukan oleh HUS dengan persetujuan SSHMC terlebih dahulu. Berdasarkan penyata kewangan tahun 2013, SSHMC mempunyai hartanah, loji dan peralatan sejumlah RM428.92 juta manakala susutnilai terkumpul adalah sejumlah RM82.69 juta.

6.4.4.2. Semakan Audit ke SIMC pada bulan Mac 2015 mendapati ada rekod aset disediakan untuk peralatan perubatan dan bukan perubatan termasuk inventori SSHMC yang diserahkan untuk kegunaan HUS seperti yang dipersetujui dalam perjanjian pajakan kecil tersebut. Bagaimanapun semakan Audit seterusnya mendapati ada aset kepunyaan SSHMC tidak digunakan disebabkan peralatan tersebut tidak diperlu dan tidak digunakan oleh HUS, peralatan telah usang dan HUS menggunakan peralatan mereka sendiri yang bersesuaian dengan keperluan doktor pakar, peralatan yang berlebihan dan juga HUS mempunyai kontraktor pembersihan yang dilantik sendiri yang mana hampir kesemua peralatan pembersihan kepunyaan SSHMC seperti troli, mesin basuh dan tempat *ironing* dibiarkan sahaja tanpa digunakan. Semakan Audit juga mendapati aset kepunyaan SSHMC juga tidak diberi nombor pendaftaran untuk memudahkan pengenalan setiap aset dilakukan menyebabkan aset sukar dikenalpasti dan boleh menyebabkan aset ini terdedah kepada risiko kehilangan dan kecurian. Selain itu, pemeriksaan aset juga tidak pernah dijalankan oleh pihak SSHMC. Pihak Audit masih menunggu maklum balas daripada SSHMC dan pihak HUS berkaitan aset yang tidak digunakan, rosak dan usang berserta kos setiap aset yang terlibat. Pihak Audit telah dimaklumkan bahawa SSHMC sedang dalam proses untuk menjual *laundry equipment* secara tender kepada agensi yang berminat. Antara contoh aset yang disemak semasa lawatan Audit adalah seperti di **Gambar 6.1** hingga **Gambar 6.18**.

Gambar 6.1
Kabinet Chubbsafes Fire
Resistant Yang Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sarawak International Medical Centre
Tarikh: 10 Mac 2015

Gambar 6.2
Kabinet Chubbsafes Fire
Resistant Yang Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sarawak International Medical Centre
Tarikh: 10 Mac 2015

Gambar 6.3
Peralatan Vacumn, Mencuci Dan
Mengemop Lantai Yang Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sarawak International Medical Centre
Tarikh: 10 Mac 2015

Gambar 6.4
Peralatan Mencuci Lantai
Dibiarkan Dan Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sarawak International Medical Centre
Tarikh: 10 Mac 2015

Gambar 6.5
Dulang Makan Tidak Diguna Dan
Diletakkan Di Dalam Tandas Berkunci



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sarawak International Medical Centre
Tarikh: 10 Mac 2015

Gambar 6.6
Sebahagian Pole Lifting Dan
Suction Unit Yang Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sarawak International Medical Centre
Tarikh: 10 Mac 2015

Gambar 6.7
Sebahagian *Linear Accelerator*
Yang Tidak Diperlu Dan Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Sarawak International Medical Centre
 Tarikh: 10 Mac 2015

Gambar 6.8
Sebahagian *Linear Accelerator*
Yang Tidak Diperlu Dan Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Sarawak International Medical Centre
 Tarikh: 10 Mac 2015

Gambar 6.9
Mesin Basuh Yang Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Sarawak International Medical Centre
 Tarikh: 10 Mac 2015

Gambar 6.10
Mesin Basuh Yang Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Sarawak International Medical Centre
 Tarikh: 10 Mac 2015

Gambar 6.11
Tempat Ironing Yang
Tidak Pernah Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Sarawak International Medical Centre
 Tarikh: 10 Mac 2015

Gambar 6.12
Mesin *Suction Unit*
Yang Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Sarawak International Medical Centre
 Tarikh: 10 Mac 2015

Gambar 6.13
Centrifuge - Blood Bag Yang
Rosak Dan Tidak Dapat Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sarawak International Medical Centre
Tarikh: 10 Mac 2015

Gambar 6.14
Pekakas Dan Mesin Perubatan
Diletak Di Belakang Dewan Bedah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sarawak International Medical Centre
Tarikh: 10 Mac 2015

Gambar 6.15
Kerusi Untuk Pergigian Yang
Tidak Diperlu Dan Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sarawak International Medical Centre
Tarikh: 10 Mac 2015

Gambar 6.16
Operating Microscope Yang
Tidak Diperlu Dan Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sarawak International Medical Centre
Tarikh: 10 Mac 2015

Gambar 6.17
Bath Tub Dan Power Patient
Lifters Yang Tidak Pernah Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sarawak International Medical Centre
Tarikh: 10 Mac 2015

Gambar 6.18
Sebahagian Pekakas Dan Mesin Yang
Tidak Diguna Diletak Di Lorong Hospital



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sarawak International Medical Centre
Tarikh: 10 Mac 2015

6.4.4.3. Maklum balas daripada SSHMC bertarikh 30 April 2015, menyatakan pihak SSHMC telah mendapat kelulusan daripada Setiausaha Kewangan Negeri dan ahli-ahli Lembaga Pengarah untuk melupuskan peralatan perubatan dan bukan perubatan yang tidak perlukan di SIMC melalui tender awam atau didermakan kepada institusi kebajikan.

Pada pendapat Audit, SSHMC perlu mengambil tindakan mengenal pasti peralatan perubatan dan bukan perubatan yang tidak digunakan atau usang dan tidak diperlukan di SIMC supaya tindakan seterusnya dapat dilakukan dengan kadar segera. Pihak SSHMC juga disarankan berkerjasama dengan pihak HUS untuk melakukan pemeriksaan terhadap aset SSHMC dan memberi nombor pendaftaran terhadap aset yang digunakan untuk memudahkan pengenalan dan pengesanan aset dilakukan.

6.4.5. Prestasi Kewangan Sarawak Specialist Hospital & Medical Centre Sdn. Bhd. Kurang Memuaskan

6.4.5.1. Sarawak Specialist Hospital & Medical Centre Sdn. Bhd. telah merekodkan kerugian selepas cukai bagi 4 tahun berturut-turut iaitu sejumlah RM150.59 juta pada tahun 2011, RM38.16 juta pada tahun 2012, RM34.41 juta pada tahun 2013 dan RM30.34 juta pada tahun 2014. Antara faktor yang menyumbang kepada kerugian syarikat adalah kos susutnilai hartanah, loji dan peralatan yang tinggi iaitu sejumlah RM26.59 juta pada tahun 2011, RM27.92 juta pada tahun 2012, RM27.96 juta pada tahun 2013 dan RM27.96 juta pada tahun 2014. Analisis Audit mendapati SSHMC mencatat kerugian terkumpul sejumlah RM160.42 juta pada tahun 2011, RM198.58 juta pada tahun 2012, RM232.99 juta pada tahun 2013 dan RM263.33 juta pada tahun 2014. Analisis Audit seterusnya mendapati pendapatan langsung SSHMC adalah pendapatan pajakan kecil sejumlah RM1 sebulan atau RM12 setahun daripada Kementerian Kesihatan Malaysia mulai tahun 2011 hingga 31 Disember 2015. Selain itu, pada 1 Ogos 2014, SSHMC telah menandatangani satu perjanjian sewaan kecil dengan Teras Millennium Sdn. Bhd. dengan kadar sewa sejumlah RM1,000.00 sebulan untuk kegunaan bilik peralatan telekomunikasi. Analisis Audit juga mendapati pendapatan lain yang diperoleh oleh SSHMC bagi tempoh 2011 hingga 2014 sejumlah RM3.33 juta adalah merupakan pendapatan faedah simpanan tetap yang dilaburkan.

6.4.5.2. Perbelanjaan tidak langsung merupakan perbelanjaan pentadbiran dan operasi serta kos kewangan syarikat. Analisis Audit mendapati perbelanjaan tidak langsung SSHMC menunjukkan penurunan sejumlah RM108.96 juta iaitu melebihi 100% daripada RM137.81 juta pada tahun 2011 kepada RM28.85 juta pada tahun 2012 dan menurun sejumlah RM0.22 juta atau 0.8% pada tahun 2013 kepada RM28.63 juta. Pada tahun 2014, perbelanjaan tidak langsung SSHMC mencatat penurunan sebanyak RM0.21 juta atau 0.7% berbanding tahun 2013. Amaun yang tinggi dicatatkan pada tahun 2011 adalah disebabkan kos pembangunan sejumlah RM110.06 juta di *expense off* kepada Penyata Pendapatan. Perbelanjaan pentadbiran dan operasi adalah merupakan perbelanjaan seperti upah dan gaji, susutnilai hartanah, loji dan peralatan serta perbelanjaan

pentadbiran yang lain. Gaji dan upah menurun 4 tahun berturut-turut sebanyak 23% daripada RM0.60 juta pada tahun 2011 kepada RM0.46 juta pada tahun 2012, menurun pada tahun 2013 sebanyak 45.6% kepada RM0.25 juta dan seterusnya menurun sebanyak 33.9% kepada RM0.17 juta pada tahun 2014. Susutnilai hartanah, loji dan peralatan meningkat setiap tahun daripada RM26.59 juta pada tahun 2011 kepada RM27.92 juta pada tahun 2012 serta RM27.96 juta pada tahun 2013 dan 2014. Semakan Audit mendapati Istisna' Serial Bonds bernilai RM425 juta yang diterbitkan pada tahun 2004 oleh RHB Investment Bank Berhad telah selesai dibayar balik sepenuhnya oleh SSHMC pada 19 September 2014.

6.4.5.3. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta kerugian terkumpul SSHMC bagi tahun kewangan 2011 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 6.1**.

Jadual 6.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Kerugian Terkumpul SSHMC Bagi Tahun 2011 Hingga 2014

Butiran	Tahun			
	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)	2014 (RM)
Pendapatan	12	12	12	5,012
Perbelanjaan Langsung	0	0	0	0
Untung Kasar	12	12	12	5,012
Pendapatan Lain	778,367	886,797	808,693	854,669
Perbelanjaan Pentadbiran	556,867	470,309	412,796	291,658
Perbelanjaan Operasi	137,252,681	28,378,097	28,217,003	28,129,831
Rugi Bersih	-137,031,169	-27,961,597	-27,821,094	-27,561,808
Kos Kewangan	13,563,350	10,198,525	6,586,452	2,776,348
Kerugian Sebelum Cukai	-150,594,519	-38,160,122	-34,407,546	-30,338,156
Cukai	0	0	0	0
Kerugian Selepas Cukai	-150,594,519	-38,160,122	-34,407,546	-30,338,156
Kerugian Terkumpul (RM Juta)	-160.42	-198.58	-232.99	-263.33

Sumber: Sarawak Specialist Hospital & Medical Centre Sdn. Bhd

6.4.5.4. **Maklum balas daripada SSHMC bertarikh 30 April 2015, menyatakan SIMC telah dipajak kepada Kementerian Kesihatan Malaysia sejak tahun 2011 dan SSHMC masih kekal sebagai pemilik aset. Sarawak Specialist Hospital & Medical Centre Sdn. Bhd. tiada pendapatan selain sewa bulanan sebanyak RM1.00 dan pendapatan faedah daripada deposit tetap. Kedudukan kewangan SSHMC menunjukkan nisbah kewangan nilai yang lemah dan negatif seperti yang dianalisis oleh Jabatan Audit Negara adalah disebabkan kos susut nilai aset yang tinggi yang mana ianya bukan aliran tunai. Sarawak Specialist Hospital & Medical Centre Sdn. Bhd. tidak mempunyai masalah aliran tunai.**

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan SSHMC adalah tidak memuaskan kerana mencatat kerugian untuk 4 tahun berturut-turut dengan kerugian terkumpul pada tahun kewangan 2014 adalah sejumlah RM263.33 juta. Lembaga

Pengarah SSHMC perlu mengkaji dan menilai semula pengurusan serta aktiviti syarikat untuk menentukan arah tuju supaya mendapat pulangan ke atas pelaburan.

6.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan pelaburan Kerajaan negeri di dalam Sarawak International Medical Centre (SIMC) dapat memberi manfaat sepenuhnya kepada rakyat dan kelemahan yang dibangkitkan tidak lagi berulang, Setiausaha Kewangan Negeri Diperbadankan dan Sarawak Specialist Hospital & Medical Centre Sdn. Bhd. (SSHMC) adalah disyorkan untuk mengambil tindakan seperti berikut:

6.5.1. Setiausaha Kewangan Negeri Diperbadankan dan ahli Lembaga Pengarah SSHMC perlu mengkaji dan menilai semula pengurusan serta aktiviti SSHMC untuk menentukan arah tuju syarikat supaya mendapat pulangan ke atas pelaburan. Setiausaha Kewangan Negeri Diperbadankan melalui Kerajaan negeri perlu menjalankan rundingan dengan secepat mungkin untuk menjual SIMC kepada Kerajaan Persekutuan.

6.5.2. Setiausaha Kewangan Negeri Diperbadankan perlu meneliti dan memantau perjanjian yang dibuat dan ditandatangani oleh anak syarikatnya dengan pihak lain bagi mengelakkan terma perjanjian yang merugikan pihak Kerajaan.

6.5.3. SSHMC perlu mengambil tindakan mengenal pasti peralatan perubatan dan bukan perubatan yang tidak digunakan atau usang dan tidak diperlukan di SIMC supaya tindakan seterusnya dapat dilakukan dengan kadar segera dan memberi nombor pendaftaran terhadap aset yang digunakan untuk memudahkan pengenalan dan pengesanan aset dilakukan.

7. C.M. MANAGEMENT (SARAWAK) SDN. BHD.

7.1. LATAR BELAKANG

7.1.1. Creative Inspirations Sdn. Bhd. telah diperbadankan pada 28 Mac 1994 dan telah ditukarkan namanya kepada C.M. Management (Sarawak) Sdn. Bhd. (CMM) pada 6 Jun 1994. C.M. Management (Sarawak) Sdn. Bhd. dimiliki penuh oleh Yayasan Sarawak (YS) iaitu sebuah Badan Berkanun Kerajaan Negeri Sarawak. Modal dibenar dan modal berbayar adalah berjumlah RM4.77 juta.

7.1.2. Objektif penubuhan CMM adalah pembangunan modal insan bagi memenuhi khususnya kehendak Perkhidmatan Awam Negeri melalui latihan dan pembelajaran berterusan. Akitiviti utama CMM adalah untuk melaksanakan pelbagai kursus, latihan dan seminar secara *in-house* untuk pegawai dan kakitangan dalam Perkhidmatan Awam Negeri, Badan-badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-badan Korporat. Visi CMM adalah untuk menjadi pusat pembelajaran berprestasi tinggi dengan melaksanakan transformasi sumber manusia yang inovatif. Manakala misi CMM adalah untuk melaksanakan transformasi Perkhidmatan Awam melalui Kumpulan Prestasi Tinggi (*High Performance Team*) dan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang (*Excellent Service Delivery*). Peranan strategik CMM adalah untuk menyediakan program dan inisiatif dalam bidang pengurusan serta teknikal kepada organisasi sektor awam. Selain itu, CMM juga memberi khidmat perunding berdasarkan keperluan sesebuah organisasi. Program latihan/kursus yang disediakan adalah tertumpu kepada matlamat organisasi berkenaan, masalah urusan sebenar, objektif dan kehendak pengurusan yang dikendalikan selaras dengan keperluan organisasi. Program yang diadakan adalah komprehensif sama ada diadakan di pusat latihan CMM atau di premis pelanggan. Program juga diadakan di peringkat individu, berpasukan dan organisasi. Selain menyediakan bilik kuliah/sindiket dan tempat penginapan, CMM juga menyediakan pelbagai tempat kemudahan serta riadah untuk pelanggan seperti pusat sumber, auditorium, dewan bankuet, bilik gimnasium, kedai mini dan dobi.

7.1.3. C.M. Management (Sarawak) Sdn. Bhd. mempunyai 8 ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri iaitu YB Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi Bin Abdul Ghani, YBhg. Datu Haji Misnu Bin Haji Taha, YBhg. Datu Laura Lee Ngien Hion, YBhg. Datu Haji Mohamad Abu Bakar Bin Marzuki, YBhg. Prof. Dato Dr. Jamil Hamali, Dr. Sabariah Putit, YBhg. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi dan YBhg. Datu Dr. Penguang Anak Manggil. Pengurusan harian syarikat diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh 48 tenaga kerja iaitu 2 Pengurus Kanan, 4 Pengurus, 3 Penolong Pengurus dan 39 pegawai eksekutif dan bukan eksekutif. Struktur pengurusan CMM dibahagikan kepada 6 seksyen iaitu Seksyen Pembangunan Perniagaan, Seksyen Program

Pengurusan, Seksyen Inovasi dan Kualiti Sumber Manusia, Seksyen Akaun dan Kemudahan, Seksyen Hal Ehwal Korporat dan ICT dan Seksyen Pusat Cemerlang.

7.1.4. Syarikat telah mencatat keuntungan selepas cukai berjumlah RM148,965 dan RM272,302 pada tahun 2013 dan 2014. Manakala keuntungan terkumpul pada akhir tahun 2014 berjumlah RM3.34 juta atau peningkatan sebanyak 0.9% berbanding RM3.31 juta pada akhir tahun 2013. Bagi tahun 2014, hasil utama CMM merupakan caj perkhidmatan berjumlah RM10.85 juta manakala kutipan hasil pelbagai adalah RM0.23 juta. Pada tempoh yang sama, syarikat telah berbelanja sejumlah RM10.64 juta iaitu RM6.56 juta merupakan perbelanjaan langsung dan RM4.08 juta adalah perbelanjaan pengurusan pentadbiran serta kos kewangan.

7.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan CMM memuaskan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

7.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan di pejabat korporat CMM dan meliputi aspek prestasi kewangan bagi tahun 2012 hingga 2014 termasuk pengauditan terhadap pengurusan kewangan, pengurusan aktiviti syarikat dan tadbir urus korporat. Metodologi pengauditan adalah menyemak rekod dan dokumen yang berkaitan dengan pengurusan aktiviti, tadbir urus dan pengurusan kewangan. Analisis kewangan syarikat merangkumi analisis trend dan nisbah kewangan berasaskan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2012 hingga 2014. Selain itu, temu bual dengan pegawai CMM, pemeriksaan fizikal aset serta lawatan tapak juga dijalankan terhadap blok hostel serta kemudahan latihan di kawasan pejabat CMM. *Exit Conference* bersama Ketua Pegawai Eksekutif CMM, Pegawai Tadbir Unit Sumber Manusia, Jabatan Ketua Menteri, Pegawai Tadbir Khas Khidmat Operasi, Kewangan/Perundangan dan Akauntan Yayasan Sarawak telah diadakan pada 19 Jun 2015.

7.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan April 2015 hingga Mei 2015 mendapati secara keseluruhan prestasi kewangan, pengurusan kewangan, pengurusan program pembelajaran serta pengurusan tadbir urus korporat adalah memuaskan.

7.4.1. Prestasi Kewangan

Analisis kewangan dibuat berdasarkan Penyata Kewangan CMM yang telah diaudit bagi tahun 2012 hingga 2014. Analisis trend dan analisis nisbah kewangan telah digunakan sebagai pendekatan Audit untuk menilai prestasi kewangan CMM.

7.4.1.1. Analisis Trend

a. Analisis Pendapatan


Analisis Audit terhadap penyata kewangan mendapati CMM telah mencatatkan kerugian selepas cukai berjumlah RM0.08 juta pada tahun 2012, keuntungan RM0.15 juta pada tahun 2013 dan RM0.27 juta pada tahun 2014. Keuntungan terkumpul syarikat ialah sejumlah RM3.36 juta pada tahun 2012, RM3.31 juta pada tahun 2013 dan RM3.34 juta pada tahun 2014. CMM juga telah mengisytiharkan pembayaran dividen bagi tahun kewangan 2013 dan 2014 sebanyak RM0.20 juta dan RM0.24 juta. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan terkumpul CMM bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti **Jadual 7.1**, **Carta 7.1** dan **Carta 7.2**.

Jadual 7.1
Keuntungan Berkumpul CMM Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Butiran	Tahun		
	2012 (RM)	2013 (RM)	2014 (RM)
Pendapatan Langsung	7,294,439	8,433,282	10,848,865
Perbelanjaan Langsung	4,496,001	4,594,431	6,555,683
Untung Kasar	2,798,438	3,838,851	4,293,182
Pendapatan Lain	372,986	231,943	227,713
Perbelanjaan Pentadbiran	3,162,297	3,749,783	4,084,317
Kos Kewangan	4,899	2,796	1,445
Keuntungan Sebelum Cukai	4,228	318,215	435,133
Cukai	79,694	169,250	162,831
Keuntungan/Kerugian Selepas Cukai	-75,466	148,965	272,302
Dividen		200,000	238,355
Keuntungan Berkumpul Selepas Cukai	3,357,823	3,306,788	3,340,735


Sumber: C.M. Management (Sarawak) Sdn. Bhd.

Carta 7.1
Trend Keuntungan Sebelum Cukai Dan
Keuntungan Terkumpul Bagi Tahun
Kewangan 2012 Hingga 2014



Sumber: C.M. Management (Sarawak) Sdn. Bhd.

Carta 7.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi
Tahun Kewangan 2012 Hingga 2014



7.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan syarikat, analisis nisbah semasa, margin untung bersih, nisbah pulangan ke atas aset, nisbah pulangan ke atas ekuiti dan nisbah hutang telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2012 hingga 2014. Hasil analisis nisbah kewangan menunjukkan prestasi kewangan seperti **Jadual 7.2**.

Jadual 7.2
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Butiran	Tahun		
	2012	2013	2014
Nisbah Semasa	6.97 : 1	3.92 : 1	2.95 : 1
Margin Untung Bersih	- 0.1%	1.8%	2.5%
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	- 0.01 : 1	0.02 : 1	0.03 : 1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	- 0.01 : 1	0.03 : 1	0.06 : 1
Nisbah Hutang	0.09 : 1	0.17 : 1	0.25 : 1

Sumber: C.M. Management (Sarawak) Sdn. Bhd.

a. Nisbah Semasa

Nisbah ini digunakan untuk mengukur tahap kecairan syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan syarikat untuk membayar hutang dalam jangka masa pendek. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah syarikat. Analisis Audit mendapati nisbah semasa CMM bagi tahun kewangan 2012 hingga 2014 adalah 6.97:1, 3.92:1 dan 2.95:1. Ini menunjukkan nisbah semasa CMM berada di atas norma 2:1.

b. Margin Untung Bersih

Nisbah ini menunjukkan keberkesanan aktiviti urus niaga dan keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan. Pada umumnya lebih tinggi nisbah kedudukan syarikat adalah lebih baik iaitu syarikat berjaya meningkatkan keuntungan daripada setiap ringgit jualan. Analisis Audit mendapati CMM mencatatkan margin kerugian untuk tahun 2012. Manakala syarikat mencatat margin untung bersih berjumlah 2 sen dan 3 sen pada tahun 2013 dan 2014 bagi setiap ringgit jualan.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah ini mengukur pulangan yang diperolehi syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya lebih tinggi nisbah lebih baik kerana ia menunjukkan syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan daripada penggunaan aset. Analisis Audit mendapati nisbah pulangan ke atas aset CMM adalah negatif pada tahun 2012, tetapi mencatat pulangan 2 sen dan 3 sen pada tahun 2013 dan 2014.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat lebih berupaya menghasilkan keuntungan yang lebih tinggi. Analisis Audit mendapati nisbah pulangan ke atas ekuiti adalah negatif pada tahun 2012, tetapi mencatat pulangan 3 sen dan 6 sen pada tahun 2013 dan 2014.

e. Nisbah Hutang

Nisbah Hutang merupakan pendekatan yang sering digunakan untuk menilai kestabilan syarikat iaitu sejauh mana tanggungan perlu dibiayai oleh aset yang dimiliki oleh syarikat. Kedudukan nisbah antara tanggungan dan aset pada kadar kurang 0.5:1 menunjukkan keadaan yang baik. Analisis Audit mendapati, nisbah hutang CMM bagi tahun kewangan 2012 hingga 2014 adalah memuaskan iaitu 0.09:1 pada tahun 2012, 0.17:1 pada tahun 2013 dan 0.25:1 pada tahun 2014. Ini menunjukkan operasi syarikat adalah baik dan aset yang sedia ada mampu digunakan untuk menyelesaikan hutang.

Pada pendapat Audit prestasi kewangan CMM adalah memuaskan di mana syarikat mencatat keuntungan terkumpul dan menunjukkan trend keuntungan meningkat setiap tahun.

7.4.2. Pengurusan Aktiviti

C.M. Management (Sarawak) Sdn. Bhd. bertanggungjawab untuk pembangunan modal insan Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak melalui latihan dan pembelajaran yang berterusan. Sehingga akhir bulan Mei 2015, Kerajaan Negeri Sarawak mempunyai 30,684 pegawai serta kakitangan daripada 98 pelbagai agensi. Satu perjanjian iaitu *Human Resource And Organizational Development Programs Agreement* telah dimeterai antara Kerajaan Negeri Sarawak dan CMM. Perjanjian ini sah untuk tempoh dua tahun dan boleh diperbaharui mengikut terma dan syarat yang dipersetujui oleh kedua pihak. Tarikh terakhir perjanjian ditandatangani adalah pada 1 Januari 2015 dan kontrak akan tamat pada 31 Disember 2016. Semakan Audit terhadap pengurusan aktiviti CMM mendapati perkara seperti berikut:

7.4.2.1. Terma Dan Syarat Perjanjian Kontrak Melindungi Kepentingan Kerajaan

- a. Semakan Audit terhadap kandungan kontrak *Human Resource And Organizational Development Programs Agreement* mendapati secara keseluruhannya kepentingan Kerajaan adalah terpelihara. Terma dan syarat kontrak membenarkan pihak Kerajaan merangka atau meminta CMM merangka program pembelajaran telah ditetapkan serta diluluskan oleh pihak Kerajaan. Sebarang pertukaran tempat latihan atau program yang membabitkan variasi kos perlu dilulus oleh Kerajaan secara bertulis terlebih dahulu. Pihak Kerajaan juga boleh dari semasa ke semasa melantik secara bertulis seorang pegawai sebagai wakil untuk memantau, menilai serta memberi laporan mengenai prestasi perkhidmatan, latihan dan program pembangunan modal insan yang telah diberi oleh CMM. Pihak Kerajaan juga boleh memberi arahan mengenai formulasi dan pelaksanaan polisi berkaitan perkhidmatan dan program pembangunan modal insan dan organisasi.
- b. Merujuk perenggan 7.4, perjanjian tersebut, agensi Kerajaan boleh membuat bayaran melebihi RM10,000 terus kepada CMM setelah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Unit Pengurusan Sumber Manusia (UPSM), Pejabat Ketua Menteri. Adalah diperhatikan menjadi amalan CMM untuk mengurus kursus yang dipohon oleh agensi walaupun surat kelulusan ini tidak dikemukakan oleh agensi semasa memohon pengendalian kursus. Pihak CMM disyorkan untuk mendapat surat kelulusan ini terlebih dahulu untuk memastikan peruntukan kos kursus telah diluluskan oleh Kerajaan.
- c. **Maklum balas daripada CMM bertarikh 12 Jun 2015, menyatakan sebagai entiti perniagaan CMM akan mengurus mana-mana program latihan yang dipohon oleh agensi Kerajaan. Selaras dengan perenggan 7.4 *Human Resource and Organizational Development Programs Agreement*, CMM akan mendapatkan surat kelulusan yang berkenaan.**

7.4.2.2. Prestasi Perkhidmatan Program Pembelajaran

Penilaian Audit terhadap prestasi perkhidmatan program pembelajaran CMM dibuat dari aspek keberkesanan atau impak hasil lebih 20 tahun perkhidmatan diberi untuk pembangunan modal insan Perkhidmatan Awam Kerajaan Negeri Sarawak. Penilaian ini dibuat melalui analisis pencapaian program latihan dan analisis terhadap pencapaian program latihan yang telah dirancang, prestasi kutipan hasil operasi serta kawalan terhadap perbelanjaan, maklum balas daripada peserta dan juga pihak UPSM. Penilaian juga dibuat dari aspek pengurusan perolehan serta prestasi tenaga pengajar, penyediaan serta penyenggaraan kemudahan pembelajaran seperti bilik kuliah serta peralatan pembelajaran, penginapan serta makanan dan dari aspek penyelenggaraan maklumat dan rekod berkaitan.

7.4.2.3. Prestasi Pengurusan Program Latihan

- a. Semakan Audit mendapati CMM menyediakan 6 hingga 12 program latihan yang melibatkan 182 hingga 422 kursus bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014. Tempoh sesuatu kursus yang dijalankan adalah di antara 1 hingga 11 hari. Program dan contoh kursus yang telah dijalankan dalam tempoh tahun berkenaan adalah seperti di **Jadual 7.3**.

Jadual 7.3
Program Latihan Dan Kursus Bagi Tempoh Tahun 2012 Hingga 2014

Bil.	Program	Tajuk Kursus (contoh)
1.	Induksi	Induksi Umum (ikut kumpulan)
2.	Transformasi	i. Mengurus Perubahan Budaya (Kerja) <ul style="list-style-type: none"> • Kumpulan Prestasi Tinggi, Pemanduan Berhemah Dan Penyelenggaraan Kenderaan, MS ISO 9001:2008, Kecemerlangan Pembantu Am Rendah ii. Pengurusan Bakat Sumber Manusia <ul style="list-style-type: none"> • <i>Competency Profiling</i>, Kemahiran Strategik, Pengurusan Bakat, Latihan Untuk Penilai iii. Pengurusan Keperluan Pelanggan
		iv. e-Kerajaan <ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan Aplikasi Laman Web v. Kecemerlangan Pentadbiran Sarawak Dalam Perkhidmatan Guaman <ul style="list-style-type: none"> • Program Kompetensi Guaman Untuk Pegawai Daerah dan Pentadbiran vi. Projek Dan Program Penyampaian Perkhidmatan Yang Cemerlangan <ul style="list-style-type: none"> • Analisis Faedah Kos, Pengurusan Kontrak, Mengurus Risiko Projek, Pengurusan Acara dan Protokol vii. Transformasi Pengurusan Kewangan <ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan Kewangan Untuk Sektor Awam, Pengurusan Aset Mudah Alih
3.	Teknikal	i. Jabatan Kerja Raya <ul style="list-style-type: none"> • Kejuruteraan Geoteknik, Sistem Hawa PENDINGIN Untuk Acara Khas, LV Elektrik Untuk Jurutera, Kemudahan Infra Struktur Mendarat di Sungai Pengurusan Projek dan Kewangan Dalam Pembinaan ii. Jabatan Tanah Dan Survei <ul style="list-style-type: none"> • Penyediaan Pelan Cawangan Tanah, Tebus Guna Tanah, Struktur Dan Pengangkutan Bandar, Sistem Posisi Global Penyediaan Pelan iii. Jabatan Pengairan Dan Saliran <ul style="list-style-type: none"> • Pengenalan Kepada Pengurusan Data Dan Sistem Kawalan Kualiti, Prosedur dan Proses Pelaporan Yang Betul, Sistem Telementri Hidro, Perancangan dan Rekabentuk Struktur Hakisan Sungai iv. Jabatan Hutan <ul style="list-style-type: none"> • Analisis Titik Kawalan Kritikal Bahaya, Risiko Operasi Kuarantin Tanaman, Amalan Baik Pengurusan Temakan, Kursus Pegawai Penyiasat

Bil.	Program	Tajuk Kursus (contoh)
4.	Dalam Perkhidmatan / Pembelajaran Berterusan	Sarjana Sains, Sarjana Dalam Sains Polisi, Ujian Kemahiran Bahasa Inggeris
5.	Latihan Dalaman	<i>Balance Scorecard</i> , <i>Strategic Planning Retreat</i> , Kesedaran Amalan Persekitaran 5s, Bengkel Pengawal Keselamatan Pejabat, Bengkel Pendaftar Rahsia Rasmi
6.	Pembinaan Kapasiti Untuk Graduan	Kursus Penambahbaik Peluang Pekerjaan, Keusahawanan, Pembentukan Nilai-nilai Murni, Kemahiran Penyampaian Berkesan, Pengusahawan, Kecemerlangan Dalam Budaya Kerja dan Penguasaan Dan Peningkatan Kebolehan Graduan
7.	Sokongan Kakitangan	Kursus Penyediaan Persaraan, Taklimat Kesihatan.
8.	Peperiksaan Perkhidmatan	Bengkel Penggubalan Dan Pemurnian Soalan Peperiksaan, Bengkel Sukatan Peperiksaan, Bengkel Bimbingan Peperiksaan
9.	Pembangunan Kompetensi Untuk Karier	i. Penambahbaik dan Pembangunan Profesional <ul style="list-style-type: none"> • Budaya Kerja Yang Cemerlang, Kursus Kecekapan Dan Pemantapan Pembantu Am Rendah ii. Kepimpinan Strategik <ul style="list-style-type: none"> • Kemahiran Pemikiran Lebih Tinggi, Pembangunan dan Kesenambungan Kepimpinan iii. Polisi Awam dan Persekitaran Dalam Sektor Kerajaan <ul style="list-style-type: none"> • Penyediaan Kertas MMKN, Penulisan dan Analisis Polisi Awam iv. Pembangunan Pengayaan Diri <ul style="list-style-type: none"> • Ucapan Awam, Kemahiran Penyampaian, Program Inggeris Korporat
10.	Integriti	Pembangunan Individu dan Organisasi Berintegriti
11.	Persidangan Dan Seminar	Pentadbiran Profesional, Bengkel Pelan Kesenambungan Perkhidmatan dan Pengurusan Risiko

Sumber: C.M. Management (Sarawak) Sdn. Bhd.

- b. Semakan Audit seterusnya mendapati 40 kursus pada tahun 2012, 16 kursus pada tahun 2013 dan 41 kursus pada tahun 2014 dilaksanakan secara *ad-hoc*. Kursus *ad-hoc* tersebut dijalankan atas permohonan oleh pihak UPSM dan juga pelbagai Kementerian, Jabatan dan agensi Kerajaan Negeri.
- c. **Maklum balas daripada CMM bertarikh 12 Jun 2015, menjelaskan program latihan yang dirancang tidak dijalankan adalah disebabkan kertas cadangan yang dikemukakan tidak mendapat kelulusan, kegagalan tenaga pengajar menyedia *program outline* dan pelanggan menggunakan khidmat penyedia latihan yang lain. Agensi Kerajaan Negeri juga menggunakan kaedah latihan seperti pementoran dan latihan dalaman. Program *ad-hoc* tersebut dijalankan berdasarkan keperluan pembelajaran yang dikenal pasti oleh agensi dari masa ke semasa.**
- d. Semakan Audit juga mendapati CMM telah menghantar 37 peserta bagi pihak Kerajaan Negeri untuk menjalankan 2 kursus di luar Negara pada tahun 2014 dengan kos berjumlah RM0.85 juta seperti di **Jadual 7.4**.

Jadual 7.4
Kursus Yang Dikendalikan Oleh CMM Diluar Negara

Bil.	Program/Kursus	Tempat	Tarikh	Bil. Peserta	Kos (RM)
1	<i>Balance Scorecard</i> (Pengurusan)	Sydney, Australia	11 hingga 15 Ogos 2014 (5 hari)	15	396,486
2	<i>Balance Scorecard</i> (Pengurusan)	Melbourne, Australia	30 Novmber hingga 10 Disember 2014 (11 hari)	22	456,878
Jumlah				37	853,364

Sumber: C.M. Management (Sarawak) Sdn. Bhd.

- e. **Maklum balas daripada CMM bertarikh 12 Jun 2015, menyatakan setakat ini tiada impak secara rasmi dijalankan bagi mengukur pencapaian program tersebut. Bagaimanapun impak ketara dari segi peningkatan pengetahuan dan kemahiran para peserta dalam konsep dan kerangka *Balance Scorecard (BSC)* dapat dilihat melalui peratus kelulusan peserta yang menduduki peperiksaan yang dijalankan selepas program berkenaan. Kesemua peserta yang menghadiri kursus dan menduduki peperiksaan telah lulus menerima sijil dari BSC Australia. Pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi telah digunakan oleh para peserta dalam pelaksanaan BSC di Kementerian/Jabatan/Agensi masing-masing.**

7.4.2.4. Penilaian Kursus

- a. C.M. Management (Sarawak) Sdn. Bhd. mengedarkan borang penilaian kepada semua peserta kursus pada setiap akhir sesi untuk mendapat maklum balas mengenai faedah program, kandungan program, metodologi program, prestasi tenaga pengajar, prestasi penyelarass program dan persekitaran pembelajaran yang merangkumi persekitaran bilik kuliah dan menu makanan yang disediakan. Penilaian ini dibuat dengan memberi penarafan 1 hingga 5 bintang dengan pemarkahan terendah 75% (1 bintang) iaitu selaras dengan kehendak ISO 9001:2008.
- b. Semakan Audit mendapati pihak CMM ada membuat analisis terhadap penilaian prestasi oleh peserta untuk setiap kursus yang telah dijalankan. Hasil analisis CMM menunjukkan secara keseluruhannya 477 atau 77.8% kursus yang telah dijalankan adalah dalam lingkungan pemarkahan 85% hingga 94% atau diberi penarafan 3 hingga 4 bintang dan hanya 9% mencapai tahap 5 bintang. Adalah didapati ada peningkatan prestasi pengurusan kursus dari tahun ke tahun. Maklumat lanjut terhadap penilaian kursus berdasarkan maklum balas peserta adalah seperti di **Jadual 7.5**.

Jadual 7.5
Prestasi Kursus Bagi Tempoh 2012 Hingga 2014

Penarafan Bintang (★) %	Tahun					
	2012		2013		2014	
	Bilangan Kursus	Peratus (%)	Bilangan Kursus	Peratus (%)	Bilangan Kursus	Peratus (%)
75 – 80 (1★)	5	3.1	7	3.0	1	0.5
81 – 84 (2★)	16	10.0	26	11.3	26	11.7
85 – 90 (3★)	68	42.2	108	47.0	99	44.6
91 – 94 (4★)	65	40.4	67	29.1	70	31.5
95 - 100 (5★)	7	4.3	22	9.6	26	11.7
Bilangan Kursus/Peratusan	161	100	230	100	222	100
Jumlah Keseluruhan Bilangan Kursus	613					

Sumber: C.M. Management (Sarawak) Sdn. Bhd.

- c. Penilaian prestasi pengurusan kursus oleh peserta dibuat dengan memberi skor terhadap 6 kriteria iaitu faedah program, kandungan program, metodologi program, prestasi tenaga pengajar, prestasi penyelaras program dan persekitaran pembelajaran yang merangkumi persekitaran bilik kuliah dan hidangan makanan yang disediakan. C.M. Management (Sarawak) Sdn. Bhd. telah menjalankan analisis terhadap penilaian oleh setiap peserta terhadap prestasi setiap kursus. Semakan Audit terhadap laporan analisis tersebut bagi tahun 2014 mendapati secara keseluruhannya prestasi kursus yang dikendalikan adalah memuaskan di mana skor yang diperolehi adalah antara 3.85 hingga 5. Maklumat lanjut mengenai prestasi pengurusan kursus oleh setiap peserta berdasarkan kriteria yang ditetapkan adalah seperti di **Jadual 7.6**.

Jadual 7.6
Penilaian Kursus Oleh Peserta Bagi Tahun 2014

Bil.	Butiran	Sub-Kriteria	Skor
1.	Faedah Program	Pengetahuan Bertambah	4.00 – 4.92
		Sesuai Dengan Pekerjaan	3.85 – 5.00
		Manfaatkan Kumpulan	4.00 – 5.00
2.	Kandungan Program	Mencapai Objektif	3.69 - 5.00
		Kandungan Program Teratur	3.09 - 4.91
		Jadual Bersesuaian	3.90 - 4.90
3.	Metodologi Program	Peralatan Pembelajaran Efektif	3.58 - 4.75
		Stimulasi Kepada Pembelajaran	3.88 - 4.90
		Input Sesi Dan Aktiviti Seimbang	3.75 - 4.96
4.	Prestasi Tenaga Pengajar	Cukup Bersedia	4.15 - 5.00
		Berpengetahuan	4.19 - 5.00
		Menepati Masa	4.10 - 5.00
5.	Prestasi Penyelaras Program	Bersedia	3.71 - 4.92
		Sentiasa Ada Bila Diperlukan	3.71 - 4.96
		Peramah	3.98 - 4.99
6.	Persekitaran Pembelajaran	Bilik Kuliah Selesa	3.63 - 4.83
		Persekitaran Pembelajaran Memuaskan	3.74 - 4.85
		Makanan Serta Minuman Memuaskan	2.54 - 4.76

Sumber: C.M. Management (Sarawak) Sdn. Bhd.

Nota: Skor Sub-Kriteria

- 1 = Sangat Tidak Bersetuju
- 2 = Tidak setuju
- 3 = Tidak Berapa Setuju
- 4 = Setuju
- 5 = Sangat Setuju

- d. **Maklum balas daripada CMM bertarikh 12 Jun 2015, menyatakan usaha yang telah diambil adalah seperti menghasilkan *Competency Dictionary*, menyediakan *Competency Profiling*, mewujudkan *Career Progression Assessment Centre*, menentukan *Competency Gap*, merangka *Competency Based Learning Matrix*, merangka *Individual Competency Development Plan*, menyediakan program latihan berdasarkan *Deliberate Competency Based Training Framework*.**

7.4.2.5. Pelantikan Tenaga Pengajar

- a. Prosedur perolehan serta kriteria pengambilan tenaga pengajar ditetapkan dalam ISO 9001:2008 QP/7.4/02 *Purchasing: Resource Person*. Antara syarat pengambilan tenaga pengajar adalah berdasarkan pengalaman minima 3 tahun mengajar dalam bidang berkaitan, mempunyai akreditasi serta senarai klien dan memiliki kelayakan akademik minima diploma atau setaraf serta mempunyai penetapan fi profesional. Bagaimanapun, syarat ini dikecualikan bagi tenaga pengajar yang memiliki sijil daripada badan profesional dari organisasi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia atau pegawai Kerajaan. Semakan Audit mendapati CMM telah mematuhi prosedur serta kriteria pengambilan tenaga pengajar.
- b. Semakan Audit mendapati sehingga akhir tahun 2014, CMM telah menggunakan 183 tenaga pengajar iaitu seorang daripadanya adalah tenaga pengajar tetap CMM, 126 atau 68.9% adalah pegawai Kerajaan dan 56 daripada badan-badan profesional. Pada tahun 2014, didapati setiap tenaga pengajar telah mengendalikan 1 hingga 21 kursus. Semakan Audit seterusnya mendapati CMM hanya menyimpan rekod profil tenaga pengajar iaitu mengandungi maklumat bidang kompetensi, pengalaman semasa yang relevan, akreditasi profesional, kelayakan akademik dan senarai pelanggan. Sehingga bulan Mei 2015, CMM masih dalam proses menyelenggara sistem maklumat atau pangkalan data untuk tenaga pengajar.
- c. Analisis Audit dibuat terhadap penilaian prestasi tenaga pengajar melalui penilaian oleh setiap peserta berdasarkan 287 ceramah yang telah dijalankan pada tahun 2014. Semakan Audit mendapati peserta kursus memberi skor penilaian antara 4.15 hingga 5 untuk tenaga pengajar berdasarkan sub-kriteria mereka cukup bersedia, berpengetahuan dan menepati masa. Semakan Audit seterusnya mendapati 197 atau 68.6% daripada penceramah telah diberi penilaian markah sebanyak 90% dan ke atas, 87 atau 30.3% mendapat pemarkahan sebanyak 80% hingga 89% dan hanya 3 atau 1.1% diberi pemarkahan antara 70% hingga 79%.
- d. **Maklum balas daripada CMM bertarikh 12 Jun 2015, menyatakan CMM belum lagi mempunyai perancangan segera untuk menambah bilangan tenaga pengajar yang tetap. Setakat ini CMM hanya mempunyai seorang *Residential Trainer* yang telah dipinjamkan ke Jabatan Ketua Menteri. CMM mempunyai pegawai yang ada kepakaran dalam pembangunan kurikulum, silibus, modul dan berkecukupan. Selain itu, CMM juga mempunyai 2 pegawai yang berpotensi dan telah diberi peluang untuk melaksanakan latihan dalam Program Orientasi/Induksi dan *Brilliant Culture At Work*. Sistem maklumat tenaga pengajar akan digabungkan dengan sistem maklumat peserta kursus yang telah siap dibangunkan dan dijangka beroperasi pada akhir tahun 2015 iaitu selepas mengemas kini semua maklumat ke dalam sistem.**

7.4.2.6. Kemudahan

- a. C.M. Management (Sarawak) Sdn. Bhd. menyediakan 11 bilik kuliah berhawa dingin yang boleh memuatkan 624 peserta kursus, Auditorium yang boleh memuatkan 100 orang, Pusat Sumber, 4 buah hostel yang boleh menempatkan seramai 197 peserta pada satu masa, Bilik Mesyuarat, bilik bankuet, kedai mini/*shoppe*, bilik gimnasium serta bilik karaoke untuk riadah dan kemudahan dobi. CMM juga menyedia peralatan pembelajaran antaranya seperti komputer, video dan menyediakan perkhidmatan wi-fi. Selain itu, CMM menyediakan 6 hidangan makanan secara katering untuk peserta yang bermalam dan juga menyedia kemudahan pengangkutan untuk peserta. Pengurusan kemudahan untuk peserta adalah di bawah tanggung jawab Bahagian Akaun Dan Fasilitasi.
- b. Semakan Audit mendapati penilaian oleh peserta terhadap penyediaan kemudahan pembelajaran adalah memuaskan seperti di **Jadual 7.7**.

Jadual 7.7
Skor Penilaian Peserta Terhadap Kemudahan Yang Disediakan oleh CMM

Bil.	Butiran Penilaian Kemudahan	Skor Penilaian
1.	Kesesuaian dan keberkesanan peralatan pembelajaran	3.58 hingga 5.00
2.	Keselesaan Bilik Kuliah	3.63 hingga 4.83
3.	Persekitaran	3.74 hingga 4.85
4.	Makanan	2.54 hingga 4.76

Sumber: C.M. Management (Sarawak) Sdn. Bhd.

- c. Lawatan Audit ke bilik kuliah, bilik sindiket, dewan makan dan hostel penginapan mendapati persekitaran dan kemudahan yang sedia ada adalah sederhana dan memadai untuk memberi kemudahan pembelajaran, keselesaan serta riadah kepada peserta. Antara kemudahan yang disediakan adalah seperti di **Gambar 7.1** hingga **Gambar 7.8**.

Gambar 7.1
Bilik Kuliah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik Kuliah, Blok D
Tarikh: 5 Mei 2015

Gambar 7.2
Bilik Kuliah/Sindiket



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik Kuliah/Sindiket, Blok D
Tarikh: 5 Mei 2015

Gambar 7.3
Pusat Penyelidikan Dan Pembelajaran



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Aras Satu, Bangunan Blok B
Tarikh: 18 Mei 2015

Gambar 7.4
Auditorium



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Aras Satu, Blok B
Tarikh: 18 Mei 2015

Gambar 7.5
Blok Penginapan Eksekutif



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Blok Eksekutif/Flat C
Tarikh: 5 Mei 2015

Gambar 7.6
Bilik Penginapan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kenyalang Hostel, Blok E
Tarikh: 5 Mei 2015

Gambar 7.7
Bilik Gim



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik Gim
Tarikh: 5 Mei 2015

Gambar 7.8
Dewan Bankuet



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Bankuet
Tarikh: 5 Mei 2015

7.4.2.7. Penyenggaraan Sistem Maklumat Peserta

- a. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Mei 2015, CMM tidak menyenggara sistem maklumat peserta kursus terutamanya untuk kakitangan Kerajaan Negeri. Memandangkan kursus untuk kakitangan dikendalikan oleh CMM dan Kerajaan Negeri sekarang menetapkan KPI untuk latihan kakitangannya, adalah wajar pengkalan data pegawai yang menghadiri kursus diwujudkan bagi tujuan pengurusan latihan dan pemantauan. Semakan Audit seterusnya mendapati CMM ada membangunkan sistem maklumat peserta kursus dan tenaga pengajar iaitu *Computerised Event And Training Information System (CETIS)* dengan kos RM12,258 dan sistem dijangka beroperasi sebelum akhir tahun 2015. Sistem ini menyimpan maklumat mengenai peserta kursus dan juga tenaga pengajar dan beroperasi secara *web-based network system*. Semua maklumat sejak tahun 2011 akan dikemas kini ke dalam sistem mulai bulan Jun 2015.
- b. **Maklum balas daripada CMM bertarikh 12 Jun 2015, menyatakan sistem CETIS sedang dalam proses penambahbaikan ciri yang diperlukan ke atas sistem yang terdahulu. Penambahbaikan ini merangkumi maklumat seperti skim dan gred peserta kursus dan tenaga pengajar. Sistem ini akan diguna sepenuhnya pada akhir tahun 2015.**

7.4.2.8. Prestasi Pungutan Hasil Daripada Operasi

- a. Semakan Audit juga mendapati CMM tidak mencapai sasaran pungutan hasil daripada operasi bagi tahun 2012 dan 2013 berbanding pungutan hasil sebenar daripada operasi iaitu kekurangan berjumlah RM3.81 juta atau 34.3% dan RM1.68 juta atau 16.6%. Bagaimanapun, pada tahun 2014, pungutan hasil mencatat lebihan berjumlah RM2.43 juta atau 28.8%. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 7.8**.

Jadual 7.8
Ringkasan Pungutan Hasil Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Pungutan Hasil		Perbezaan (RM Juta)
	Sasaran (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)	
2012	11.10	7.29	-3.81
2013	10.11	8.43	-1.68
2014	8.43	10.85	2.43

Sumber: C.M. Management (Sarawak) Sdn. Bhd.

- b. Semakan Audit seterusnya mendapati walaupun pungutan hasil daripada operasi menunjukkan trend peningkatan iaitu berjumlah RM7.29 juta, RM8.43 juta dan RM10.85 juta bagi tahun 2012, 2013 dan 2014, didapati keuntungan bersih yang diperoleh hanya RM148,965 pada tahun 2013 dan RM272,302 pada tahun 2014 manakala mencatat kerugian RM75,466 pada tahun 2012. Antara faktor yang menyumbang kepada keuntungan yang rendah adalah disebabkan kos perkhidmatan dan kos pentadbiran yang meningkat. Kos perkhidmatan bagi tahun 2012, 2013 dan

2014 berjumlah RM4.52 juta, RM4.59 juta dan RM6.58 juta. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 7.9**.

Jadual 7.9
Perbelanjaan Langsung Operasi Bagi Tempoh 2012 Hingga 2014

Bil.	Perkara	2012		2013		2014	
		Bajet Diluluskan (RM)	Sebenar (RM)	Bajet Diluluskan (RM)	Sebenar (RM)	Bajet Diluluskan (RM)	Sebenar (RM)
1.	Yuran Fasilitator	2,915,000	2,453,533	2,590,000	2,644,079	2,644,079	3,390,992
2.	Makanan Dan Minuman	1,488,000	989,892	1,284,000	1,140,368	1,140,368	1,462,974
3.	Perjalanan Dan Penginapan	582,000	411,177	744,900	385,897	385,897	844,902
4.	Cetakan Dan Alat Tulis	487,000	466,772	638,500	254,568	254,568	331,489
5.	Publisiti Dan Pemasaran	25,000	0	0	0	0	0
6.	Lain-lain	504,000	174,627	295,700	169,519	169,519	554,065
Jumlah		6,001,000	4,496,001	5,553,100	4,594,431	4,594,431	6,584,422

Sumber: C.M. Management (Sarawak) Sdn. Bhd.

- c. C.M. Management (Sarawak) Sdn. Bhd. ada menyediakan anggaran untuk setiap kursus/seminar yang akan dijalankan bagi tujuan mengenakan fi bagi setiap peserta kursus. Kos ini mengambil kira kos langsung iaitu fi pengurusan, kos perolehan tenaga pengajar, peralatan dan kos urus setia atau kos pentadbiran. Selain itu, ia juga mengambil kira kos tidak langsung seperti kos alat tulis, penginapan dan makanan. C.M. Management (Sarawak) Sdn. Bhd. mengenakan kadar keuntungan 10% daripada jumlah kos ini. Semakan Audit mendapati caj yang dikenakan untuk setiap kursus yang diadakan dalam negeri pada tahun 2014 adalah di antara RM1,250 hingga RM478,118 manakala fi untuk seorang peserta adalah di antara RM33 hingga RM6,200.91. Pada tempoh yang sama caj yang dikenakan untuk 2 kursus yang diadakan di luar negara (Australia) adalah RM396,486 dan RM456,878 manakala fi untuk seorang adalah RM20,868 dan RM20,767. Semakan Audit seterusnya mendapati CMM mengenakan caj RM50 penginapan semalam secara sama rata untuk setiap bilik termasuk yang bertaraf eksekutif.
- d. **Maklum balas daripada CMM bertarih 12 Jun 2015, menyatakan CMM ada menyediakan laporan pertengahan tahun yang merangkumi perbandingan bajet dan perbelanjaan sebenar. Langkah yang telah diambil oleh CMM untuk meningkatkan keuntungan syarikat adalah mengkaji semula kadar keuntungan dari 5% kepada 15%, menggalakkan banyak program latihan dilaksanakan di CMM dan meningkatkan pelaksanaan jumlah program latihan. Dalam proses membuat kertas cadangan latihan, CMM juga membuat beberapa rujukan dari segi kadar fi melalui beberapa risalah latihan termasuk e-phamplet. Terdapat 2 kategori bilik di CMM iaitu bilik biasa dan bilik eksekutif. Kedua-dua kategori tersebut dilengkapi dengan kemudahan asas yang sama kecuali saiz kategori**

bilik eksekutif lebih besar dan mempunyai bilik air. Memandangkan kedua kategori bilik tersebut dilengkapi dengan kemudahan asas yang sama maka CMM mengenakan caj atas kadar yang sama.

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti dan pemberian perkhidmatan pembelajaran adalah memuaskan. Bagaimanapun, kandungan kursus bagi kursus pengurusan kewangan, pengurusan projek dan bidang teknologi Maklumat (ICT) perlu dimantapkan lagi untuk memastikan keberkesanan latihan yang diberikan kepada Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak.

7.4.3. Tadbir Urus Korporat

Sesebuah organisasi perlu mempunyai tadbir urus korporat yang baik dalam usaha mencapai matlamat dan visi serta meningkatkan integriti syarikat. Tadbir urus korporat penting bagi membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektif, membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus, bertanggungjawab serta mengukuhkan imej syarikat dan mewujudkan budaya kerja yang sihat. Selain itu, sebagai sebuah syarikat milik Kerajaan Negeri, CMM adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965 dan pekeliling berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan serta perlu mewujudkan polisi serta peraturan dalaman untuk melaksanakan pengurusan operasi hariannya. Semakan Audit mendapati tadbir urus korporat CMM seperti berikut:

7.4.3.1. Struktur Organisasi Dan Pelan Peralihan

Strategi organisasi serta pengurusan sumber manusia perlu ada bagi membolehkan fungsi utama dan fungsi sokongan syarikat dapat dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan berterusan. Struktur organisasi yang jelas diwujudkan untuk menunjukkan tanggung jawab terhadap pengurusan aktiviti syarikat. Semakan Audit mendapati CMM telah menyediakan carta organisasi yang jelas serta lengkap dan kemas kini. Selain itu, CMM juga telah menyediakan pelan penggantian atau *Replacement Planning* mulai tahun 2015 bagi tujuan mengenal pasti pegawai yang paling sesuai dan berpotensi untuk menggantikan atau memegang jawatan yang akan dikosongkan dalam jangka pendek atau jangka panjang untuk kesinambungan sesuatu tanggung jawab dalam organisasi.

7.4.3.2. Lembaga Pengarah

Mengikut amalan terbaik yang dinyatakan pada Buku Hijau Program Transformasi GLC, Lembaga Pengarah Syarikat mempunyai tanggungjawab untuk memastikan tadbir urus yang baik, menilai prestasi syarikat dan memastikan wujudnya kawalan dalaman yang berkesan. Semakan Audit mendapati keanggotaan keahlian Lembaga Pengarah adalah teratur mengikut kepakaran yang bersesuaian dengan aktiviti utama syarikat serta mengambil kira wakil dari syarikat induk, wakil Kerajaan Negeri dan juga wakil Institut Pengajian Tinggi yang berkaitan. Semakan Audit juga mendapati pelantikan, yuran dan

emolumen semua ahli Lembaga Pengarah telah mendapat kelulusan dalam Mesyuarat Agung Lembaga CMM.

7.4.3.3. Mesyuarat Lembaga Pengarah Dan Jawatankuasa Eksekutif

- a. Mengikut amalan terbaik seperti yang dinyatakan pada Buku Hijau Program Transformasi GLC, ahli Lembaga Pengarah digalakkan bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun bagi menilai prestasi dan arah tuju syarikat. Semakan Audit mendapati CMM telah mewujudkan 6 Jawatankuasa selain Lembaga Pengarah iaitu Jawatankuasa Tender dan Kewangan, Jawatankuasa Perjawatan, Jawatankuasa Teknikal Latihan (*Training Technical Committee*) Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pengurusan. Semakan Audit juga mendapati keputusan yang dibuat dalam setiap mesyuarat tersebut adalah selaras dengan kuasa dan tanggung jawab yang telah ditetapkan dalam terma rujukan jawatankuasa serta mengambil kira kepentingan syarikat dan juga pihak Kerajaan. Semakan Audit seterusnya mendapati kekerapan mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan kurang daripada 4 kali setahun iaitu 2 kali dalam tahun 2012, 3 kali dalam tahun 2013 dan hanya sekali dalam tahun 2014. Semakan Audit juga mendapati setiap jawatankuasa yang ditubuhkan tidak selaras dengan jadual yang ditetapkan dalam terma rujukan seperti Jawatankuasa Tender Dan Kewangan dan Jawatankuasa Audit. Kekerapan mesyuarat jawatankuasa tersebut bagi tempoh 2012 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 7.10**.

Jadual 7.10
Kekerapan Mesyuarat Jawatankuasa Yang Diwujudkan

Bil.	Butiran	Kekerapan Mesyuarat Sepatutnya Diadakan	Kekerapan Mesyuarat		
			2012	2013	2014
1.	Lembaga Pengarah	Mengikut keperluan	2	3	1
2.	Jawatankuasa Tender Dan Kewangan	3	1 kali - Edaran resolusi (<i>circular resolution</i>)	3 kali	Tiada
3.	Jawatankuasa Perjawatan (<i>Establishment Committee</i>)	Mengikut keperluan	4	3	5
4.	Jawatankuasa Audit	3	Tiada	Tiada	Tiada
5.	Jawatankuasa Teknikal Latihan (<i>Training Technical Committee</i>)	Tiada ketetapan	1	2	Tiada
6.	Jawatankuasa Pengurusan	Mengikut keperluan	5	3	3

Sumber: C.M. Management (Sarawak) Sdn. Bhd

- b. **Maklum balas daripada CMM bertarikh 12 Jun 2015, menyatakan Jawatankuasa Tender dan Kewangan tidak bermesyuarat dalam tahun 2014 dan kelulusan untuk kertas cadangan tertentu diluluskan secara edaran resolusi oleh ahli Lembaga Pengarah. Syarikat akan memastikan mesyuarat diadakan sekurang-kurangnya 3 kali setahun seperti yang ditetapkan dalam terma rujukan jawatankuasa tersebut.**

7.4.3.4. Rancangan Korporat

Selaras dengan amalan terbaik yang dinyatakan pada Buku Biru Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menyediakan rancangan korporat berserta matlamat dan petunjuk prestasi yang jelas bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Semakan Audit mendapati CMM ada menyediakan rancangan korporat termasuk visi serta misi syarikat.

7.4.3.5. Perancangan Strategik

- a. Semakan Audit mendapati CMM ada menyediakan perancangan strategik perniagaan syarikat bagi tahun 2012 hingga 2016. Selain itu, CMM juga menggunakan sistem perancangan strategik iaitu *Balanced Score Card* dan telah memulakan perjalanan transformasi seperti meningkatkan kemudahan dan infrastruktur, membangunkan kemahiran kepimpinan, membangunkan kreativiti dan inovasi seiring dengan aspirasi untuk menjadikan CMM pusat kecemerlangan serta penyedia latihan bertaraf 5 bintang. Adalah didapati CMM juga telah menyediakan kertas informasi bagi cadangan *Conceptual Model Of Sarawak Civil Service Leadership Institute (SCSLI)* dan *Centre Of Excellence* untuk dibincang dalam mesyuarat Lembaga Pengarah pada bulan April 2015.
- b. **Maklum balas daripada CMM bertarikh 12 Jun 2015, menyatakan CMM telah mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah CMM mengenai Konsep Model Sarawak Civil Service Leadership Institute (SCSLI) dan Centre Of Excellence (COE). Fungsi strategik SCSLI adalah tertumpu kepada program Kepimpinan Perkhidmatan Awam manakala COE memfokuskan perannya kepada keperluan pembelajaran pihak Badan-badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, Syarikat Kerajaan dan Sektor Swasta. Maklum balas daripada CMM bertarikh 11 September 2015, menyatakan CMM telah mengadakan *Lab for future direction of CMM* pada bulan Ogos 2015 dan berikut adalah antara perkara penting yang telah diputuskan bagi hala tuju SCSLI:**
 - Sebuah syarikat milik penuh oleh Kerajaan Negeri untuk memenuhi keperluan latihan Perkhidmatan Awam Negeri yang akan melahirkan pemimpin dan pakar dalam bidang tugas/kerja masing-masing.
 - Mendapat geran operasi daripada Kerajaan Negeri melalui Yayasan Sarawak.
 - Memastikan tenaga kerja mempunyai tahap kompetensi yang spesifik kepada kerja yang diperlukan.
 - Cadangan lokasi SCSLI adalah di Rampangi Santubong dengan peruntukan berjumlah RM100 juta untuk penyediaan kemudahan latihan.

7.4.3.6. Standard Operating Procedures (SOP)

Standard Operating Procedures (SOP) adalah diperlukan untuk dijadikan panduan semasa mengurus dan mengawal urusan aktiviti. Semakan Audit mendapati CMM telah menyediakan prosedur kualiti untuk tujuan operasi harian atau pentadbiran, pengurusan kewangan dan operasi aktiviti utamanya. Bagaimanapun, semakan Audit lanjut mendapati polisi dan prosedur terhadap kawalan kutipan hasil dan aset masih belum disediakan. **Maklum balas daripada CMM bertarikh 12 Jun 2015, menyatakan polisi yang berkaitan dengan pengurusan aset masih di dalam proses penyediaan dan akan dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah yang akan datang.**

7.4.3.7. Penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Unit Audit Dalam

- a. Selaras dengan amalan terbaik yang dinyatakan dalam Buku Hijau Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Audit bagi memastikan pematuhan terhadap kawalan dalaman pengurusan kewangan dan aktiviti syarikat. Unit Audit Dalam (UAD) berperanan merancang dan melaksana pengauditan serta menyediakan laporan kepada Jawatankuasa Audit bagi memastikan sama ada wujudnya kawalan dalaman yang berkesan dalam pengurusan sesebuah organisasi.
- b. Semakan Audit mendapati CMM telah menubuhkan Jawatankuasa Audit pada tahun 2011 yang diketuai oleh wakil Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak. Juga didapati CMM belum menubuhkan Unit Audit Dalam (UAD) dan CMM telah menggunakan perkhidmatan Kumpulan Unit Audit Dalam Yayasan Sarawak yang menjalankan pengauditan syarikat CMM berdasarkan indeks akauntabiliti dan prestasi syarikat pada tahun 2014. Antara penemuan Audit tersebut adalah seperti pendapatan yang dijana dari pengendalian kursus tidak mencapai sasaran, fail perkhidmatan/peribadi pegawai dan kakitangan belum dikemas kini, Fail Meja tidak lengkap, Pemeriksaan Mengejut tidak pernah dijalankan, tiada pemeriksaan aset secara berkala, Buku Log tidak disemak oleh pegawai penyelia, analisis penggunaan bulanan minyak tidak disediakan dan Rekod Penyelenggaraan Aset, Daftar Kontrak, Daftar bil serta Daftar Pendahuluan Diri tidak diselenggarakan.
- c. **Maklum balas daripada CMM bertarikh 12 Jun 2015, menyatakan CMM sedang mengambil tindakan terhadap isu yang dibangkitkan oleh pihak UAD dan kursus mengenai penyelenggaraan Fail Meja bagi pegawai yang terlibat akan diadakan.**

7.4.3.8. Corporate Integrity Pact

Pelaksanaan *Corporate Integrity Pact* dalam perolehan Kerajaan merupakan salah satu inisiatif di bawah *National Key Result Area – Corporate Integrity Pact* (CIP) merupakan satu konsep yang diperkenalkan oleh *Transparency International* bagi membantu Kerajaan, Institusi Perniagaan dan Masyarakat Umum dalam usaha membendung rasuah

dalam perolehan Kerajaan. Semakan Audit mendapati CMM belum melaksanakan *Corporate Integrity Pact*. **Maklum balas daripada CMM bertarikh 12 Jun 2015, menyatakan CMM mempunyai proses perolehan yang dipantau oleh Jawatankuasa Tender dan Kewangan.**

7.4.3.9. Pengurusan Kewangan

Semakan Audit terhadap pengurusan kewangan mendapati kawalan bajet, pendapatan, perbelanjaan dan aset adalah baik kecuali:

a. Penyimpanan dan Pengendalian Aset Syarikat

Aset CMM terdiri daripada peralatan pejabat, kemudahan dan peralatan bilik kuliah, kemudahan dan perkakasan bilik asrama, aset dalam dewan makan, peralatan auditorium dan peralatan bilik sumber. Pemeriksaan fizikal terhadap aset syarikat yang telah dijalankan pada 27 Mei 2015 mendapati aset disimpan, direkod and diselenggara dengan baik. Bagaimanapun, didapati 2 stor CMM yang sedia ada tidak mempunyai ruang yang mencukupi untuk menempatkan barang seperti kerusi serta meja yang tidak diguna buat sementara dan barang serta peralatan lain yang bersaiz besar. Keadaan stor adalah di **Gambar 7.9** dan **Gambar 7.10**.

Gambar 7.9
Kedaaan Bilik Stor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Bilik Meludam, Blok D
Tarikh: 27 Mei 2015

Gambar 7.10
Kedaaan Bilik Stor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik Stor Usun Apau, Blok D
Tarikh: 27 Mei 2015

b. Penyenggaraan Kenderaan Serta Rekod

Selain itu, CMM belum menyediakan prosedur pengurusan kenderaan dan belum melantik seorang pegawai yang bertanggungjawab untuk mengurus kenderaan syarikat serta tiada bukti buku log kenderaan diperiksa, disah dan dilulus oleh pegawai yang bertanggungjawab kerana nama atau tanda tangan pegawai tidak dicatat di ruang yang disediakan. **Maklum balas daripada CMM bertarikh 12 Jun 2015, menyatakan CMM telah melantik seorang pegawai yang bertanggungjawab pada 3 Jun 2015 untuk mengurus kenderaan syarikat serta menyelenggara buku log.**

Pada pendapat Audit, pengurusan tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan syarikat adalah memuaskan.

7.5. SYOR AUDIT

Sebagai langkah memastikan syarikat beroperasi secara berterusan dan mencapai objektif penubuhannya, adalah disyorkan C.M. Management (Sarawak) Sdn. Bhd. mengambil tindakan seperti berikut:

7.5.1. Menyemak semula program dan memantapkan lagi kandungan serta metodologi kursus yang dijalankan supaya selaras dengan rancangan yang telah diluluskan dan mengambil kira keperluan semasa dari aspek pengurusan kewangan, pengurusan aktiviti, pengurusan projek serta bidang teknologi maklumat (ICT) untuk meningkatkan kecemerlangan perkhidmatan awam.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah mekanisme pemantauan yang kurang berkesan dalam memastikan undang-undang dan peraturan dikuatkuasakan. Kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjejaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di dalam program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat yang mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

2 Oktober 2015



www.audit.gov.my

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2, 62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA